
Laporan Aktiviti Tahunan
Jabatan
Audit Negara
2016

"I want to say for JAN, you are one of the institutions that we should continue to build up and we want to reform you. I still believe that you should be completely independent."

YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Sesi Townhall Unit Audit Dalam
Akademi Audit Negara
3 November 2016

"Sistem kewangan yang efisyen dapat mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan kerajaan dapat digunakan dengan berhemat seterusnya kesejahteraan rakyat dapat dipenuhi. Sehubungan itu, peranan jabatan audit negara memastikan segala peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya oleh semua jabatan dan agensi kerajaan sama ada peringkat negeri ataupun persekutuan adalah sangat dialu-alukan."

YAB Datuk Seri Utama Ir. Hj. Idris Bin Hj. Haron
Ketua Menteri Melaka
Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2016
Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC)
22 Ogos 2016

"Prinsip 'Value For Money' perlu diterapkan agar perbelanjaan yang dilakukan menghasilkan outcome yang optimum bersesuaian dengan jumlah wang yang telah dibelanjakan. Selain itu, pendekatan 'Value Management' perlu ditekankan kerana melalui penjimatan yang dihasilkan serta pengurusan kewangan yang cekap, lebih banyak lagi projek dapat dilaksanakan bagi manfaat rakyat"

YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Setiausaha Negara Malaysia
Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun Kewangan 2015 Bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan
Dewan Taklimat ICU, Jabatan Perdana Menteri
27 September 2016

Jabatan Audit Negara
MALAYSIA

KANDUNGAN

7 Perutusan Ketua Audit Negara

15 Pengurusan Jabatan Audit Negara

21 Maklumat Korporat

39 Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara

43 Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara & Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

57 Laporan Aktiviti Sektor Audit Kewangan

77 Laporan Aktiviti Sektor Audit Prestasi

113 Laporan Aktiviti Sektor Audit Tadbir Urus

121 Laporan Aktiviti Jabatan Audit Negara, Negeri

175 Laporan Aktiviti Pejabat Ketua Audit Negara

221 Laporan Aktiviti Sektor Pengurusan

243 Pasukan Rujukan Jabatan Audit Negara

247 Artikel:
- Memperkukuhkan Akauntabiliti Sektor Awam: Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
- Komitmen Malaysia Dan Sumbangan Jabatan Audit Negara Malaysia Terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs)
- Pencarian Fraud
- Transformasi Pengauditan Kepada Kertas Kerja Audit Eletronik

269 Imbasan Peristiwa

293 Penerima Pingat Dan Darjah Kebesaran Di Kalangan Warga Jabatan Audit Negara

297 Pengiktirafan

301 Jasamu Dikenang

309 Laporan Kelab
- Majlis Sukan Jabatan Audit Negara (MASJAN)
- PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Audit Negara

335 Liputan Media Mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015

Perutusan
Ketua Audit Negara

Perutusan Ketua Audit Negara Malaysia

Bismillahhirrahmanirrahim

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Tahun 2016 menyaksikan satu lembaran baru bagi Jabatan Audit Negara (JAN) tercipta apabila Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) yang selama ini dinanti-nantikan telah mendapat kelulusan. Gerak kerja untuk melaksanakan PTJ ini telah dimulakan beberapa tahun lalu dengan tujuan untuk memperkasakan JAN melalui perubahan struktur.

PTJ merupakan pelan penstrukturan semula jabatan yang merubah jabatan secara total terutamanya sektor pengauditan. Sebelum ini, struktur pengauditan JAN terbahagi kepada Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Sektor Audit Khas dan Penyelidikan. Melalui penstrukturan semula ini, sektor-sektor tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan tiga sektor iaitu Sektor Audit Prestasi, Sektor Audit Kewangan dan Sektor Audit Tadbir Urus. Perubahan kepada tiga sektor ini bertujuan untuk memantapkan sektor pengauditan yang merupakan core business kepada JAN. Ini bagi membolehkan ketiga-tiga sektor menumpukan kepada bidang pengkhususan audit masing-masing lantas meningkatkan lagi kualiti pengauditan yang dilaksanakan.

Pelaksanaan PTJ ini juga merupakan satu rancangan pengukuhan jabatan seperti yang telah digariskan di bawah teras pertama, Pelan Srategik JAN 2016-2020. Pelan Strategik JAN telah menggariskan 4 teras strategik seperti berikut:

i. Memastikan status kebebasan Jabatan Audit Negara dihormati;

ii. Memperkasakan pengauditan teknologi komunikasi maklumat (ICT);

iii. Menghasilkan Laporan Ketua Audit Negara yang berkualiti; dan

iv. Memperkukuhkan pembangunan kapasiti dan modal insan bagi meningkatkan profesionalisme juruaudit.

Teras-teras Strategik yang digariskan ini amat penting dalam usaha JAN untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam dunia pengauditan sektor awam masa kini. Faktor seperti kekurangan peruntukan untuk melaksanakan pengauditan perlu diteliti sewajarnya kerana ia akan menyebabkan kaedah dan skop pengauditan terpaksa dikurangkan. Begitu juga faktor kekurangan pegawai yang boleh menyebabkan beban tugas dan tempoh pengauditan bertambah yang mungkin boleh menjejaskan kualiti pengauditan mahu pun pelaporan.

Bermula tahun 2016 juga, JAN akan mengalami perubahan pucuk pimpinan yang ekoran dari persaraan pegawai-pegawai kanan JAN. Ia dimulakan dengan persaraan Pengarah Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan, YBhg. Datin Paduka Ong Swee Leng; Pengarah Audit Persekutuan Bahagian II, Puan Hjh. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad; Pengarah Akademi Audit Negara, Puan Hjh. Noor Akma binti Mohd. Baki; Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan), YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Hj. Anwari bin Suri; dan diikuti pada tahun 2017, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman; Pengarah Audit Kewangan IV, YBrs. Puan Wan Bushra binti Wan Yusof dan Pengarah Bahagian Pengauditan ICT, YBrs. Tuan Hj. Abdul Rashid bin Yaakub. Selain itu, tempoh perkhidmatan saya juga tamat pada 22 Februari 2017 setelah 11 tahun memegang tampuk kepimpinan tertinggi JAN sebagai Ketua Audit Negara.

Ini merupakan perubahan secara besar-besaran kepada JAN dan menyaksikan 'muka-muka baru' akan meneruskan kesinambungan sedia ada. Saya percaya dengan kebolehan muka-muka baru dan komitmen serta pengalaman mereka, legasi kecemerlangan JAN akan dapat diteruskan malah akan lebih cemerlang.

Dalam tahun 2016 juga, JAN telah berjaya melaksanakan projek Sistem eAudit yang merupakan satu projek penting bagi JAN secara keseluruhannya. Sistem eAudit ini amat penting kepada pasukan audit dan mengandungi modul-modul seperti Kewangan, Prestasi, Tadbir Urus, ICT, Repositori, Modal Insan, Auditi dan Susulan. Melalui sistem ini, setiap tugasan pengauditan boleh dibuat pemantauan dan melalui status yang dipaparkan. Ia juga boleh digunakan sebagai pusat perkongsian maklumat melalui modul Repositori yang disediakan. Melalui modul Modal Insan pula, pengkalan data bagi seluruh Pegawai Audit disediakan dan ini boleh membantu dalam segi pengurusan sumber manusia secara efisien. Saya merasa amat bangga dengan kejayaan JAN menjayakan projek ini dan sekalung tahniah saya ucapkan atas dedikasi dan usaha gigih bagi memastikan Sistem eAudit ini terlaksana.

Dalam melaksanakan tugasan pengauditan, tidak dapat tidak perbelanjaan JAN akan lebih tertumpu kepada tuntutan perjalanan dan penginapan. Dalam hal ini, pemotongan bajet yang menjadi dasar perbelanjaan berhemah kerajaan kini memberi impak yang besar kepada tugasan JAN. Sebagai sebuah institusi yang melaksanakan pengauditan, peruntukan ini sudah tentu menjadi keutamaan kepada JAN untuk menjalankan core business. Dalam hal ini, JAN menghadapi kekangan yang besar akibat daripada pemotongan bajet dan ianya boleh menjejaskan fungsi JAN. Saya amat berharap bahawa Kerajaan dapat menyelami dan memahami fungsi yang menggunakan peruntukan ini untuk menjalankan tugas.

Nama JAN sudah begitu sebati dengan diri saya. Selama 11 tahun berkhidmat di JAN sudah tentu ia memberikan satu perasaan yang bercampur-baur apabila meninggalkan tempat ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Audit. Daripada warga Audit peringkat bawah hinggalah pengurusan tertinggi, kerjasama dan sokongan anda semua amatlah saya hargai. Tanpa anda semua, JAN tidak akan mampu mencapai kecemerlangan seperti yang dilalui hari ini. Saya juga ingin memohon maaf sekiranya sepanjang saya melaksanakan tugas sebagai Ketua Audit Negara terdapat kesilapan mahu pun keputusan saya yang tidak disenangi atau menyinggung mana-mana pihak. Sesungguhnya ia datang dari kelemahan saya sendiri.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada JAN dan seluruh warganya. Pastikan kesinambungan dan kecemerlangan sedia ada dikekalkan.

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang ditapak tangan,
Sungguhpun jauh beribu batu,
Hilang di mata, di hati jangan.

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kita menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.

Sekian, wassalam.

YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang

Andai engkau ibarat permata,
Kilauan mu seri tidak terhingga,
Andai usia menjadi sempadan,
Setiap jasa mu jadi kenangan

Biarpun diri berjauhan,
Setiap bait nasihatmu terus jadi pedoman
Biar waktu di telan zaman,
Namun, nama mu terus gemerlapan

11 tahun jabatan berbangga
11 tahun lagenda tercipta

Terima Kasih
YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang
Ketua Audit Negara Malaysia
2006-2017

Terima Kasih
YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Hj. Anwari bin Suri
Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)
1980-2016

Terima Kasih
YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman
Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)
1980-2017

Selamat Bertugas

YBHG. TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA
MULAI 23 FEBRUARI 2017

Ucapan Aluan
Ketua Audit Negara Malaysia

Assalamualaikum, salam sejahtera, salam Negaraku Malaysia, tanah tumpah darahku. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T atas limpah rahmat dan rahimNya kepada saya untuk menjawat jawatan Ketua Audit Negara (KAN) Malaysia yang baharu menggantikan mantan KAN yang sebelum ini iaitu YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin Bin Buang. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada beliau atas perkhidmatan yang telah diberikan kepada negara selaku KAN selama 11 tahun. Pelantikan saya sebagai KAN merupakan satu penghormatan dan kesinambungan usaha kerajaan untuk terus meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan sektor awam. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menjawat jawatan yang sangat penting ini yang julung kalinya dipegang oleh seorang wanita. InsyaAllah, dengan amanah dan kepercayaan yang diberikan kepada saya, saya berjanji akan menjalankan tugas dan tanggungjawab saya dengan sebaik-baik mungkin dan cemerlang. Reputasi baik Jabatan Audit Negara (JAN) selama ini di mata umum akan terus diperhebatkan untuk kecemerlangan pengurusan kewangan sektor awam. Agenda pembangunan rakyat yang dirancang oleh kerajaan untuk kesejahteraan dan keharmonian masyarakat akan sentiasa didukung dengan aktiviti pengauditan yang efektif dan berkesan berlandaskan standard pengauditan antarabangsa terbaik untuk pengauditan kewangan, prestasi mahu pun tadbir urus. Penerbitan laporan tahunan JAN saban tahun merupakan satu wadah untuk JAN membentangkan aktiviti sepanjang tahun yang telah berlangsung meliputi tiga sektor utama yang baharu dibentuk mengikut jenis pengauditan dan aktiviti sokongan yang lain termasuk Sektor Negeri, Akademi Audit Negara, Pengurusan, Penyelidikan, Korporat dan Hubungan Antarabangsa. Sebagai ketua perkhidmatan juruaudit, saya mendapati laporan yang disediakan adalah satu pendekatan yang mudah untuk mengenali JAN dengan lebih dekat lagi. Laporan tahunan ini akan dijadikan sebagai bahan rujukan untuk merangka perancangan masa hadapan JAN untuk penambahbaikan dalam bidang pengauditan bukan sahaja di peringkat dalaman bahkan di luar negara. Di samping itu, saya yakin penstrukturan semula JAN yang telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2016 merupakan salah satu langkah kerajaan untuk memastikan JAN berfungsi dengan lebih cekap dan berkesan untuk menghasilkan laporan audit yang lebih seimbang dan komprehensif.

Terima kasih.

YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Binti Mohamad
Ketua Audit Negara Malaysia

Pengurusan
Jabatan Audit Negara

CARTA ORGANISASI
JABATAN AUDIT NEGARA

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA
- AKADEMI AUDIT NEGARA — PENGARAH
- BAHAGIAN PENYELIDIKAN, KORPORAT & HUBUNGAN ANTARABANGSA — PENGARAH
- BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT UNDANG-UNDANG — PENASIHAT UNDANG-UNDANG
- BAHAGIAN INTEGRITI — KETUA PEGAWAI INTEGRITI

SEKTOR PENGURUSAN — PENGARAH
- BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA — TIMBALAN PENGARAH
- BAHAGIAN KEWANGAN & PENTADBIRAN — TIMBALAN PENGARAH
- BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT — TIMBALAN PENGARAH

SEKTOR AUDIT PRESTASI — TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (PRESTASI)
- BAHAGIAN I — PENGARAH
- BAHAGIAN II — PENGARAH
- BAHAGIAN III — PENGARAH
- BAHAGIAN SUSULAN AUDIT — PENGARAH
- BAHAGIAN TEKNIKAL — PENGARAH
- BAHAGIAN PENGAUDITAN AIR DAN ALAM SEKITAR — PENGARAH
- BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT — PENGARAH
- SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN / SEKSYEN PENTADBIRAN & SOKONGAN


SEKTOR AUDIT KEWANGAN
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (KEWANGAN)
BAHAGIAN I
PENGARAH
BAHAGIAN II
PENGARAH
BAHAGIAN III
PENGARAH
BAHAGIAN IV
PENGARAH
SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN / SEKSYEN PENTADBIRAN & SOKONGAN
SEKTOR AUDIT TADBIR URUS
TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (TADBIR URUS)
BAHAGIAN AUDIT TADBIR URUS
PENGARAH
BAHAGIAN PENYELARASAN UNIT AUDIT DALAM
TIMBALAN PENGARAH AUDIT
SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN / SEKSYEN PENTADBIRAN & SOKONGAN
JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI
JOHOR
PENGARAH
AUDIT NEGERI
KEDAH
PENGARAH
AUDIT NEGERI
KELANTAN
PENGARAH
AUDIT NEGERI
MELAKA
PENGARAH
AUDIT NEGERI
NEGERI SEMBILAN
PENGARAH
AUDIT NEGERI
PAHANG
PENGARAH
AUDIT NEGERI
PERAK
PENGARAH
AUDIT NEGERI
PERLIS
PENGARAH
AUDIT NEGERI
PULAU PINANG
PENGARAH
AUDIT NEGERI
SABAH
PENGARAH
AUDIT NEGERI
SARAWAK
PENGARAH
AUDIT NEGERI
SELANGOR
PENGARAH
AUDIT NEGERI
TERENGGANU
PENGARAH
AUDIT NEGERI

Pengurusan TERTINGGI

1 YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Audit Negara Malaysia

2 YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Hj. Che Kob
Timbalan
Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)

3 YBhg. Datuk Juhari bin Haron
Pengarah Audit Prestasi I
Sektor Audit Prestasi I

4 Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan
Pengarah Audit Kewangan I
Sektor Audit Kewangan

5 En. Zulkipli bin Abdullah
Pengarah Bahagian Susulan Audit
Sektor Audit Prestasi

6 YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har
Pengarah Audit
Sektor Audit Tadbir Urus

7 Tn. Hj. Abdul Rashid bin Yaakub
Pengarah Audit ICT
Sektor Audit Prestasi

8 En. Zaaba bin Zainuddin
Pengarah Audit Kewangan II
Sektor Audit Kewangan

9 En. Kamaruzaman bin Umar
Pengarah
Sektor Pengurusan

10 Pn. Yusnani binti Zakaria
Pengarah Audit Prestasi III
Sektor Audit Prestasi

11 YBhg. Datin Seri Dato' Shamsiah binti Hj. Daud
Pengarah Audit Prestasi II
Sektor Audit Prestasi

12 Pn. Lim Sok Kiang
Pengarah Audit Kewangan III
Sektor Audit Kewangan

13 Pn. Wan Bushra binti Wan Yusoff
Pengarah Audit Kewangan IV
Sektor Audit Kewangan

14 YBrs. Dr. Masiah binti Ahmad
Pengarah
Akademi Audit Negara

15 En. Zamani bin Md. Jidin
Pengarah Bahagian Teknikal
Sektor Audit Prestasi

16 YBrs. Ir. Md. Wahid bin Mohd Nor
Pengarah Bahagian Pengauditan Air
Sektor Audit Prestasi

17 Tn. Hj. Roslan bin Abu Bakar
Pengarah Bahagian Penyelidikan, Korporat & Hubungan Antarabangsa

18 Pn. Wan Nurhanani Ashikin binti Wan Ibrahim
Penasihat Undang-Undang

19 Pn. Sharifah Nisrinah binti Syed Ahmad
Ketua Pegawai Intergriti

Pengarah AUDIT NEGERI

1

2

3

4

5

6

7

8

9

10

11

12

13

1 En. Mohd Said bin Supar
Pengarah Audit Negeri Johor

2 Pn. Hjh. Kartina binti Zamhari
Pengarah Audit Negeri Sarawak

3 En. Abdul Ghani bin Md. Lakin
Pengarah Audit Negeri Selangor

4 Pn. Patimah binti Ramuji
Pengarah Audit Negeri Sabah

5 En. Saharudin bin Mahamud
Pengarah Audit Negeri Perak

6 Pn. Nadhirah binti Hj. Abdul Wahab
Pengarah Audit Negeri Terengganu

7 YBhg. Datin Siti Zaleha binti Bakar
Pengarah Audit Kerajaan Pulau Pinang

8 En. Jesmani bin Yusoff
Pengarah Audit Negeri Kelantan

9 En. Azunan bin Daud
Pengarah Audit Negeri Pahang

10 Pn. Baridatul Anita binti Bidin
Pengarah Audit Negeri Kedah

11 En. Allias bin Alwi
Pengarah Audit Negeri Sembilan

12 Tn Hj. Redzuan bin Hj. Abdul Samad
Pengarah Audit Negeri Melaka

13 En. Noor Hishamuddin Shah bin Mohamad Shafiee
Pengarah Audit Negeri Perlis

Maklumat
Korporat

PEJABAT DAN WISMA AUDIT, JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62518 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8889 9000

Faks: 03-8889 9721

Jabatan Audit Negara, Negeri Johor

Tingkat 21, Menara Ansar, No. 65, Jalan Trus 80000 Johor Bahru, Johor

Tel: 07-2243511 / 07-2235060 / 07-2227275 / 07-2227285

Faks: 07-2238127

Jabatan Audit Negara, Negeri Sabah

Blok A, Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah, Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No. 2021, 88450 Kota Kinabalu Sabah

Tel: 088-488140 / 088-488144 / 088-488123

Faks: 088-488117 / 088-488119 / 088-488120 / 088-488137

Jabatan Audit Negara, Negeri Sarawak

Tingkat 4, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga 93518 Kuching, Sarawak

Tel: 082-242372 / 082-242342 / 082-234872

Faks: 082-242191 / 082-239876

Jabatan Audit Negara, Negeri Selangor

Wisma Audit, Persiaran Perbandaran, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-55147400

Faks: 03-55147405

Jabatan Audit Negara, Negeri Pahang

Wisma Audit Seksyen II, Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan, Pahang

Tel: 09-5729988

Faks: 09-5729698

Jabatan Audit Negara, Negeri Perak

Wisma Audit, Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya 30518 Ipoh, Perak
Tel: 05-5279984 / 05-5268646 / 05-5269646
Faks: 05-5280358 / 05-5280371

Jabatan Audit Negara, Negeri Kedah

Aras 3, Zon C, Wisma Persekutuan, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 06550 Bandar Muadzam Shah Kedah
Tel: 04-7309855 / 04-7310624 / 04-7310625
Faks: 04-73277417

Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu

Tingkat 11, Wisma Persekutuan, 20518 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel: 09-6221040
Faks: 09-6225194

Jabatan Audit Negara, Negeri Kelantan

Wisma Audit, Bandar Baru Tunjong, Jalan Pasir Mas-Salor, 15518 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7418460
Faks: 09-7445399

Jabatan Audit Negara, Negeri Pulau Pinang

Wisma Audit, 2027 Jalan Bertam 2
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang
Tel: 04-5777000
Faks: 04-5777111

Jabatan Audit Negara, Negeri Melaka

Wisma Audit, Persiaran MITC, Hang Tuah Jaya,
75450 Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-2325141 / 06-2325184
Faks: 06-2325771

Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan

Wisma Audit, Jalan Haruan 2, Oakland Commercial Centre, Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
Tel: 06-7629700 / 06-7635996 / 06-7613076 / 06-7627037
Faks: 06-7639817

Jabatan Audit Negara, Negeri Perlis

Tingkat 1, Bangunan Persekutuan, Persiaran Jubli Emas 01000 Kangar, Perlis
Tel: 04-9770013 / 04-9761351
Faks: 04-976 5015

PERNYATAAN KORPORAT

LAMBANG PERSEKUTUAN

Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada KAN bagi melaksanakan pengauditan akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

DUA TANGKAI PADI

Melambangkan usaha dan kegigihan warga Audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh JAN.

BENTUK BULAT

Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga Audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi.

WARNA MAROON

Melambangkan imej korporat dan identiti JAN.

WARNA KUNING

Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik KAN atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-raja.

WARNA PUTIH

Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam.

PELANTIKAN KETUA AUDIT NEGARA

KAN dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan KAN boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. KAN boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

MANDAT AUDIT

Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab KAN untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-Badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan Syarikat Kerajaan/Anak Syarikat Kerajaan juga diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. LKAN bagi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Parlimen. Manakala LKAN bagi Kerajaan Negeri dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar/Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen dan DUN.

KAN berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan dalam menjalankan kewajipannya. Beliau berhak memeriksa semua dokumen dan boleh meminta individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana individu menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi pihak beliau. Di samping itu, KAN juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh KAN berkaitan dengan kewajipannya adalah rahsia.

VISI

Untuk Menjadi Penyumbang Utama Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dan Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam Menjelang Tahun 2020.

MISI

Melaksanakan Pengauditan Secara Profesional Dan Bebas Serta Mengemukakan Laporan Seimbang Kepada Parlimen Dan Dewan Perundangan Negeri Ke Arah Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam.

OBJEKTIF

- Menyediakan Laporan Audit yang berkualiti dan menepati masa untuk dikemukakan kepada Parlimen/DUN.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan auditi.
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi Jabatan contoh.

PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa.
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

SLOGAN KUALITI

'Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti'

BUDAYA KORPORAT

01 INTEGRITI
Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit.

02 ESPRIT DE CORPS
Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat esprit de corps dan berinovasi.

03 BERTANGGUNGJAWAB
Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai Juruaudit atau kakitangan Jabatan.

04 PROFESIONALISME
Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja.

05 KEBEBASAN
Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan keperluan Akta Audit 1957.

06 KUALITI
Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan.

SEJARAH DAN EVOLUSI

Institusi Audit telah wujud di Tanah Melayu sejak pentadbiran penjajah British pada awal abad ke 19. Pada ketika itu Audit wujud secara berasingan mengikut negeri iaitu Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat. Institusi Ketua Audit Negara bagi Semenanjung Tanah Melayu wujud pada tahun 1906 apabila Ketua Audit Negara untuk Negeri Melayu Bersekutu pertama dilantik. Beliau bertanggungjawab terhadap fungsi audit bagi 4 negeri yang berpusat di Kuala Lumpur. Pada tahun 1932 kedua-dua Institusi ini digabungkan dan diletakkan di bawah kawalan *Director of Colonial Audit* yang berpusat di London. Tugas pengauditan dipertanggungjawabkan kepada *Auditor of the Straits Settlements and the Federated Malay States,* berpusat di Kuala Lumpur. Menjelang kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, jawatan *Director of Audit Malaya* ditukar kepada nama Jabatan Audit Negara. Perlantikan KAN serta tanggungjawabnya termaktub di bawah Perkara 105 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan daripada pihak Inggeris, sebahagian besar jawatan tertinggi Kerajaan pada ketika itu termasuklah jawatan KAN masih lagi disandang oleh pegawai-pegawai Inggeris. Hanya pada tahun 1963, Jawatan KAN yang pertama disandang oleh anak tempatan iaitu En. S. Kandiah memandangkan sebelum dari tarikh ini jawatan tersebut dilantik di kalangan pegawai *British Colonial Audit Service*.

1906 1946

Pengauditan audit pada masa itu lebih tertumpu kepada aspek transaksi bagi mengukuhkan lagi sistem pentadbiran kewangan pihak penjajah sehinggalah penubuhan Malayan Union.

Pada tahun 1934 bentuk Laporan Audit telah dipinda dan di bahagikan kepada dua Bahagian iaitu Bahagian 1 mengenai pengesahan terhadap akaun dan Bahagian 2 mengenai hasil pengauditan yang dijalankan terhadap pengendalian akaun dan penyimpanan rekod.

1948 1956

Pada tahun 1948, kandungan Laporan Audit mula mengasingkan Laporan Audit Persekutuan dan Laporan Audit Negeri. Format Laporan Audit lebih berbentuk pengesahan penyata dan pengurusan kewangan.

Mulai tahun 1956 selaian daripada pengesahan kepada penyata kewangan, Laporan Audit membangkitkan isu mengenai kelewatan penyerahan penyata, kawalan dalaman, penelewengan, kehilangan dan juga melaporkan pengurusan kewangan di Jabatan dan Kementerian.

1957

Pendekatan audit berdasarkan kuasa yang diperuntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957. Pendekatan lebih tertumpu kepada aspek kewangan dan pematuhan.

Selepas merdeka bentuk pengauditan masih menekankan kepada pengesahan penyata kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan undang-undang.

1960 1968

Mulai tahun 1960 Laporan Audit disediakan dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu

Program and Performance Budgeting System diperkenalkan. Pendekatan audit pada masa ini mula member penekanan terhadap pelaksanaan projek Kerajaan. Oleh itu pendekatan audit berorientasikan pencapaian mula dilakukan walaupun tidak ada peruntukan undang-undang.

1978 1983

Pendekatan audit telah diperluaskan lagi dengan pindaan Akta Audit 1957 pada tahun 1978 dan 1983 iaitu untuk melaksanakan pengauditan prestasi terutama terhadap pelaksaan projek Kerajaan.

1986

Pengauditan kewangan terhadap Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mula diswastakan kepada Firma Audit Swasta.

2000 2005

Pendekatan pengauditan yang mesra auditi diperkenalkan melalui Program Pembaharuan Jabatan. Beberapa perubahan dari segi pendekatan audit diperkenalkan untuk membantu pihak auditi seperti: Program Anak Angkat, Khidmat Nasihat terhadap Sistem Kawalan Dalaman, Pengauditan Pengurusan dan Pembangunan Sistem ICT dan Projek Al;am Sekitar, Forensik dan Sistem ICT. Warta dikeluarkan untuk pengauditan landsung oleh Jabatan terhadap 496 buah Syarikat dan anak Syarikat Kerajaan.

Pembinaan Akademi Audit Negara pada tahun 2005 sebagai landasan untuk mempertingkatkan imej dan profesionalisme juruaudit sektor awam.

2006 2011

Bermula pada tahun 2006, Jabatan telah mengeluarkan dua LKAN yang berasingan iaitu LKAN mengenai Aktiviti dan Pengurusan Syarikat bagi Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Penstrukturan semula JAN yang dibuat pada tahun 2007 dengan penubuhan Sektor Audit Khas & Penyelidikan yang merangkumi bahagian pengkhususan seperti Pengurusan Air, Alam Sekitar, Kajian Khas dan ICT. Tahun 2007 juga telah diperkenalkan Indeks Akauntabiliti bagi mengukur prestasi pengurusan kewangan kementerian, jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Pada tahun 2007, JAN telah memperkenalkan perlaksanaan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntibiliti (AI).

Pada tahun 2009, Kerajaan telah bersetuju dengan pengkaderan jawatan Juruaudit Dalam di kementerian/jabatan di mana Juruaudit JAN telah ditempatkan di Unit Audit Dalam yang berkenaan.

Budaya perkongsian pengetahuan dan pengalaman melalui penulisan mula diterapkan pada awal tahun 2011 dengan penerbitan dua edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam setahun.

2013 2015

Penubuhan 13 Pasukan Rujukan pada tahun 2013 bagi membantu kompetensi juruaudit baru dan sedia ada atau sebagai reference point kepada mereka

Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 berhubung pemanbahbaikan terhadap proses pelaporan iaitu pembentangan tiga siri LKAN, Penubuhan Jawatankuasa Tindakan, Pembangunan AG's Dashboard dan Inkuisisi Putrajaya pada tahun 2013. Sehubungan dengan itu Bahagian Susulan Audit di wujudkan selaras dengan Pelaksanaan inisiatif GTP 2.0 tersebut.

Pelancaran AG's Dashboard Versi 2.0 pada tahun 2015 dengan penambahbaikan di mana auditi boleh memberi maklum balas secara dalam talian serta terdapat ruangan komentar awam.

2016

Penstrukturan semula JAN dibuat pada tahun 2016 dengan penubuhan Pejabat Ketua Audit Negara, Sektor Audit Prestasi, Sektor Audit Kewangan dan Sektor Audit Tadbir Urus Dan Menggantikan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Negeri, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan dan Sektor Audit Khas dan Penyelidikan.

PROGRAM TRANSFORMASI JABATAN AUDIT NEGARA

Program Transformasi JAN atau PTJ telah bermula pada tahun 2014 selaras dengan mandat yang diberikan oleh Kerajaan melalui Jemaah Menteri untuk menubuhkan Pasukan Petugas Khas Transformasi JAN di bawah seliaan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Berasakan mandat tersebut, Pasukan Petugas telah memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu Mandat, Autonomi dan Pengurusan Sumber Manusia.

Pada penghujung tahun 2015, kertas cadangan transformasi JAN telah dibentangkan semula oleh Pasukan Petugas Transformasi kepada Jemaah Menteri dan telah dipersetujui untuk dilaksanakan mengikut strategi pelaksanaan yang dibincangkan bersama dengan Jabatan Peguam Negara, Parlimen Malaysia, Perbendaharaan Malaysia dan semua agensi lain yang terlibat.

Salah satu daripada agenda yang dipersetujui adalah penstrukturan semula organisasi JAN berdasarkan kepada kertas cadangan tersebut. Perkara ini telah dibincangkan bersama-sama BPO JPA dan juga Perbendaharaan Malaysia yang akhirnya telah bersetuju dengan penjenamaan semula Program utama JAN dan penyusunan semula Sektor mengikut pengkhususan.

Program sedia ada adalah seperti berikut:

Pengauditan	Pengurusan	Pejabat Ketua Audit Negara
• Sektor Audit Kerajaan Persekutuan • Sektor Audit Kerajaan Negeri • Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan • Sektor Audit Khas dan Penyelidikan	• Sektor Pengurusan • Bahagian Hal Ehwal Korporat • Akademi Audit Negara • Bahagian Audit Susulan • Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang	• Unit Pentadbiran • Unit Integriti

Program baru adalah seperti berikut:

Pengauditan	Pengurusan	Pejabat Ketua Audit Negara
• Sektor Audit Prestasi • Sektor Audit Kewangan • Sektor Audit Tadbir Urus	• Sektor Pengurusan - Bah. Kewangan & Pentadbiran - Bah. Pengurusan Sumber Manusia - Bah. Teknologi Maklumat & Komunikasi - Pentadbiran & Sokongan (13 Negeri & semua sektor / Pejabat KAN)	• Pejabat Ketua Audit Negara - Akademi Audit Negara - Bah.Penyelidikan, Korporat & Hubungan Antarabangsa - Unit Integriti - Unit Khidmat Nasihat Undang-Undang

Akhirnya, melalui Waran Perjawatan Bilangan A152 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016, JAN telah diluluskan penstrukturan semula perjawatan sebanyak 2,041 jawatan dengan cara trade-off sebahagian besar jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 yang telah kosong tanpa pengisian semasa urusan dijalankan.

PELAN STRATEGIK JABATAN AUDIT NEGARA 2016-2020

Pelan Strategik merupakan elemen penting pengurusan sesebuah organisasi bagi menentukan hala tuju dan fokus organisasi pada jangka masa panjang. Pelan strategik diwujudkan bagi memperjelaskan bagaimana JAN menyampaikan perkhidmatannya dengan berkesan dan berkualiti dalam tempoh lima tahun akan datang dan menjadi panduan sebagai sebuah Jabatan yang bebas dan profesional dalam Sektor Awam. Pelan Strategik JAN 2016-2020 ini mempunyai 12 bab yang membincangkan pelbagai perkara sesuai dengan keperluan sebuah Pelan Strategik Jabatan. Antara bab tersebut ialah latar belakang JAN, Fungsi JAN dalam sistem pentadbiran negara, persekitaran yang mempengaruhi perkembangan operasi JAN, Program Transformasi JAN, hala tuju strategik, objektif JAN, nilai utama, teras strategik dan pelan tindakan strategik indikator.

Pelan Strategik JAN 2016-2020 menggariskan bagaimana hasrat JAN untuk menyampaikan perkhidmatannya dalam tempoh lima tahun akan datang. Fokus penyampaian perkhidmatan JAN adalah untuk menambah baik prestasi pengurusan kewangan Sektor Awam serta menyokong prinsip akauntabiliti dan ketelusan dalam Sektor Kerajaan melalui laporan yang bebas kepada Parlimen, Eksekutif dan orang awam. Selaras dengan sasaran Kerajaan menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, JAN telah mengenal pasti beberapa sasaran utama yang perlu dicapai dan direalisasikan. Pelan Strategik JAN telah disediakan dengan empat fokus utama dengan objektif untuk:

- Menjadi Institusi Audit yang bebas dan sentiasa responsif dalam hubungan dengan Parlimen dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara serta membantu Sektor Awam menambah baik prestasi pengurusan kewangan;
- Merangka dan menjana strategi untuk meningkatkan profesionalisme pegawai-pegawai Audit dengan Pelan Pembangunan Kapasiti yang dikenal pasti;
- Mengekalkan persekitaran kerja yang bekerjasama dan produktif yang menyokong keupayaan JAN untuk mencapai taraf Institusi Audit sebuah negara maju;
- Menambah baik prosedur dan teknik pengauditan sedia ada bagi memastikan standard pengauditan antarabangsa dipatuhi.

Pelan ini menyenaraikan strategi dan langkah yang akan dilaksanakan bagi tempoh 2016 hingga 2020 bagi mencapai sasaran tersebut. Strategi dan langkah tersebut juga akan dipantau sebagai langkah kawalan dan mengenal pasti masalah dalam pelaksanaannya. Pelan ini juga menjelaskan kerangka kerja pengukuran prestasi yang berasaskan kepada Key Performance Indicator.

Pelan Strategik JAN menggariskan Empat Teras Strategik yang jelas dan munasabah selaras dengan fungsi dan objektif JAN. Hala tuju tersebut diterjemahkan dalam pelan tindakan yang menggariskan strategi-strategi dan tindakan yang perlu dilaksanakan

bagi memperkukuh dan meningkatkan keupayaan pencapaian perkhidmatan awam di samping meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran negara.

Hala tuju strategik telah menetapkan visi JAN sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa. Manakala misi JAN pula ialah melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Objektif JAN telah dipinda selaras dengan kelestarian persekitaran Kerajaan. Lima objektif JAN tersebut ialah:

- Menyediakan laporan audit pada masanya untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan Laporan secara bebas dan adil.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada stakeholders dan Auditi.
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi Jabatan contoh dalam persekitaran negara maju.

Pelan Strategik JAN 2016 -2020 juga telah mengenal pasti lima nilai utama yang perlu dibudayakan oleh pegawai JAN dalam melaksanakan tugasan Audit iaitu bebas, profesional, integriti, amanah dan relevan. Perancangan inisiatif Pelan Strategik telah diperkukuhkan dengan penetapan teras strategik yang baru. Teras strategik merupakan usaha atau langkah yang dicadangkan diadakan bagi meningkatkan kemandirian kumpulan yang disasarkan untuk melaksanakan pengauditan dengan tahap kualiti yang tinggi dan cemerlang sama ada dalam negara atau di peringkat antarabangsa. Pada masa yang sama latihan dan pembangunan kerjaya warga JAN juga turut dipertingkatkan bagi memastikan tahap pengauditan yang dilaksanakan adalah cekap dan berkesan dalam meningkatkan akauntabiliti awam. Terdapat sebanyak 4 teras strategik yang telah digariskan iaitu:

1. Memastikan status kebebasan JAN dihormati.
2. Memperkasakan pengauditan teknologi komunikasi maklumat (ICT).
3. Menghasilkan Laporan Ketua Audit Negara yang berkualiti.
4. Memperkukuhkan pembangunan kapasiti dan modal insan bagi meningkatkan profesionalisme juruaudit.

Selain itu, elemen peningkatan teknologi maklumat dan pembangunan kerjaya serta kepimpinan yang berpengetahuan dan berkemahiran, peruntukan kewangan yang mencukupi serta modal insan yang kompeten, kerjasama dengan Institusi Audit luar negara juga adalah antara asas utama bagi menjayakan agenda pelan strategik ini. Ringkasan kepada keempat-empat teras tersebut boleh diterjemahkan seperti berikut:

Memastikan Status Kebebasan JAN

- Memperkasakan kebebasan institusi Audit dalam perkhidmatan awam
- Mengukuhkan mandat pengauditan

- Menyediakan infostruktur dan infrastruktur mesra ICT
- Memperluaskan pengauditan berasaskan ICT

Memperkasakan Penggunaan Teknologi Komunikasi (ICT) Dalam Pengauditan

Menghasilkan Laporan Ketua Audit Negara Yang Berkualiti

- Memastikan JAN mencapai tahap 4 (ICAT) untuk pemakaian Standard Pengauditan Antarabangsa (ISSAI)
- Memantapkan proses kerja pengauditan yang berkualiti menerusi pendekatan kawalan kualiti serta peranan dan fungsi Unit Semakan Jaminan Kualiti (QAR)
- Penambahbaikan dalam pengauditan dan pelaporan
- Penerokaan bidang baru dan pengukuhan pengauditan

- Menyediakan pelan pembangunan kapasiti (struktur organisasi dan modal insan)
- Membangunkan modal insan yang kompeten dan profesional
- Menyediakan infrastruktur dan mengukuhkan program latihan untuk melahirkan Juruaudit yang berkualiti dan profesional
- Memperkukuhkan program latihan bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran dalam pengauditan
- Memperkukuhkan kompetensi Juruaudit dengan kemahiran Komputer
- Menambah baik dan memperkemas laluan kerjaya Juruaudit

Memperkukuhkan Pembangunan Kapasiti dan Modal Insan Bagi Meningkatkan Profesionalisme

Pelancaran Pelan Strategik JAN pada 24 November 2016.

PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT JAN (PSTM) 2016-2020

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) 2016-2020 dibangunkan bagi tujuan menyediakan hala tuju strategik ICT JAN selama tempoh 5 tahun dari 2016-2020. Pembangunan PSTM ini adalah perancangan strategik melibatkan empat teras utama ICT terdiri dari tadbir urus, aplikasi, infrastruktur serta kompetensi. PSTM 2016-2020 ini telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri KAN sempena Hari Audit 1Malaysia pada 22 Ogos 2016 bertempat di MITC Melaka.

Pelan Strategik Teknologi Maklumat JAN yang dilancarkan pada 22 Ogos 2016.

VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK ICT JAN



Pembentangan
Laporan Ketua Audit Negara

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong / Sultan/ Tuan Yang Terutama yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen/ Dewan Undangan Negeri (DUN).

YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman, TKAN (Prestasi) menyerahkan LKAN kepada YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat

Pada tahun 2016, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) telah dibentangkan di Parlimen sebanyak dua kali. Pada 18 Mei 2016, LKAN bagi laporan berikut telah dibentangkan di Parlimen:

- LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015;
- LKAN Mengenai Pengurusan Kewangan Tahun 2015 Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri; dan
- LKAN Tahun 2015 Siri 1 Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan Dan Kerajaan-Kerajaan Negeri.

Manakala, LKAN seterusnya dibentangkan di Parlimen pada 21 November 2016 dengan pembentangan laporan seperti berikut:

- LKAN Tahun 2015 Siri 2 Mengenai Aktiviti Bagi Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri;
- LKAN Mengenai Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2015; dan
- LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 pula telah dibentangkan pada 21 November 2016.

Pembentangan LKAN Tahun 2015 di DUN adalah seperti berikut:

DUN	LKAN TAHUN 2015	TARIKH PEMBENTANGAN
Johor	Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	8 September 2016
Kedah	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	15 Ogos 2016
	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Tahun 2015	13 November 2016
Kelantan	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	27 Oktober 2016
	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Tahun 2015	27 Oktober 2016
Negeri Sembilan	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	8 Ogos 2016
	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2015	5 Disember 2016
	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Tahun 2015	5 Disember 2016
Melaka	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	20 Jun 2016
Pahang	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	25 November 2016
Perak	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	9 Ogos 2016
Perlis	Aktiviti Jabatan / Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015.	3 Ogos 2016
Pulau Pinang	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	15 November 2016
Sabah	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015	8 Ogos 2016
	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 2/2015	21 November 2016
	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/ Agensi Negeri Siri 2/2015	21 November 2016
Sarawak	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/ Tahun 2015	21 November 2016
Selangor	Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Siri 1/2015	1 Ogos 2016
Terengganu	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Siri 1/2015.	8 Ogos 2016



Mesyuarat

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara & Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TAHUN 2016

YBhg. Tan Sri KAN menyerahkan LKAN Tahun 2015 kepada YBhg. Dato' Sri Hasan bin Arif, Pengerusi PAC

Pembentangan oleh JAN kepada Ahli PAC mengenai LKAN Tahun 2015

Sepanjang tahun 2016, JAN telah terlibat dalam mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) seperti di Jadual berikut:

BIL.	TARIKH	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT
1.	19 Januari 2016	Kementerian Kewangan Malaysia 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	**Bil. 1/2016** Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
2.	11 Februari 2016	Kementerian Kewangan Malaysia 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	**Bil. 2/2016** Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
3.	12 Februari 2016	Kementerian Kewangan Malaysia 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	**Bil. 3/2016** Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
4.	4 Mac 2016 & 7 Mac 2016	Jabatan Audit Negara	**Bil. 4/2016** Perbincangan Mengenai Laporan Akhir Pengauditan Jabatan Audit Negara Terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
5.	14 Mac 2016	Jabatan Audit Negara	**Bil. 5/2016** Perbincangan Mengenai Laporan Akhir Pengauditan Jabatan Audit Negara Terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
6.	15 Mac 2016	Jabatan Audit Negara	**Bil. 6/2016** Perbincangan Mengenai Laporan Akhir Pengauditan Jabatan Audit Negara Terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
7.	23 Mac 2016	Jabatan Audit Negara	**Bil. 7/2016** Perbincangan Mengenai Laporan Akhir Pengauditan Jabatan Audit Negara Terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
8.	28 Mac 2016	Jabatan Audit Negara Kementerian Kewangan Malaysia Jabatan Perkhidmatan Awam Jabatan Akauntan Negara Malaysia Unit Perancang Ekonomi	**Bil. 8/2016** *Housekeeping* Laporan PAC Berhubung Dengan Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
9.	31 Mac 2016	Jabatan Audit Negara Kementerian Kewangan Malaysia Jabatan Perkhidmatan Awam Jabatan Akauntan Negara Malaysia Unit Perancang Ekonomi	**Bil. 9/2016** *Housekeeping* Laporan PAC Berhubung Dengan Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB)

BIL.	TARIKH	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	TAJUK MESYUARAT
10.	04 April 2016	Jabatan Audit Negara Kementerian Kewangan Malaysia Jabatan Perkhidmatan Awam Jabatan Akauntan Negara Malaysia Unit Perancang Ekonomi	**Bil. 10/2016** *Housekeeping* Laporan PAC Berhubung Dengan Kawalan Pengurusan Urus Tadbir Terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB)
11.	19 Mei 2016	Jabatan Audit Negara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Kementerian Pertanian dan AsasTani Kementerian Wilayah Persekutuan	**Bil. 11/2016** Penyelewengan Dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi Program Subsidi Benih Padi Sah Pengurusan Iklan/Papan Tanda Di Kuala Lumpur
12.	18 Mei 2016	Jabatan Audit Negara	**Bil. 12/2016** Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Dan Pengurusan Syarikat Subsidiari Serta Pengurusan Kewangan Siri 1 Tahun 2015
13.	8 Ogos 2016	Jabatan Audit Negara	**Bil. 13/2016** Mesyuarat Penyediaan Laporan: Penyelewengan Dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi Program Subsidi Benih Padi Sah Pengurusan Iklan/Papan Tanda Di Kuala Lumpur
Pada tahun 2016, sejumlah 91 pengauditan prestasi yang melibatkan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah dilaporkan oleh JAN Negeri. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti penyenggaraan jalan, saliran, perolehan, pelesenan, dan pengurusan tanah, perumahan, perolehan, cukai tanah, cukai taksiran, pengurusan hasil, alam sekitar, pengairan, perhutanan, pertanian, penternakan, pelancongan, papan iklan, kuota bumiputera, tukar syarat tanah, bantuan am, projek pembinaan dan pembaikan bangunan, program pembinaan dan pembaikan rumah rakyat termiskin, hal-hal berkaitan kemudahan awam dan lain-lain pengurusan. Bilangan pengauditan prestasi bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2015 adalah seperti di jadual berikut:

BILANGAN PENGAUDITAN PRESTASI YANG DILAPORKAN DALAM LKAN TAHUN 2015

BIL.	JAN NEGERI	JUMLAH
1.	Johor	8
2.	Kedah	6
3.	Kelantan	5
4.	Melaka	4
5.	Negeri Sembilan	6
6.	Pahang	8
7.	Perak	8
8.	Perlis	4
9.	Pulau Pinang	7
10.	Sabah	11
11.	Sarawak	9
12.	Selangor	9
13.	Terengganu	6
	JUMLAH	**91**

PENGAUDITAN PRESTASI BAGI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Sebanyak 13 pengauditan prestasi telah dijalankan terhadap pelbagai aktiviti Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2016. Tajuk pengauditan prestasi bagi Badan Berkanun Persekutuan yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAJUK PENGAUDITAN PRESTASI YANG DILAPORKAN DALAM LKAN TAHUN 2015

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAJUK KAJIAN
1.	Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ)	Pengurusan Pembinaan Bangunan
2.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Pengurusan Perolehan
3.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	Pengurusan Perolehan

BIL.	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	TAJUK KAJIAN
4.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	Pengurusan Perolehan
5.	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)	Pengurusan Pembinaan dan Peralatan Pusat Rehabilitasi
6.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP)	Pengurusan Sistem Maklumat Agihan Zakat
7.	LGM Properties Corporation (LGMPC)	Pengurusan Ladang Dan Hartanah LGM
8.	Lembaga Tabung Haji (LTH)	Pengurusan Penginapan dan Pengangkutan Jemaah Haji di Tanah Suci
9.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Pengurusan Projek FELDA dan Subsidiari
10.	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	Pengurusan Hartanah
11.	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Pengurusan Projek Khas Perumahan Nelayan
12.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	Pengurusan Perolehan
13.	Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	Pengurusan Pemantauan Penyenggaraan Lebuhraya

Pengurusan Pembinaan Bangunan LPJ & Pengauditan Pengurusan Pembinaan dan Peralatan Pusat Rehabilitasi PERKESO

Pengauditan Pengurusan Penempatan Semula Nelayan LKIM & Pengauditan Pengurusan Ladang dan Hartanah LGM Oleh LGMPC

BAHAGIAN SUSULAN AUDIT

Bahagian Susulan Audit (BSA) telah ditubuhkan pada bulan Februari 2013 untuk merealisasikan fungsi-fungsi dalam pelaksanaan *Auditor General's Dashboard (AG's Dashboad),* penubuhan Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara dan Putrajaya *Inquisition* di bawah Program Transformasi Kerajaan 2.0. Antara aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

PEMANTAUAN *AG'S DASHBOARD*

AG's Dashboard telah dilancarkan pada 30 Mei 2013 bagi memenuhi permintaan rakyat yang mahu Kerajaan bersikap lebih telus. Melalui *AG's Dashboard* orang ramai boleh mengakses untuk mengetahui status tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN setiap tahun. Isu-isu yang dipaparkan pada *AG's Dashboard* dikategorikan kepada 2 bentuk teguran iaitu teguran *punitive* yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas dan teguran *corrective* yang melibatkan penambahbaikan sistem dan prosedur. Berikut merupakan Analisis Peratus Kemajuan *AG's Dashboard* Berdasarkan Status Tindakan setakat 31 Disember 2016:

ANALISIS PERATUS KEMAJUAN *AG'S DASHBOARD* BERDASARKAN STATUS TINDAKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2016

LKAN TAHUN	MERAH		KUNING		HIJAU		JUMLAH
	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS	BIL.	PERATUS	
2011	0	0%	0	0%	154	100%	154
2012	0	0%	7	3%	249	97%	256
2013	0	0%	43	4%	1,100	96%	1,143
2014	0	0%	250	15%	1,406	85%	1,656
2015	30	2%	869	51%	796	47%	1,695
KESELURUHAN	**30**	**1%**	**1,169**	**23%**	**3,705**	**76%**	**4,904**

Jumlah Pelawat: 37,250

Seterusnya, Statistik Tindakan Susulan bagi LKAN Tahun 2012 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Statistik Status Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun : 2015

STATUS	BILANGAN PENEMUAN			
	SIRI 1	SIRI 2	SIRI 3	JUMLAH
TIADA TINDAKAN	3	27	0	30
DALAM TINDAKAN	256	613	0	869
SELESAI	492	304	0	796
Jumlah	751	944	0	1695

Statistik Status Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun : 2014

STATUS	BILANGAN PENEMUAN			
	SIRI 1	SIRI 2	SIRI 3	JUMLAH
TIADA TINDAKAN	0	0	0	0
DALAM TINDAKAN	46	67	137	250
SELESAI	267	568	571	1406
Jumlah	313	635	708	1656

Statistik Status Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun : 2013

STATUS	BILANGAN PENEMUAN			
	SIRI 1	SIRI 2	SIRI 3	JUMLAH
TIADA TINDAKAN	0	0	0	0
DALAM TINDAKAN	2	21	20	43
SELESAI	285	434	381	1100
Jumlah	287	455	401	1143

Statistik Status Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara Tahun : 2012

STATUS	BILANGAN PENEMUAN			
	SIRI 1	SIRI 2	SIRI 3	JUMLAH
TIADA TINDAKAN	0	0	0	0
DALAM TINDAKAN	3	2	2	7
SELESAI	92	86	71	249
Jumlah	95	88	73	256

MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Fungsi BSA selanjutnya adalah menjadi urus setia bagi Mesyuarat Pra dan Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN). Mesyuarat JTLKAN ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KAN dengan ahli-ahli tetap mesyuarat yang terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sepanjang tahun 2016, Mesyuarat JTLKAN telah diadakan seperti berikut:

MESYUARAT JTLKAN TAHUN 2016

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Mesyuarat JTLKAN Bil. 1 Tahun 2016	2 Feb 2016
2.	Mesyuarat JTLKAN Bil. 2 Tahun 2016	8 Jun 2016
3.	Mesyuarat JTLKAN Bil. 3 Tahun 2016	29 Nov 2016

MESYUARAT-MESYUARAT LAIN YANG BERKAITAN

Selain itu, BSA juga menghadiri beberapa mesyuarat penting melibatkan *AG's Dashboard*. Antaranya adalah seperti berikut:

- Mesyuarat Pengharmonian bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi penyaluran isu-isu punitif yang dikesan melalui tugas-tugas pengauditan;
- Mesyuarat Berkaitan Laporan Jawatankuasa Siasatan yang ditubuhkan oleh JPA;
- Mesyuarat Pemantauan *AG's Dashboard* di pelbagai peringkat sama ada di peringkat Kementerian/Negeri atau Agensi berkaitan isu pengauditan.
- Mesyuarat-mesyuarat yang diatur oleh pihak Kerajaan Negeri;
- Sesi Pembentangan *First Cut* Kajian Audit Bersama YBhg. Tan Sri KAN; dan
- *Exit Conference* Kajian Audit.

Mesyuarat JTLKAN Bil. 1 Tahun 2016 pada 2 Feb 2016

Mesyuarat JTLKAN Bil. 2 Tahun 2016 pada 8 Jun 2016

Mesyuarat JTLKAN Bil. 1 Tahun 2016 pada 29 Nov 2016

Pameran *AG's Dashboard* semasa Sesi *TownHall* LKAN Bersama Media pada 23 Nov 2016 di Auditorium JPA

PENERBITAN BUKU SUSULAN AUDIT MENURUT PERSPEKTIF JAN

Pada tahun 2016, penerbitan Buku Susulan Audit Menurut Perspektif JAN telah berjaya direalisasikan setelah lebih 3 tahun BSA ditubuhkan. Buku tersebut telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri KAN pada 21 Ogos 2016 sempena Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2016 yang diadakan di MITC, Melaka.

Buku Susulan Audit Menurut Perspektif JAN.

BAHAGIAN TEKNIKAL

Bahagian Teknikal bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat secara langsung dalam proses pengauditan prestasi projek pembinaan. Bahagian Teknikal juga membantu Sektor Pengurusan merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan dan penyenggaraan pejabat JAN. Selain daripada kerja-kerja pengauditan, Bahagian ini juga turut diminta memberi penjelasan dan kefahaman yang berkaitan dengan isu-isu teknikal kepada juruaudit dari masa ke semasa. Pegawai-pegawai teknikal juga terlibat dalam memberi latihan khususnya dalam aspek teknikal kepada peserta kursus di Akademi Audit Negara dan lain-lain agensi apabila diperlukan.

PENGAUDITAN

Bagi tahun 2016, bilangan projek pembinaan yang diaudit adalah sebanyak 44 projek. Walaupun dengan kekangan masa dan kakitangan, Bahagian Teknikal telah dapat melaksanakan kerja-kerja pengauditan untuk Laporan Ketua Audit Negara mengikut seperti yang telah dirancang oleh sektor-sektor.

Bagi Pengauditan Khas, Bahagian Teknikal telah menjalankan pengauditan teknikal bersama pihak JKR terhadap projek *Mass Rapid Transit (MRT)* Lembah Klang yang sedang dalam pembinaan. Projek-projek di bawah Pengerang *Integrated Petroleum Complex (PIPC),* Kota Tinggi, Johor yang melibatkan pembinaan jalan dan bangunan. Pengauditan Projek *Central Spine Road (CSR)* yang melibatkan pembinaan jalan dari Gua Musang Kelantan ke Kuala Lipis, Pahang. Sebagai ahli pasukan khas untuk pengauditan klia2, pegawai Bahagian Teknikal telah menjalankan pengauditan terhadap projek pembinaan KLIA 2.

Exit Conference Pengauditan Projek MRT Lembah Klang

Pengauditan Projek Pembinaan Jambatan Batang Sadong, Sarawak

Pengauditan Pengurusan Kemudahan Awam Negeri Sembilan

Pengauditan Projek Pembinaan Naik Taraf Terminal Penumpang dan Pembinaan CIQ serta Jeti Baru Kuah, Langkawi

Pengauditan Projek Pembinaan Kompleks Markas Angkatan Tentera Bersama di Sungai Panching, Kuantan, Pahang

Pengauditan Projek Landasan Keretapi Subang Jaya ke Terminal Skypark, Subang

PEMBANGUNAN JABATAN

Bahagian Teknikal membantu Sektor Pengurusan dalam merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan untuk memastikan projek berjalan dengan lancar dan berkualiti. Projek pembangunan yang terlibat adalah Wisma Audit Negeri Sabah, Pulau Pinang, Terengganu dan juga pembinaan pejabat JAN Putrajaya.

Pelaksanaan projek Wisma Audit Negeri Sabah dikendalikan sendiri oleh JAN. Bahagian Teknikal terlibat merancang dan mereka bentuk pelan cadangan bangunan bersama perunding-perunding yang dilantik.

Bagi projek dalam perancangan awalan, pegawai Bahagian Teknikal telah melawat tapak cadangan projek Wisma Audit Negeri Kedah di Alor Setar yang akan dibina apabila peruntukan diperoleh.

Selain itu, Bahagian Teknikal juga membantu Sektor Pengurusan memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal bagi kerja penyenggaraan Wisma Audit Negeri Sembilan, Selangor dan Kelantan bagi menyelesaikan masalah kecacatan dan kerosakan yang berlaku di setiap bangunan wisma audit negeri tersebut.

Lawatan YBhg. Tan Sri KAN ke Tapak Cadangan Wisma Audit, Negeri Sabah

Lawatan YBhg. Tan Sri KAN ke Tapak Cadangan Wisma Audit Negeri Kedah

Lawatan dan Mesyuarat Tapak Wisma Audit Negeri Terengganu

Lawatan dan Pemeriksaan Kerja-kerja ubah suai Wisma Audit Negeri Pulau Pinang

Pemeriksaan Kebocoran Bumbung Wisma Audit Negeri Selangor

KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL

Khidmat nasihat teknikal juga telah diberikan dari semasa ke semasa apabila diminta oleh Juruaudit melalui perbincangan, e-mel dan telefon. Kebanyakan khidmat nasihat teknikal adalah yang berkaitan dengan isu pentadbiran kontrak dan pengurusan projek pembinaan.

CERAMAH

Sepanjang tahun 2016, pegawai-pegawai Bahagian ini telah memberi ceramah bagi kursus yang dianjurkan oleh Unit Audit Dalam, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkaitan dengan pengauditan projek pembinaan. Ceramah yang diberikan dapat memberikan pengetahuan kepada Juruaudit tentang perkara-perkara teknikal dalam pengurusan projek pembinaan serta dapat membantu dalam kerja pengauditan.

Selain itu, atas jemputan pihak JKR, pegawai Bahagian ini juga terlibat dalam mengendalikan Bengkel Pengurusan Risiko bagi projek Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

PENCAPAIAN PENGAUDITAN, KHIDMAT NASIHAT TEKNIKAL DAN CERAMAH

AKTIVITI	KERAJAAN PERSEKUTUAN	KERAJAAN NEGERI	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN	JUMLAH
Pengauditan	22	19	3	44 projek
Khidmat Nasihat Teknikal	Semua Sektor / Unit Audit Dalam / Lain-lain Agensi			40 kali
Ceramah	JKR/ Audit Dalam KKLW			21 jam

PENCAPAIAN PEMBANGUNAN JABATAN

AKTIVITI	PENCAPAIAN	
	MESYUARAT PROJEK	Lawatan Tapak
Merancang, melaksana, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek pembangunan serta kerja penyenggaraan Wisma Audit di Negeri.	30 kali	24 kali

BAHAGIAN PENGAUDITAN AIR DAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN

Bahagian ini terlibat dalam dua bidang pengauditan iaitu pengauditan air dan pengauditan alam sekitar. Berikut adalah aktiviti dan pencapaian bagi Bahagian ini sepanjang tahun 2016.

PENGAUDITAN AIR

Bagi pengauditan air, skop pengauditan adalah berdasarkan empat bidang iaitu Pengurusan Bekalan Air Minum, Pengurusan Sumber Air, Pengurusan Banjir & Hakisan Pantai serta Pengurusan Air Sisa & Kumbahan. Sepanjang tahun 2016, 1 kajian pengauditan di peringkat Persekutuan dan 12 kajian di peringkat Negeri telah dijalankan oleh Bahagian ini bersama Sektor Audit, JAN Negeri berkaitan dan perunding yang dilantik untuk kajian pengauditan prestasi yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2015. 3 daripada 12 kajian di peringkat Negeri tersebut telah dijalankan bersama Perunding yang dilantik oleh JAN, iaitu bagi Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Selangor, Johor dan Kedah. Bahagian ini terlibat secara langsung dalam kajian pengauditan ini dengan memberi khidmat nasihat teknikal termasuklah perbincangan awal rancangan audit, semakan dokumen, lawatan tapak dan penyediaan laporan teknikal. Berikut adalah kajian pengauditan air yang dilaksanakan oleh Bahagian ini pada tahun 2016:

Kajian Pengauditan Air di Peringkat Persekutuan:

Kajian Program Bekalan Air Luar Bandar.

Sesi Soal Selidik Bersama Tok Batin Kg Orang Asli Palawan Bera, Pahang

Lawatan Audit ke Pakej Rawatan Air di Kg Orang Asli Rau-Rau Bera, Pahang

Kajian Pengauditan Air di Peringkat Negeri:

a. Kajian Audit Terhadap Projek Skim Bekalan Air Triang, Negeri Sembilan
b. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Pahang
c. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Terengganu
d. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Kelantan
e. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kawal Selia Air Negeri Sabah
f. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Perak

g. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Sembilan
h. Kajian Audit Terhadap Program Hakisan Pantai Negeri Kelantan
i. Kajian Audit Terhadap Projek Pembetungan Negeri Sabah
j. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Selangor
k. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Negeri Johor
l. Kajian Audit Terhadap Kawal Selia Air Kedah

Lawatan Audit ke Muka Sauk Petaseh, Kuala Klawang

Lawatan Audit ke dalam Terowong *Draw Off* Empangan Triang

Sesi perbincangan di Tapak Empangan Chereh Kuantan

Meninjau Kualiti Air Pelepasan Empangan Chereh Kuantan

Sisa Bahan Buangan Berhampiran Sungai Ibai

Aktiviti Menternak Ikan Dalam Sangkar di Sungai Como, Tasik Kenyir

Mesyurat *Entrance Conference* di Pejabat JBA Kota Bharu Kelantan

Lawatan Audit ke Loji Rawatan Air Kota Baru Kelantan

Lawatan Tapak Sistem *Tiubwell* di Sabah

Taklimat sempena Lawatan Tapak

Pengesahan bukti audit kerja korek pasir di Ulu Kinta Perak

Air diabstraksi tanpa lesen di Felda Besout, Daerah Batang Padang

Pengesahan Bukti Audit Lokasi Pencemaran *(Point Source)* Sungai Linggi

Model Pelan Cegah Hakisan Pantai

Lawatan Audit ke Pantai Yang Terhakis

Lawatan Audit Ke Loji Rawatan Kumbahan Tanjung Aru

Lawatan Audit Ke Stesen Pam Tanjung Aru

Lawatan Audit ke Sumber Air Alternatif Projek HORAS di Bestari Jaya

Sesi *Exit Conference* di Ibu Pejabat JAN

Lawatan Audit ke Kilang yang mencemar Sungai di Johor Bahru

Lawatan ke Baraj Kota Tinggi

Sesi *Entrance Conference*

Sesi Lawatan Audit

PENGAUDITAN ALAM SEKITAR

Sepanjang tahun 2016, berikut merupakan kajian yang telah dilaksanakan melibatkan pengauditan alam sekitar:

a. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kuari Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar;
b. Kajian Audit Terhadap Pengurusan Aktiviti Perkapalan di Pelabuhan Persekutuan Dan Kesannya Kepada Alam Sekitar;
c. Kajian Audit Terhadap Pemulihan Cameron Highlands.

Lawatan Tapak Kuari Chuping, Perlis

Lawatan ke Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor

Lawatan Susulan Bagi Kajian Pemulihan Cameron Highlands

Mesyuarat Dan Lawatan Kerja Ke Lombong Tembaga Mamut, Ranau, Sabah

Mesyuarat dan lawatan kerja ke Lombong Tembaga Mamut di Ranau, Sabah telah dihadiri oleh pegawai dari Ibu Pejabat JAN, JAN Negeri Sabah, ARSM dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) Negeri Sabah pada 28 dan 29 September 2016.

Lawatan ke Lombong Tembaga Mamut

AKTIVITI/KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR

Dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan alam sekitar, Bahagian ini juga telah bekerjasama dengan agensi luar seperti Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM). Selain itu Bahagian ini juga terlibat secara langsung dalam beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan (JKPHK) dan Jawatankuasa Khas Audit Gading Gajah. Berikut merupakan aktiviti/ kerjasama Bahagian ini dengan agensi luar sepanjang tahun 2016:

Khidmat Perkhidmatan Penggunaan Teknologi *Remote Sensing* Dan GIS Dalam Pengauditan Alam Sekitar Bersama ARSM

Khidmat penggunaan teknologi *remote sensing* dan GIS dalam pengauditan antara JAN dan ARSM sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

a. Kajian Audit terhadap Pengurusan Subsidiari FELDA;
b. Kajian Audit terhadap Pengurusan Projek Agropolitan Kelantan Selatan;
c. Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek Empangan Triang;
d. Pengauditan Kawal Selia Air Negara secara *Across the Board;*
e. Pengurusan Hutan Secara Berkekalan, Projek *Central Forest Spine (CFS).*

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bagi Nota Kerjasama Antara JAN dan ARSM Bil 1/2016

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bagi Nota Kerjasama Antara JAN dan ARSM telah dipengerusikan bersama oleh YBhg. Tan Sri KAN dan YBrs. En. Azlikamil bin Napiah, Ketua Pengarah ARSM. Mesyuarat JKP telah diadakan di Ibu Pejabat JAN, Putrajaya pada 27 September 2016.

Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan (JKPHK)

Matlamat utama penubuhan JKPHK atau dikenali sebagai *Government Green Procurement Working Committee (GGPWC)* adalah untuk melaksanakan beberapa perancangan di dalam Pelan Tindakan Jangka Pendek Perolehan Hijau Kerajaan dan melaporkan status kemajuannya kepada JPPHK. Selain itu, JPPHK turut bertanggungjawab untuk memastikan semua hala tuju, dasar, strategi, mekanisme dan pelan tindakan jangka panjang perolehan hijau kerajaan yang bakal dirangka akan dapat dilaksanakan secara konsisten seiring dengan hasrat kerajaan ke arah memupuk kesedaran masyarakat terhadap penggunaan produk/perkhidmatan mesra alam. Dalam jawatankuasa ini JAN berperanan untuk memberi khidmat nasihat terhadap perolehan hijau kerajaan yang diperlukan dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Khas Audit Gading Gajah

Jawatankuasa Khas Audit Gading Gajah ditubuhkan sebagai salah satu prosedur bagi pelupusan gading gajah sebagai memenuhi obligasi negara terhadap Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Flora Dan Fauna *(CITES)*. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan keahliannya adalah terdiri daripada Ketua Audit Negara, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia dan Ketua Pengarah PERHILITAN. Tugas dan peranan utama jawatankuasa ini adalah untuk mengaudit gading gajah dan memastikan segala maklumat sulit dan rahsia mengenai lokasi dan pelupusan gading gajah terpelihara dan tidak didedahkan.

Pengauditan Bagi Pelupusan Gading Gajah di PERHILITAN

Majlis Pelupusan Gading Gajah di Kualiti Alam Sdn. Bhd., Negeri Sembilan
Pn. Fadzilah binti Hj. Mohammad dari JAN membentangkan Hasil Laporan Jawatankuasa Audit

AKTIVITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Parallel Audit Bersama Badan Pemeriksa Keuangan, Republik Indonesia (BPK-RI)

Parallel Audit yang dilaksanakan secara bersama di antara Malaysia dan Indonesia merupakan aktiviti tahunan bagi menjalankan pengauditan terhadap isu-isu alam sekitar yang mempunyai kepentingan bersama. Objektif kerjasama ini adalah bagi tujuan mendapatkan perkongsian ilmu dan pengalaman dalam pengauditan selaras dengan perkembangan semasa. Bagi tahun 2016, kajian yang telah dijalankan adalah mengenai Kajian Audit terhadap Pengurusan Kuari dan Kesannya kepada Alam Sekitar *(Land Degradation)*. JAN dan BPK-RI telah bersetuju untuk melaksanakan pengauditan ini semasa Mesyuarat Teknikal ke-15 yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 11-13 April 2016. Ia merupakan salah satu aktiviti kerjasama antara dua buah negara di bawah rangka kerja MoU yang telah ditandatangani pada 4 November 2007 di Mexico. Tujuan pengauditan adalah untuk menilai sama ada Pengurusan Kuari dan Kesannya kepada Alam Sekitar telah dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dengan mengambil kira kesan alam sekitar. Fokus kajian meliputi tempoh dari tahun 2011 hingga 2015 di mana penggunaan teknologi remote sensing dan GIS telah digunakan sebagai pemilihan sampel dan keputusan serta analisis audit dilaksanakan.

The 6th Seminar on Environmental Auditing and 5th Working Meeting of ASOSAI Working Group on Environmental Audit (WGEA)

The 6th Seminar on Environmental Auditing and 5th Working Meeting of ASOSAI Working Group on Environmental Audit (WGEA) telah diadakan pada 17 hingga 19 Oktober 2016 di *International Centre for Environment Audit and Sustainable Development (iCED)*, Jaipur, India dengan penyertaan seramai 49 delegasi dari 22 buah *Supreme Audit Institutions and International Organizations*. Pada *6th Seminar on Environmental Auditing and 5th Working Meeting of ASOSAI (WGEA)*, delegasi dari SAI Malaysia diwakili oleh pegawai dari Bahagian ini iaitu Pn. Fadzilah binti Hj. Mohammad dan Pn. Norlydawaty binti Hashim. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan penggunaan mandat audit dan instrumen audit pada SAIs terutama dalam isu perlindungan alam sekitar dan pembangunan lestari. Pertukaran

ilmu pengetahuan, aktiviti audit bersama, pembangunan bersama garis panduan pengauditan alam sekitar dan kertas kerja digalakkan secara berterusan untuk mencapai matlamat WGEA.

Seminar *on Environmental Auditing and 5th Working Meeting of ASOSAI WGEA* pada 17 – 19 Oktober 2016 di Jaipur, India

Regional Theme Paper INCOSAI for Sustainable Development Goals (SDG)

Pada tahun 2016, Bahagian ini juga terlibat dalam menyediakan *regional theme paper INCOSAI for SDG* bertajuk *"How INTOSAI can contribute to the UN 2030 Agenda for Sustainable Development, including good governance and strengthening the fight against corruption."*

PENGAUDITAN KHUSUS

Bahagian ini juga telah terlibat secara langsung dalam pengkhususan pengauditan seperti berikut:

a. Projek Infrastruktur Lapangan Terbang KLIA2.
b. Penilaian Jadual Kadar Harga Kerja Kecemasan Jabatan Air Sabah.

Pasukan Audit KLIA2 & Lawatan Audit di Tapak KLIA2

PENYEDIAAN GARIS PANDUAN

Pada tahun 2016, Bahagian ini telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Modul Loji Rawatan Kumbahan. Garis Panduan ini disediakan oleh jawatankuasa yang dilantik termasuk pegawai dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Garis Panduan ini telah dilancarkan sempena Hari Audit 1Malaysia Tahun 2016 pada 21 Ogos 2016. Objektif penyediaan Garis Panduan ini antaranya memberi pendedahan mengenai sistem dan pengurusan loji rawatan kumbahan dan memberi kefahaman pendekatan audit yang standard, komprehensif dalam membantu juruaudit menjalankan pengauditan teknikal.



Garis Panduan Pengauditan Loji Rawatan Kumbahan

LATIHAN DAN SEMINAR

Sepanjang tahun 2016 Bahagian ini terlibat dalam penganjuran latihan dan seminar seperti berikut:

PROGRAM LATIHAN DAN SEMINAR BAGI TAHUN 2016

BIL.	LATIHAN DAN SEMINAR	TARIKH	TEMPAT
1.	Kursus Pengurusan Kawal Selia Air	1-21 Januari 2016	Akademi Audit Negara
2.	Kursus Pengauditan Loji Rawatan Kumbahan	26 - 28 Julai 2016	
3.	Kursus Pengauditan Prestasi Dalam Aspek Alam Sekitar	5 - 7 September 2016	
4.	Pengenalan kepada Alam Sekitar Sempena Kursus Asas Juruaudit dan Penolong Juruaudit Siri 1/2016	1 Mac 2016	

Kursus Pengurusan Kawal Selia Air

Kursus Pengauditan Loji Rawatan Kumbahan

Ceramah yang disampaikan oleh Penceramah daripada JAN dan ARSM

BAHAGIAN PENGAUDITAN ICT

Antara aktiviti Bahagian ini sepanjang 2016 adalah seperti berikut:-

Pembangunan Kertas Kerja Audit Elektronik JAN (Sistem eAudit)

Sepanjang tahun 2016, Kertas Kerja Audit Elektronik melalui proses perolehan dan pembangunan sistem yag melibatkan Kitar Hayat Pembangunan Sistem (SDLC). Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal telah diadakan sebanyak 25 kali di samping Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek. Kronologi pembangunan sistem tersebut adalah seperti berikut seperti berikut:-

- *Kick-Off* Projek oleh YBhg. Tan Sri KAN pada 5 April 2016.
- Penerimaan peralatan *server*, komputer riba dan *mouse scanner*.
- Bengkel *User Requirement* peringkat pengguna dan pengurusan yang melibatkan sesi perbincangan di Ibu Pejabat, Akademi Audit Negara, Port Dickson dan Nilai, Negeri Sembilan.

- Rekabentuk sistem didokumen dalam SRS.
- Pembangunan berasaskan Komponen *Web*, Komponen *Web Services*, Komponen *Excel*, Komponen Aplikasi *Desktop*, Komponen Aplikasi *Mobile*, Komponen Analisis Data dan penambahbaikan Sisitem eSPP berikutan struktur baru di bawah Pelan Transformasi Jabatan.
- Sesi *coaching* bagi pengauditan penyata kewangan berasaskan akruan dan tunai. Khusus sesi berkenaan adalah bagi menyesuaikan format kertas kerja kepada format akaun auditi.
- Sesi Latihan kepada 700 pegawai JAN dari peringkat pengurusan dan pegawai audit.

Sesi *User Requirement* dan Latihan di Akademi Audit Negara

Kajian Audit Tahun 2016

Sebanyak 3 kajian audit telah dilaksanakan iaitu:

- Kajian Audit Terhadap Sistem MyIMMS Jabatan Imigresen Malaysia,
- Kajian Audit Terhadap Sistem *Network Centric Operation,* Kementerian Pertahanan;
- Kajian Audit Sistem Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

Bengkel, Mesyuarat dan Jawatankuasa

Selain itu, Bahagian ini juga terlibat dengan bengkel dan mesyuarat jawatankuasa seperti berikut:

- Bengkel Penyata Kewangan Sistem SPEKS pada 28 hingga 30 Mac 2016.
- Mesyuarat Teknikal BPK Indonesia Mengenai Sistem Pengurusan Audit pada 29 April 2016 di Kota Kinabalu, Sabah.
- Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Teknikal IT Sektor Awam (JTISA) yang diurusetia oleh MAMPU.

INTOSAI Working Group IT Audit (WGITA)

SAI Malaysia telah mengendalikan laman web bagi pihak *INTOSAI Working Group on IT Audit (WGITA)* sejak tahun 2012, mengambil alih peranan selepas *SAI United Kingdom*. Pengendalian laman *web* oleh Bahagian Pengauditan ICT adalah melibatkan kandungan *web* manakala Bahagian Teknologi Maklumat, Sektor Pengurusan iaitu bagi urusan teknikal laman *web*.

Pengemaskinian maklumat dokumen, bahan dan gambar semasa terutamanya sumber dari mesyuarat tahunan WGITA. Mesyuarat bagi tahun 2016 telah diadakan di Brazil. Selain itu, dari masa ke semasa maklumat yang diperolehi dari Pengerusi WGITA iaitu SAI India dan ahli-ahli WGITA yang terdiri 40 buah negara turut dikemaskini ke laman *web*.

ISO/PC 295 Audit Data Collection

Inisiatif ini berkaitan pembangunan satu standard peringkat antarabangsa (ISO) bagi Audit Data *Collection*. Tujuannya bagi membantu Juruaudit dalam mendapatkan data perakaunan dari auditi dengan sistematik dan jelas melalui format yang *standard*. ISO/PC 295 dianggotai oleh 14 buah negara P-member *(participating)* dan 27 buah negara *O-member (Observer)*. Tempoh masa pembangunan ISO/PC 295 adalah selama 36 bulan sehingga penerbitan. Pada tahun 2016, sebanyak 13 sesi perbincangan secara sidang video atau WEBEX dan 2 perjumpaan di Nanjing, China dan *New York*, Amerika Syarikat telah dihadiri.

Laporan Aktiviti

Sektor Audit Tadbir Urus

LAPORAN AKTIVITI SEKTOR AUDIT TADBIR URUS

PENGENALAN

Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada KAN untuk memeriksa, menyiasat dan mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi Kerajaan/Agensi Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 telah memberi kuasa kepada KAN untuk mengaudit syarikat tersebut. Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti utama dan tadbir urus korporat.

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Pada tahun 2016, pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 6 syarikat Kerajaan Persekutuan, di mana lebih 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan. Senarai syarikat yang diaudit dan dilaporkan di Parlimen adalah seperti di jadual berikut:

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI LKAN TAHUN 2015

BIL.	NAMA SYARIKAT
LKAN Siri 1/2015	
1.	Malaysian Convention & Exhibition Bureau
2.	Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.
3.	Perbadanan Kota Buku
4.	Malaysian Agrifood Corporation Bhd.
5.	Sepang International Circuit Sdn. Bhd.
LKAN Siri 2/2015	
6.	Pengurusan Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Selain itu daripada pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan di atas, JAN juga menjalankan Analisis Kewangan dan Pemantauan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan – Syarikat *Special Purpose Vehicles (SPV)* yang turut dilaporkan dalam LKAN Siri 2/2015.

Sepang International Circuit Sdn. Bhd.

Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.

Malaysia Agrifood Corporation Bhd.

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI/AGENSI NEGERI

Pada tahun 2016, pengauditan pengurusan syarikat telah dijalankan terhadap 22 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri yang dilaporkan di Parlimen seperti jadual berikut:

PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI/AGENSI NEGERI BAGI LKAN TAHUN 2015

BIL.	JAN NEGERI	JUMLAH
1.	Johor	3
2.	Kedah	1
3.	Kelantan	2
4.	Melaka	3
5.	Negeri Sembilan	1
6.	Pahang	-
7.	Perak	-
8.	Perlis	2
9.	Pulau Pinang	1
10.	Sabah	4
11.	Sarawak	3
12.	Selangor	1
13.	Terengganu	1
JUMLAH		**22**

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

Bagi tahun 2016 sebanyak 8 pengauditan pengurusan syarikat kerajaan terhadap syarikat subsidiari BBP telah dilaksanakan. Kesemua 8 syarikat subsidiari adalah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 di mana lebih 50% modal saham dipegang oleh BBP. Senarai syarikat yang diaudit dan dibentangkan di Parlimen adalah seperti jadual berikut:

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI LKAN TAHUN 2015

BIL.	SYARIKAT SUBSIDIARI
LKAN Siri 1/2015	
1.	Syarikat LADA Eco-Tourism Sdn. Bhd.
2.	Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI Sdn. Bhd.
3.	Syarikat KRAF Holdings Sdn. Bhd.
4.	Syarikat UiTM Hospitality and Management Sdn. Bhd.
5.	Syarikat UNIMAS Holdings Sdn. Bhd.
LKAN Siri 2/2015	
6.	Syarikat KEDA
7.	Syarikat PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd.
8.	PJ Hotel And Resort Sdn. Bhd.

Selain daripada pengauditan pengurusan syarikat subsidiari BBP di atas, JAN juga menjalankan analisis penyata kewangan syarikat subsidiari BBP bagi tahun kewangan 2011 sehingga 2015. Sebanyak 134 penyata kewangan syarikat subsidiari bagi 28 BBP telah dan dilaporkan dalam LKAN Siri 2/2015.

BAHAGIAN PENYELARASAN AUDIT DALAM

Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1. Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Manakala, JAN pula berfungsi dan berperanan selaku pihak audit luar. Walau bagaimanapun, JAN dan UAD mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam. Pada masa ini, terdapat 298 Unit Audit Dalam di Sektor Awam merangkumi Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

Bahagian Penyelarasan Audit Dalam di bawah Sektor Audit Tadbir Urus JAN ditubuhkan pada 19 September 2016 selaras dengan penstrukturan JAN bagi menyelaras perhubungan antara UAD dan JAN terutamanya melibatkan bidang pengauditan. Kerjasama JAN dan UAD dilihat penting bagi menambahbaik tahap pengurusan kewangan sektor awam. Bagi membantu mencapai matlamat ini, terdapat juga perjawatan di Kementerian/Jabatan/Agensi bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang diisi oleh Juruaudit dan Penolong Juruaudit lantikan JAN. Sehubungan itu, Bahagian ini juga bertindak sebagai penyelaras bagi Juruaudit dan Penolong Juruaudit lantikan JAN yang ditempatkan secara kader atau pinjaman di UAD Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Setakat 31 Disember 2016, sebanyak 519 perjawatan secara kader dan 41 perjawatan secara pinjaman di UAD Kementerian/Jabatan/Agensi yang boleh diisi oleh Juruaudit dan Penolong Juruaudit lantikan JAN. Kedudukan Perjawatan UAD secara keseluruhannya setakat 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN PERJAWATAN UNIT AUDIT DALAM

KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI	BIL. UAD	PERATUSAN %	BAHAGIAN/UNIT AUDIT DALAM (UAD)			
				BUKAN PEGAWAI JAN	PEGAWAI JAN (KADER)	PEGAWAI JAN (PINJAMAN)	JUMLAH
Kementerian	25	25	100	72	496	0	568
Jabatan Persekutuan	158	3	2	4	16	0	20
Badan Berkanun Persekutuan	129	104	81	1,155	0	20	1,175
Pejabat SUK	13	13	100	152	7	15	174
Badan Berkanun Negeri	152	56	36	245	0	3	248
Majlis Agama Islam	13	11	85	35	0	3	38
Pihak Berkuasa Tempatan	147	78	53	275	0	0	275
Kolej/Universiti di bawah Kerajaan Negeri	6	3	50	18	0	0	18
Agensi di bawah Badan Berkanun Negeri	8	4	50	8	0	0	8
Agensi di bawah Majlis Agama Islam	8	1	13	3	0	0	3
JUMLAH	**659**	**298**	**45**	**1,967**	**519**	**41**	**2,527**

Nota : Data adalah setakat 31 Disember 2016.

Dalam membantu memperkasakan peranan UAD, Bahagian ini ditugaskan untuk menganalisis pemerhatian-pemerhatian UAD, maklum balas dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit berkenaan yang dikemukakan kepada JAN dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti isu-isu yang belum selesai untuk tindakan susulan dan melaporkan kepada KAN. Selain itu, Bahagian itu juga bertanggungjawab untuk menyelaras dokumen Rancangan Tahunan UAD untuk dikemukakan kepada kepada Sektor Audit Kewangan dan Sektor Audit Prestasi bagi memastikan tiada tajuk kajian yang bertindih atau mengkaji kebarangkalian menjalankan kajian secara bersama dengan UAD.

Sesi *Townhall* Unit Audit Dalam

Pada tahun 2016, Bahagian ini telah bertindak sebagai penyelaras bagi Sesi *Townhall* Unit Audit Dalam yang telah diadakan pada 3 November 2016 di Akademi Audit Negara. Sesi ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan perubahan struktur JAN kepada warga Unit Audit Dalam di samping mengenalpasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh Unit Audit Dalam di Kementerian/Agensi dan Jabatan. Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 400 warga audit dalam dari pelbagai Kementerian/Agensi dan Jabatan. Satu sesi dialog juga telah diadakan dan dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KAN. Kemuncak sesi ini ialah kehadiran YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam sesi soal jawab bersama peserta.

Ucapan oleh YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Sesi Soal Jawab Bersama YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Antara Warga Audit Dalam yang hadir semasa sesi *townhall* tersebut

YB Menteri bersama YBhg. Tan Sri KAN, Pengurusan Tertinggi JAN dan Ketua Audit Dalam

Laporan Aktiviti

Jabatan Audit Negara, Negeri

LAPORAN AKTIVITI JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI JOHOR

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 28 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Johor, Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit dan disahkan. Kesemua 28 Penyata Kewangan Agensi Negeri tersebut telah diberikan Sijil Tanpa Teguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	11	11	11	0	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	15	15	15	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**28**	**28**	**28**	**0**	**0**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Johor telah melaksanakan sebanyak 18 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 11 Jabatan Negeri, 2 Badan Berkanun Negeri, 1 Majlis Agama Islam dan 4 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 6 Jabatan/Agensi Negeri/PBT mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 5 Jabatan/Agensi Negeri mencapai penarafan 4 Bintang (Baik), 4 Jabatan/Agensi Negeri mendapat penarafan 3 Bintang (Memuaskan) dan 3 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap kurang memuaskan dengan penarafan 2 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap tidak memuaskan iaitu 1 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016, sebanyak 8 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan penyenggaraan jalan, saliran, perolehan, pelesenan, dan pengurusan tanah telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Pejabat Daerah Batu Pahat Pejabat Daerah Mersing Majlis Perbandaran Kluang
2.	Pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan	Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor Pejabat Daerah Johor Bahru Pejabat Daerah Kota Tinggi Pejabat Daerah Pontian Majlis Daerah Kota Tinggi Majlis Daerah Pontian
3.	Pengurusan Perolehan	Majlis Perbandaran Kulai Majlis Daerah Segamat
LKAN Siri 2/2015		
4.	Pengurusan Ubah dan Langgar Syarat Tanah	Pejabat Tanah Johor Bahru Pejabat Tanah Segamat Pejabat Tanah Pontian
5.	Pengurusan Projek Saliran Bandar	Jabatan Pengairan Dan Saliran
6.	Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Johor	Badan Kawal Selia Air Johor
7.	Pengurusan Perlesenan Dan Penguatkuasaan Premis Perniagaan	Majlis Perbandaran Batu Pahat Majlis Perbandaran Muar
8.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Tangkak Majlis Daerah Yong Peng Majlis Daerah Mersing

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 3 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd	Syarikat Kerajaan Negeri Johor
LKAN Siri 2/2015		
2.	Syarikat Pengangkutan Maju Bhd.	Perbadanan Johor
3.	Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor Sdn. Bhd.	Yayasan Pelajaran Johor

Lawatan ke Ladang Ayam di Pontian bagi Kajian Audit Pengurusan Ubah Syarat dan Langgar Syarat Tanah pada 3 April 2016.

Lawatan Audit ke Projek Perumahan Bayu Damai Pengerang pada 26 Mei 2016.

Lawatan Audit ke Projek Perumahan Bayu Damai Pengerang pada 26 Mei 2016

Perbincangan LKAN Siri 1/2015 di Msuites Hotel Johor Baru pada 4 Februari 2016.

Exit Conference Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2015 pada 1 Jun 2016

Exit Conference Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2015 pada 1 Jun 2016

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI KEDAH

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 24 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Kedah, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Sebanyak 23 Jabatan/Agensi/PBT telah mendapat Sijil Tanpa Teguran, manakala 1 PBT iaitu Majlis Daerah Pendang mendapat Sijil Berteguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	-	-
2.	Badan Berkanun Negeri	11	11	11	-	-
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	11	10	10	1	1
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	-	-
JUMLAH		**24**	**23**	**23**	**1**	**1**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Kedah telah melaksanakan sebanyak 16 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 10 Jabatan Negeri, 3 Badan Berkanun Negeri dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 6 Jabatan/Agensi Negeri/PBT mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 8 Jabatan/Agensi Negeri/PBT mencapai penarafan 3 Bintang (Memuaskan) dan 2 Agensi Negeri berada pada tahap kurang memuaskan dengan penarafan 2 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap baik dan tidak memuaskan iaitu 4 Bintang dan 1 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 6 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan perumahan, perolehan,cukai tanah dan hal-hal berkaitan kemudahan awam telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Perumahan Kuota Melayu	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pejabat Tanah dan Galian
2.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya Jabatan Pengairan dan Saliran Majlis Bandaraya Alor Setar
LKAN Siri 2/2015		
3.	Pengurusan Kutipan Hasil Cukai Tanah	Pejabat Tanah Kota Setar Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena
4.	Pengurusan Lesen Pendudukan Sementara	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Muda Pejabat Daerah dan Tanah Padang Terap
5.	Pengurusan Papan Iklan	Majlis Bandaraya Alor Setar Majlis Perbandaran Sungai Petani
6.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Baling Majlis Daerah Sik

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 1 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	KLPK Ventures Sdn. Bhd.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah

Pembentangan Draf LKAN Kepada YBhg Dato' TKAN(N) di JAN Negeri Kedah pada 18 Januari 2016.

Pembentangan LKAN Siri 1/2015 Kepada YBhg. Dato' TKAN (N) di INTURA, Sungai Petani pada 3 hingga 5 Mac 2016.

Pembentangan LKAN Siri 2/2015 kepada YBhg. Tan Sri KAN di De Baron Resort, Langkawi pada 10 hingga 12 Mei 2016.

Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 9 Mei 2016.

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI KELANTAN

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 23 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Kelantan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Kesemua Jabatan/Agensi dan PBT telah mendapat Sijil Tanpa Berteguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT				
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN		PENAFIAN
			2014	2015	2014	2015	2014
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	9	9	9	0	0	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	12	10	12	0	0	2
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0	0
JUMLAH		**23**	**21**	**23**	**0**	**0**	**2**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Kelantan telah melaksanakan sebanyak 18 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 12 Jabatan Negeri, 1 Badan Berkanun Negeri, 5 Pihak Berkuasa Tempatan . 13 Jabatan/Agensi Negeri mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 4 Jabatan/agensi/PBT mendapat 4 Bintang (Baik) manakala 1 Jabatan mendapat penarafan 3 Bintang (Memuaskan). Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri tahun 2014 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 5 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan pengurusan hasil, perolehan, alam sekitar dan penyelenggaraan telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Penyelenggaraan Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok Majlis Daerah Bachok Majlis Perbandaran Kota Bharu- Bandaraya Islam
2.	Pengurusan Tunggakan Hasil	Majlis Perbandaran Kota Bharu- Bandaraya Islam
LKAN Siri 2/2015		
3.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Machang Majlis Daerah Tumpat
4.	Pengurusan Kawal Selia Air	Jabatan Air Negeri Kelantan
5.	Pengurusan Hasil Cukai Tanah	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 2 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Air Kelantan Sdn. Bhd.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
LKAN Siri 2/2015		
2.	Darul Digital Multimedia Solution Sdn. Bhd.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Lawatan Kajian Pengurusan Kawal Selia Air pada 16 November 2016.

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI MELAKA

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 17 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Melaka, Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Sebanyak 13 Jabatan/Agensi/PBT telah mendapat Sijil Tanpa Teguran, manakala 4 BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka, Perbadanan Stadium Melaka, Perbadanan Bioteknologi Melaka dan Lembaga Perumahan Melaka mendapat Sijil Berteguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 201

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	11	9	7	2	4
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	4	4	4	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**17**	**15**	**13**	**2**	**4**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Melaka telah melaksanakan sebanyak 10 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 5 Jabatan Negeri, 4 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 6 Jabatan/Agensi Negeri/PBT mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 3 Jabatan/Agensi Negeri mencapai penarafan 4 Bintang (Baik) dan 1 Agensi Negeri berada pada tahap tidak memuaskan dengan penarafan 1 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap memuaskan dan kurang memuaskan iaitu 3 Bintang dan 2 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 4 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan penyenggaraan jalan, perumahan, pertanian dan hal-hal berkaitan kemudahan awam telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya Jabatan Pengairan Dan Saliran Pejabat Daerah Dan Tanah Alor Gajah Majlis Perbandaran Alor Gajah
2.	Pengurusan Kuota Melaka Terhadap Projek Perumahan Swasta	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Melaka Lembaga Perumahan Melaka
3.	Program Pembangunan Usahawan Tani	Jabatan Pertanian Negeri Melaka
LKAN Siri 2/2015		
4.	Pengurusan Papan Iklan Luar Di Atas Tanah Dan Rizab Kerajaan	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 3 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 2/2015		
1.	MITC Bowlplek Sdn. Bhd.	Perbadanan Ketua Menteri Melaka Kumpulan Melaka Berhad
2.	MAIM Bentara Security Sdn. Bhd.	Majlis Agama Islam Melaka
3.	Hartanah Bumiputra Melaka Sdn. Bhd.	Perbadanan Ketua Menteri Melaka

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SEMBILAN

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 15 Penyata Kewangan iaitu 1 bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan dan 14 Penyata Kewangan Agensi Negeri meliputi Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Semua 15 penyata kewangan tersebut telah mendapat Sijil Tanpa Teguran bagi dua tahun berturut-turut iaitu tahun 2014 dan 2015.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	5	5	5	0	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	8	8	8	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**15**	**15**	**15**	**0**	**0**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Sembilan telah melaksanakan sebanyak 11 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 7 Jabatan Negeri, 1 Badan Berkanun Negeri (BBN) dan 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Hasil pengauditan menunjukkan 8 Jabatan/PBT mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang) dan 3 Jabatan/BBN mencapai penarafan 4 Bintang (Baik). Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016, sebanyak 6 kajian pengauditan prestasi telah dilaksanakan yang meliputi bidang berkaitan penyenggaraan jalan, perumahan, perolehan, papan iklan, projek pembinaan dan pembaikan bangunan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya Jabatan Pengairan dan Saliran Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah Majlis Daerah Jempol
2.	Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Unit Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
3.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Kuala Pilah Majlis Daerah Jelebu
LKAN Siri 2/2015		
4.	Pengurusan Papan Iklan Luar	Majlis Perbandaran Seremban Majlis Perbandaran Nilai Yayasan Negeri Sembilan Pejabat Daerah dan Tanah Seremban
5.	Pengurusan Projek Pembinaan dan Pembaikan Sekolah Agama	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Kerja Raya
6.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Jempol Majlis Daerah Tampin

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 1 Syarikat Agensi Negeri di bawah Badan Berkanun Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2015

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 2/2015		
1.	Kumpulan Akademi Yayasan Negeri Sembilan	Yayasan Negeri Sembilan

Exit Conference Penyata Kewangan Negeri Sembilan pada 31 Mei 2016.

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PAHANG

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 22 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Semua 22 penyata kewangan tersebut telah mendapat Sijil Tanpa Teguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	9	9	9	0	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	11	10	11	1	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**22**	**21**	**22**	**1**	**0**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Pahang telah melaksanakan sebanyak 17 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 11 Jabatan Negeri, 2 Badan Berkanun Negeri (BBN), 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1 Majlis Agama Islam. Hasil pengauditan menunjukkan 13 Jabatan/Agensi Negeri mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 3 Jabatan/Agensi Negeri mencapai penarafan 4 Bintang (Baik) dan 1 Agensi mendapat penarafan 3 Bintang (Memuaskan). Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 8 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan penyenggaraan jalan, perumahan, pengairan dan hal-hal berkaitan kemudahan awam telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta	Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
2.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Jabatan Kerja Raya
3.	Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir	Jabatan Pengairan dan Saliran
4.	Pengurusan Pusat Transformasi Bandar dan Pusat Transformasi Luar Bandar	Majlis Perbandaran Kuantan Majlis Daerah Pekan
LKAN Siri 2/2015		
5.	Pengurusan Projek Pembinaan Kompleks Mahkamah Rendah Syariah Maran dan Bera	Jabatan Kehakiman Syariah Jabatan Kerja Raya
6.	Pengurusan Kawal Selia Sumber Air	Badan Kawal Selia Air
7.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Pekan Majlis Daerah Raub Majlis Daerah Bera
8.	Pengurusan Perolehan	Majlis Perbandaran Bentong Majlis Daerah Cameron Highlands

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Tiada Pengauditan Pengurusan Syarikat dijalankan terhadap Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri sepanjang tahun 2016.

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERAK

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 30 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Perak, Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak masih belum mengemukakan Penyata Kewangan Bagi Tahun 2015. Kesemua 30 Jabatan/Agensi/PBT Negeri Perak telah mendapat Sijil Tanpa Teguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	14	14	14	0	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	15	15	15	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	0	-	1	-
JUMLAH		**31**	**30**	**30**	**1**	**0**

Nota: * - Penyata Kewangan Tahun 2015 bagi Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak masih belum dikemukakan.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Perak telah melaksanakan sebanyak 18 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 10 Jabatan Negeri, 3 Badan Berkanun Negeri dan 5 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 11 Jabatan/Agensi Negeri mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 2 Jabatan/Agensi Negeri mencapai penarafan 4 Bintang (Baik) dan 5 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan dengan penarafan 3 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan iaitu 3 Bintang dan 2 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 8 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan pertanian, perhutanan, penyenggaraan jalan, kawal selia air, bantuan am, perolehan dan hal-hal berkaitan kemudahan awam telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan	Jabatan Pertanian
2.	Pengurusan Pengeluaran Hasil Balak	Jabatan Perhutanan
3.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya Daerah Perak Tengah Jabatan Kerja Raya Daerah Kerian Majlis Daerah Perak Tengah
4.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Kerian Majlis Daerah Gerik
LKAN Siri 2/2015		
5.	Pengurusan Kawal Selia Air Negeri	Unit Perancang Ekonomi Negeri
6.	Pengurusan Bantuan Am	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak
7.	Pengurusan Projek Landskap dan Pengindahan Bandar	Majlis Perbandaran Manjung
8.	Pengurusan Perolehan	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar Majlis Daerah Selama

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Tiada Pengauditan Pengurusan Syarikat dijalankan terhadap Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri sepanjang tahun 2016.

Pembentangan LKAN Negeri Perak pada 6 Mei 2016.

Exit Conference Pemeriksaan Mengejut Bagi 2 PTJ (Jabatan Kesihatan dan Mahkamah Negeri Perak) serta lawatan YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Hj. Anwari bin Suri (TKAN) pada10 Ogos 2016.

Pembentangan LKAN Negeri Perak Siri 2/2015 pada 2 September 2016 di Swiss Garden Beach Resort.

Lawatan Kerja Pembinaan Kapal LCT di Boustead, Lumut bersama YBhg. Tan Sri KAN

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PERLIS

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 9 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Perlis, Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Sebanyak 7 Jabatan/Agensi/PBT telah mendapat Sijil Tanpa Teguran, manakala 2 BBN mendapat Sijil Berteguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	6	3	4	3	2
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	1	1	1	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**9**	**6**	**7**	**3**	**2**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Perlis telah melaksanakan sebanyak 7 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 4 Jabatan Negeri, 2 Badan Berkanun Negeri dan 1 Majlis Agama Islam. 4 Jabatan/MAI mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 1 Agensi Negeri mencapai penarafan 4 Bintang (Baik) dan 2 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan dengan penarafan 3 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan iaitu 2 Bintang dan 1 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri Perlis bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016, sebanyak 4 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan penyenggaraan jalan, pengurusan hasil dan lain-lain pengurusan telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya Majlis Perbandaran Kangar
2.	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta	Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis
LKAN Siri 2/2015		
3.	Pengurusan Tunggakan Hasil	Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis
4.	Pengurusan Sewa Premis dan Tapak Perniagaan	Majlis Perbandaran Kangar

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 2 Syarikat Kerajaan Negeri / Agensi Negeri Perlis pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Rumpun Teras Sdn. Bhd.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis
LKAN Siri 2/2015		
2.	Perlis NCER Trading Sdn. Bhd.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI PULAU PINANG

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 12 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang, Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Sebanyak 11 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi Negeri/MAI telah mendapat Sijil Tanpa Teguran, manakala 1 BBN iaitu Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang mendapat Sijil Berteguran.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	8	7	7	1	1
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	2	2	2	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**12**	**11**	**11**	**1**	**1**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan sebanyak 10 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 7 Jabatan Negeri/Agensi Negeri, 2 Badan Berkanun Negeri dan 1 Pihak Berkuasa Tempatan. 8 Jabatan/Agensi Negeri mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 1 Jabatan mencapai penarafan 4 Bintang (Baik) dan 1 Agensi Negeri berada pada tahap tidak memuaskan dengan penarafan 1 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap memuaskan (3 Bintang) dan tahap kurang memuaskan (2 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri Perlis bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI PADA TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 7 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan penyenggaraan jalan, pengurusan kuota bumiputera dan program pembinaan dan pembaikan rumah rakyat termiskin, pengurusan tukar syarat tanah, membaiki dan mengubah bentuk bangunan, perlesenan serta pengurusan perolehan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)	Jabatan Kewangan Negeri Jabatan Kerja Raya Majlis Perbandaran Seberang Perai
2.	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan	Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3.	Program Pembinaan dan Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin	Unit Perancang Ekonomi Negeri Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya
LKAN Siri 2/2015		
4.	Pengurusan Tukar Syarat Tanah	Pejabat Tanah dan Galian Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah
5.	Program Membaiki dan Mengubah Bentuk Bangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Tengah
6.	Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan	Majlis Perbandaran Seberang Perai
7.	Pengurusan Perolehan	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 1 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	PBA Holdings Berhad	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.

Lawatan bagi Kajian Pengurusan Pelesenan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada 10 Mei 2016.

Lawatan Kajian Perolehan di Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang diadakan pada 3 Mei 2016.

Kajian Audit Terhadap Membaiki dan Mengubah Bentuk Bangunan Kerajaan pada 2 November 2016.

Pengauditan Pengurusan Tukar Syarat Tanah pada 23 Februari 2016.

Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2015 pada 26 April 2016.

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SABAH

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 44 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Sabah, Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan. Sebanyak 42 Jabatan/ BBN/PBT telah mendapat Sijil Tanpa Teguran, manakala 1 BBN dan 1 Majlis Agama Islam mendapat Sijil Berteguran. Selain itu, satu Penyata Kewangan BBN belum dikemukakan untuk diaudit.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	19	19	17	0	1
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	24	24	24	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	0	0	1	1
JUMLAH		**45**	**44**	**42**	**1**	**2**

Nota: * - Penyata Kewangan Tahun 2015 bagi satu BBN masih belum dikemukakan untuk diaudit.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Sabah telah melaksanakan sebanyak 35 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) iaitu merangkumi 21 Jabatan Negeri, 5 Badan Berkanun Negeri, 8 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1 Majlis Agama Islam. Sebanyak 25 Jabatan/Agensi Negeri/PBT mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 1 Jabatan/ Agensi Negeri/PBT mencapai penarafan 4 Bintang (Baik), 8 Jabatan/Agensi Negeri mendapat penarafan 3 Bintang (Memuaskan) dan 1 Jabatan/Agensi Negeri mendapat 2 Bintang (kurang memuaskan). Manakala tiada Jabatan/Agensi Negeri/PBT yang memperoleh 1 Bintang iaitu tahap tidak memuaskan. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 11 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan pembinaan bangunan, cukai taksiran, pelancongan, pengurusan perumahan, penternakan dan hal-hal berkaitan kemudahan awam telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Skim Perumahan	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah
2.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Semporna Majlis Daerah Kota Belud Majlis Daerah Beluran
3.	Pengurusan Tanah Wakaf	Majlis Ugama Islam Sabah
LKAN Siri 2/2015		
4.	Projek Pembinaan Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah	Jabatan Kerja Raya Sabah
5.	Pengurusan Program Penyewaan Rumah Dan Penempatan Semula	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar
6.	Pengurusan Kawal Selia Air	Jabatan Pengairan dan Saliran
7.	Pengurusan Pengenaan Dan Kutipan Cukai Taksiran	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
8.	Pengurusan Kemudahan Pelancongan Taman-Taman Sabah	Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah
9.	Pengurusan Ternakan Lembu Dan Kambing	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak
10.	Pengurusan Projek Pelancongan	Jabatan Perhutanan Sabah
11.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Tenom Majlis Daerah Nabawan Majlis Daerah Tambunan

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 4 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Beaufort Specialty Rubber Sdn. Bhd.	Lembaga Industri Getah Sdn. Bhd.
2.	Tabin Wildlife Holidays Sdn. Bhd.	Ketua Menteri Diperbadankan Negeri Sabah
LKAN Siri 2/2015		
3.	Sabah Development Bank Berhad	Kementerian Kewangan Negeri Sabah
4.	Syarikat Desa Plus Sdn. Bhd.	Kementerian Kewangan Negeri Sabah

Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah Kali Pertama pada 21 hingga 22 Mac 2016

Lawatan PAC Ke Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang Keningau pada 23 Mac 2016.

Lawatan YBhg. Tan Sri KAN ke ESSCOM Lahad Datu pada 19 Ogos 2016.

Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara Bagi Tahun 2015 anjuran Kerajaan Negeri Sabah telah diadakan pada 20 April 2016.

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SARAWAK

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 52 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	25	24	25	0	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	25	25	25	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**52**	**51**	**52**	**0**	**0**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Sarawak juga telah melaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) di 46 Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang merangkumi Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, 5 Jabatan (merangkumi 20 Ibu Pejabat/Pejabat Bahagian), 13 Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Islam Sarawak (merangkumi 4 PTJ), 6 Badan Berkanun Negeri dan Jabatan Ketua Menteri (merangkumi 2 PTJ) bagi tahun 2015. Markah PTJ telah digabungkan dan markah purata dilaporkan di bawah Jabatan berkenaan. Setelah penggabungan tersebut, sebanyak 27 Jabatan/Agensi Negeri diberi penarafan. 12 Jabatan/Agensi Negeri mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 11 mendapat penarafan 4 Bintang (Baik) dan 4 mendapat penarafan 3 Bintang (Memuaskan). Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 9 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang berkaitan hidroelektrik, pengurusan/penyenggaraan, menaik taraf kemudahan awam, pembinaan, perolehan dan kutipan cukai taksiran telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Projek Hidroelektrik Murum	Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan
2.	Pengurusan Penyenggaraan Dan Pelupusan Kuarters Kerajaan Negeri Sarawak	Jabatan Kerja Raya Sarawak Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah
3.	Projek Menaik Taraf Dan Menambah Baik Jalan Teng Bukap/Kampung Sira/Kampung Nyabet/Kampung Taiee, Bahagian Kuching	Jabatan Kerja Raya Sarawak
4.	Pengurusan Perolehan	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak
5.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Limbang Majlis Daerah Matu dan Daro
6.	Pengurusan Program Kepelbagaian Biologi	Pusat Kepelbagaian Biologi Sarawak
LKAN Siri 2/2015		
7.	Pengurusan Kutipan Cukai Taksiran	Majlis Bandaraya Kuching Selatan Majlis Perbandaran Padawan
8.	Pengurusan Projek Pembinaan Pusat Akuatik Di Kompleks Sukan Sarawak, Petra Jaya, Kuching	Jabatan Kerja Raya Sarawak
9.	Projek Pengubahsuaian Dan Pembaikan Kemudahan Pelabuhan Tanjung Manis	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 3 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	PPLS Power Generation Sdn. Bhd.	Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan
LKAN Siri 2/2015		
2.	Sejadu Sdn. Bhd.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
3.	Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)	Setiausaha Kewangan Negeri Diperbadankan

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI SELANGOR

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 27 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi tahun 2015 telah diaudit dan disahkan.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	13	11	9	2	4
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	12	12	12	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**27**	**25**	**23**	**2**	**4**

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Selangor telah melaksanakan pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) bagi 14 Jabatan/Agensi Negeri iaitu merangkumi 8 Jabatan Negeri dan 6 Agensi Negeri. Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan bagi 14 Jabatan/Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah baik di mana 5 Jabatan/Agensi Negeri mencapai tahap 5 Bintang (Cemerlang), 8 Jabatan/Agensi Negeri tahap 4 Bintang (Baik) dan 1 Agensi tahap 3 Bintang (Memuaskan). Tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri pada bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016 sebanyak 9 pengauditan prestasi yang merangkumi bidang penyenggaraan, pembinaan, perolehan, kawal selia air dan iklan luaran telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Perbendaharaan Negeri Jabatan Kerja Raya Selangor Jabatan Kerja Raya Daerah Klang Majlis Daerah Kuala Langat
2.	Pengurusan Perolehan	Majlis Bandaraya Shah Alam
3.	Pengurusan Perolehan	Majlis Perbandaran Klang
4.	Pengurusan Perumahan Kuota Bumiputera	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Pejabat Tanah Dan Galian Selangor
LKAN Siri 2/2015		
5.	Pengurusan Pembinaan Kompleks Islam Kuala Selangor	Jabatan Agama Islam Selangor Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor
6.	Pengurusan Pembinaan Jambatan Ketiga Klang Fasa 1	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
7.	Pengurusan Paparan Iklan Luaran	Majlis Bandaraya Petaling Jaya Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
8.	Pengurusan Kawal Selia Sumber Air	Lembaga Urus Air Selangor
9.	Pengurusan Perolehan	Majlis Perbandaran Ampang Jaya Majlis Daerah Sabak Bernam

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 1 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 2/2015		
1.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 30 Mei 2016 di Hotel *Grand Bluewave,* Shah Alam.

Exit Conference Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 30 Mei 2016 di Hotel *Grand Bluewave*, Shah Alam.

JABATAN AUDIT NEGARA, NEGERI TERENGGANU

PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2016 sebanyak 16 penyata kewangan iaitu Penyata Kewangan Negeri Terengganu, Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Bagi Tahun Kewangan 2015 telah diaudit dan disahkan dan kesemuanya telah mendapat Sijil Tanpa Teguran. Manakala penyata kewangan satu BBN iaitu Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu lewat dikemukakan dan masih dalam pengauditan.

PENSIJILAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015 BERBANDING 2014

BIL.	AGENSI	BIL. AGENSI	SIJIL AUDIT			
			TANPA TEGURAN		BERTEGURAN	
			2014	2015	2014	2015
1.	Kerajaan Negeri	1	1	1	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	8	7	7	1	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	7	7	7	0	0
4.	Majlis Agama Islam	1	1	1	0	0
JUMLAH		**17**	**16**	**16**	**1**	**0**

Nota: * - Penyata Kewangan Tahun 2015 bagi satu BBN masih dalam pengauditan.

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI

Pada tahun 2016 untuk tahun kewangan 2015, JAN Negeri Terengganu telah melaksanakan sebanyak 13 Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) merangkumi 8 Jabatan Negeri, 3 Badan Berkanun Negeri (BBN) dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). 8 Jabatan/Agensi Negeri/PBT mendapat penarafan 5 Bintang (Cemerlang), 2 Jabatan/Agensi Negeri mencapai penarafan 4 Bintang (Baik) dan 3 Jabatan/Agensi Negeri berada pada tahap memuaskan dengan penarafan 3 Bintang. Tiada Jabatan/Agensi Negeri yang memperoleh tahap kurang memuaskan dan tidak memuaskan iaitu 2 Bintang dan 1 Bintang. Tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2015 adalah seperti berikut:

TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2015



PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016, sebanyak 6 pengauditan prestasi merangkumi bidang berkaitan penyenggaraan jalan, perumahan, perolehan, sumber air dan infrastruktur telah dilaksanakan.

PENGAUDITAN PRESTASI TAHUN 2016

BIL.	TAJUK KAJIAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
LKAN Siri 1/2015		
1.	Pengurusan Kuota Bumiputera Bagi Projek Perumahan Swasta	Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Unit Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
2.	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri	Jabatan Kerja Raya Daerah Besut Majlis Daerah Hulu Terengganu Pejabat Daerah Marang Jabatan Pengairan dan Saliran Terengganu
3.	Pengurusan Perolehan	Yayasan Terengganu
LKAN Siri 2/2015		
4.	Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir	Jabatan Pengairan dan Saliran
5.	Pengurusan Kawal Selia Sumber Air Negeri Terengganu	Jabatan Bekalan Air Terengganu
6.	Pengurusan Perolehan	Majlis Daerah Setiu Majlis Daerah Marang

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT

Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 1 Syarikat Kerajaan Negeri/Agensi Negeri pada tahun 2016.

PENGAUDITAN SYARIKAT TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	AGENSI NEGERI
LKAN Siri 2/2015		
1.	GPQ Sdn. Bhd.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd.



Laporan Aktiviti

Pejabat Ketua Audit Negara

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

Pejabat Ketua Audit Negara terdiri daripada Akademi Audit Negara, Bahagian Penyelidikan, Korporat dan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Khidmat Nasihat Undang-undang dan Bahagian Integriti.

AKADEMI AUDIT NEGARA

KURSUS ANJURAN AKADEMI AUDIT NEGARA

Akademi Audit Negara (AAN) memikul tanggungjawab yang tinggi untuk memastikan semua warga JAN menerima latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam setahun. AAN juga komited bagi memastikan semua kursus yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Latihan JAN dapat dilaksanakan dengan sempurna. Dalam tahun 2016, Jawatankuasa Latihan JAN telah meluluskan sebanyak 80 kursus yang perlu dijalankan oleh AAN kepada warga JAN. Prestasi pelaksanaan kursus AAN bagi tahun 2016 di bawah 4 Sekolah adalah seperti berikut:

PELAKSANAAN KURSUS AAN BAGI TAHUN 2016

SEKOLAH	BILANGAN KURSUS DIRANCANG	BILANGAN KURSUS DILAKSANAKAN
Sekolah Pengauditan	25	26
Sekolah Perakaunan	18	23
Sekolah IT	18	27
Sekolah Pengurusan	19	19
JUMLAH	**80**	**95**

KURSUS AGENSI LUAR/SWASTA

AAN juga membiayai penyertaan pegawai JAN berkursus dan menghadiri seminar di luar yang dianjurkan institusi latihan awam/swasta dan badan profesional terutamanya dalam bidang-bidang kritikal seperti pengauditan forensik dan fraud, perolehan, tadbir urus, pengurusan risiko dan sebagainya. Seramai 96 pegawai JAN telah dihantar untuk mengikuti kursus tersebut. Perbelanjaan yang terlibat dalam program ini adalah sejumlah RM150,350.00

KURSUS DIBAWAH PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (PKTM)

AAN merupakan salah satu Institusi Latihan Awam (ILA) yang dipilih sebagai *course provider* di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) atau *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* sejak tahun 2007. Sepanjang tahun 2016, AAN telah menganjurkan sebanyak 17 kursus iaitu 9 kursus *MTCP Performance Audit dan 8 Kursus MTCP IT Audit*. Kursus ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri dan ditawarkan kepada Juruaudit sektor awam mahupun swasta di kalangan negara-negara membangun dari rantau Asia, Asia Barat dan juga negara-negara kepulauan di rantau Pasifik. Kandungan kursus adalah berdasarkan kurikulum yang disediakan oleh *The Asean Organization of Supreme Audit Institutions (ASOSAI)* dan *The International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI),* manakala ceramah disampaikan oleh pegawai JAN yang berpengalaman luas dalam bidang pengauditan prestasi dan pengauditan IT.

Pada tahun 2016, Kursus *MTCP Performance dan IT Audit* telah dianjurkan pada 16 hingga 27 Mei 2016 dan dihadiri oleh 41 peserta daripada negara–negara ahli ASOSAI, *The Arab Organization of Supreme Audit Institutions (ARABOSAI)*, *Pacific Association of Supreme Audit Institutions (PASAI)* dan *African Organization of Supreme Audit Institutions (AFROSAI)*.

KURSUS DI BAWAH PERUNTUKAN INSTITUT LATIHAN AWAM (ILA), JPA

AAN juga mendapat peruntukan di bawah program ILA Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai salah satu kaedah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar di AAN. Dalam tahun 2016, AAN telah mendapat peruntukan sebanyak RM150,000 untuk melaksanakan program latihan tenaga pengajar atau dikenali sebagai *Training of Trainers (ToT)*. Sebanyak 3 program ToT telah dilaksanakan dalam tahun 2016 yang dihadiri oleh seramai 73 peserta. AAN juga telah menghantar Ketua Sekolah Perakaunan untuk menghadiri *ToT – Risk – Based Internal Audit* di bawah program ini ke United Kingdom pada 10 hingga 21 Oktober 2016.

Training of Trainers (ToT) Dalam Negeri

3 Kursus ToT yang dijalankan dalam tahun 2016 adalah seperti berikut:

- *Effective Training & Facilitation* Skills
- Bantuan Keselamatan dan Kecemasan
- *Enhancing Training Skills and Module Development*

Kursus *Training of Trainers (ToT) – Effective Training & Facilitation Skills*

Kursus *ToT- Effective Training & Facilitation Skills* telah diadakan pada 25 hingga 27 Julai 2016 di Hotel Grand Crystal, Alor Setar, Kedah. Objektif utama kursus ini adalah memberi pemahaman dan pendedahan kepada peserta kursus mengenai prinsip, metodologi dan teknik pembelajaran bagi orang dewasa serta meningkatkan kemahiran individu dalam mengendalikan sesi pembelajaran secara berkesan. Seramai 26 tenaga pengajar JAN daripada Ibu Pejabat Putrajaya, AAN, JAN Negeri Perak, JAN Negeri Perlis dan JAN Negeri Kedah telah menghadiri kursus ini yang dikendalikan oleh Konsultan *Quantum Solution Resource (QSR)*.

Kursus *Training of Trainers (ToT)* – Bantuan Keselamatan dan Kecemasan

Kursus ToT- Bantuan Keselamatan dan Kecemasan telah diadakan pada 7 hingga 9 Oktober 2016 di Hotel Sentral, Melaka. Objektif utama kursus ini adalah memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam memberikan pertolongan cemas kepada peserta kursus sekiranya berlakunya kemalangan di tempat kerja atau di mana sahaja terhadap diri, keluarga, rakan, atau pelanggan dan orang ramai Kursus ini telah dikendalikan oleh pihak konsultan *Geo Power System* Sdn. Bhd. Seramai 22 tenaga pengajar dan fasilitator JAN dan AAN telah mengikuti kursus ini dan telah lulus peperiksaan pertolongan cemas yang dikendalikan oleh konsultan.

Kursus *ToT*- Bantuan Keselamatan dan Kecemasan pada 7 hingga 9 Oktober 2016 di Hotel Sentral, Melaka.

Kursus *Training of Trainers (ToT) – Enhancing Training Skills & Module Development For Training*

Kursus *ToT- Enhancing Training Skills & Module Development for Trainers* telah diadakan pada 21 hingga 23 Oktober 2016 di Paradise Spa Hotel, Port Dickson. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pengendalian sesi pembelajaran yang berkesan dan mencipta suasana pembelajaran yang kondusif serta pembangunan modul untuk mengajar.

Kursus ini telah dikendalikan oleh En. Zulkernain Wook dari *Innotech Excel Consulting*. Peserta kursus ini terdiri daripada 19 orang tenaga pengajar JAN dari Ibu Pejabat dan AAN.

Kursus *ToT- Enhancing Training Skills & Module Development for Trainers* pada 21 hingga 23 Oktober 2016 di Paradise Spa Hotel, Port Dickson.

Training of Trainers Luar Negeri

Dalam tahun 2016, AAN telah menghantar Ketua Sekolah Perakaunan untuk mengikuti kursus ToT dalam *Risk – Based Internal Audit* pada 10 hingga 21 Oktober 2016. Kursus ini dianjurkan oleh pihak Crown Agents di United Kingdom.

Ketua Sekolah Perakaunan bergambar bersama peserta lain dalam Kursus *ToT - Risk – Based Internal* Audit.

KURSUS DALAM NEGERI

Sepanjang tahun 2016, AAN telah melaksanakan sebanyak 95 kursus daripada 80 kursus yang disasarkan dengan kehadiran 2,752 peserta kursus. Antara kursus yang telah mendapat sambutan yang sangat baik ialah Kursus Kewangan Islam, Seminar *Fraud in the Public Sector and Digital Forensics: Tools and Technique* dan Kursus Pra Persaraan.

Kursus Kewangan Islam

Kursus ini telah diadakan pada 31 Oktober hingga 4 November 2016 dan telah dihadiri oleh seramai 26 pegawai JAN. Kursus ini dikendalikan oleh pensyarah daripada *INCEIF - International Centre for Education in Islamic Finance.*

Seminar *Fraud in The Public Sector and Digital Forensic Tools and Techniques.*

Seminar ini telah diadakan pada 16 dan 17 November 2016 dan telah dihadiri seramai 293 peserta daripada JAN dan Unit Audit Dalam Kementerian dan Agensi. Ia merupakan program kerjasama antara AAN dan *Certified Fraud Examiner,* Malaysia *Chapter*. Program in bertujuan untuk memberi kesedaran kepada peserta mengenai jenis fraud dan telah mendapat penilaian yang tinggi daripada peserta kursus kerana ia julung kali diadakan di AAN.

Kursus Pra Persaraan

Kursus ini telah diadakan pada 8 hingga 12 Ogos 2016 di Pulau Langkawi dan telah dihadiri 30 bakal pesara JAN yang akan bersara pada tahun 2016 dan 2017. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan persediaan kepada bakal pesara selepas meninggalkan perkhidmatan. Majlis penutupan dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh YBhg.Tan Sri KAN.

Peserta Kursus Pra Persaraan bersama YBhg. Tan Sri KAN.

KURSUS LUAR NEGARA

Asian Development Bank 2nd Regional Workshop on Enhancing The Roles of SAI in Selected ASEAN Countries

Asian Development Bank (ADB) telah menganjurkan satu bengkel berkaitan pematuhan kepada standard ISSAI di kalangan Institusi Audit di Negara-negara ASEAN pada 14 hingga 18 Oktober 2016. Seramai 31 peserta telah menghadiri bengkel tersebut termasuk 5 wakil JAN. Bengkel ini dikendalikan oleh penceramah daripada ADB.

Peserta Bengkel *Asian Development Bank 2nd Regional Workshop on Enhancing the Roles of SAI in Selected ASEAN Countries.*

Performance Audit Training Programme for Auditor Generals' Department of Sri Lanka

Seramai 80 orang peserta daripada *Auditor General's Deparment of Sri Lanka* telah menghadiri kursus ini yang dilangsungkan pada 21 November hingga 2 Disember 2016. Peserta telah didedahkan dengan perkara-perkara berkaitan pengauditan prestasi, akauntabiliti serta tadbir urus yang baik. Peserta juga telah dibawa melawat sambil belajar ke Putrajaya, Seremban, Kuala Lumpur dan Singapura.

Peserta Kursus *Performance Audit Training Programme Auditor General's Department of Sri Lanka.*

LAWATAN SOSIAL/SAMBIL BELAJAR KE AAN

Pada tahun 2016, AAN telah menerima lawatan daripada 7 delegasi luar negara terdiri daripada Institusi Audit Negara seperti daripada negara Oman, Jepun, Palestin, dan Sri Lanka. Tujuan lawatan adalah berkaitan dengan tinjauan ke atas fasiliti AAN dan peluang mengadakan latihan bersama JAN.

Lawatan Delegasi daripada SAI Jepun pada 15 Februari 2016 & Lawatan Delegasi daripada SAI Oman pada 2 Mac 2016.

Lawatan Delegasi daripada SAI Sri Lanka pada 15 Mac 2016.

Delegasi SAI Palestine bersama peserta Kursus MTCP IT Audit pada 27 Mei 2016

LAIN-LAIN PROGRAM/MAJLIS ANJURAN AAN

AAN juga telah menjadi tuan rumah penganjuran program suai kenal Pegawai Baru Jabatan dan Majlis Amanat KAN Bersama Pegawai Atasan JAN.

Program Suai Kenal Pegawai Baru JAN

Seramai 30 orang pegawai baru yang dilantik ke jawatan Penolong Juruaudit Gred W29 telah melapor diri bertugas di JAN pada bulan Julai 2016. Satu program suai kenal telah diadakan pada 9 hingga 12 Ogos 2016 untuk memperkenalkan peranan dan tanggungjawab JAN kepada mereka. Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Tan Sri KAN yang juga telah menyampaikan amanat pada majlis penutupan program tersebut.

Majlis Amanat YBhg. Tan Sri KAN Bersama Pegawai Kanan JAN

Majlis Amanat YBhg. Tan Sri KAN bersama-sama pegawai Kanan JAN telah diadakan pada 5 Oktober 2016. Tujuan majlis ini diadakan adalah bagi memberi pemakluman kepada pegawai kanan jabatan struktur baru JAN susulan daripada kelulusan struktur baru JAN yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2016.

Barisan Pengurusan Tertinggi JAN sempena Majlis Amanat YBhg. Tan Sri KAN pada 5 Oktober 2016

Program Pengukuhan Pasukan dan Kesedaran Integriti Universiti Putra Malaysia, PUSPANITA dan AAN

Program ini dianjurkan bersama oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), PUSPANITA JAN dan AAN yang telah diadakan pada 22 April 2016 dan dihadiri oleh seramai 100 orang terdiri daripada mahasiswa UPM, ahli PUSPANITA JAN dan warga AAN. Satu sesi perkongsian ilmu juga telah diadakan di mana YBhg. Tan Sri KAN telah berdialog dengan mahasiswa mengenai pengauditan dan tadbir urus sektor awam. Selain itu, sesi menanam pokok juga diadakan bagi YBhg. Tan Sri KAN, TKAN (Kewangan) dan Mantan Pengarah AAN.

Peserta Program Bersama YBhg.Tan Sri KAN, ahli Puspanita JAN dan Siswa UPM

YBhg. Tan Sri KAN dan YBhg. Datuk TKAN (Kewangan) menimbus tanah selepas menanam pokok

Mantan Pengarah AAN, YBhg. Dato' Abd. Wahab bin Ahmad, Pn. Hjh. Zainun binti Taib dan Pn. Hjh. Noor Akma binti Mohd Baki menyiram pokok yang telah ditanam

BAHAGIAN PENYELIDIKAN, KORPORAT DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN *QUALITY ASSURANCE REVIEW*

Pada tahun 2016, Cawangan Penyelidikan dan *Quality Assurance Review (QAR)* telah menyediakan Pelan Strategik Jabatan Audit Negara 2016-2020, Garis Panduan, menjalankan beberapa kajian, menyediakan kertas konsep dan laporan. Selain itu, Cawangan ini juga menjadi urus setia dan jawatankuasa bagi Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2016 serta Seminar Firma Audit Swasta Tahun 2016.

GARIS PANDUAN

Panduan Pengauditan Pengurusan Sumber Manusia (Pematuhan)

Panduan Pengauditan Pengurusan Sumber Manusia (Pematuhan) dihasilkan untuk memberi panduan serta membantu pasukan audit melaksanakan pengauditan pengurusan sumber manusia dengan komprehensif, sistematik dan efisien. Garis panduan ini berfokus kepada pengauditan pematuhan. Terdapat 6 bab dalam buku panduan ini dan secara umumnya setiap bab disusun seperti berikut – apakah maklumat yang Juruaudit perlu ketahui; apakah sumber rujukan bagi maklumat berkenaan; apakah risiko ketidakpatuhan *(red flags)* yang perlu diberi perhatian; bagaimana Juruaudit boleh menjalankan pengauditan; dan apakah dokumen/sumber yang boleh dirujuk dalam pengauditan. Dengan itu, ia berfungsi sebagai *eye-opener* bagi Juruaudit untuk merancang dan melaksanakan pengauditan pengurusan sumber manusia dengan lebih teliti.

Bab Pertama membincangkan tentang pelbagai urusan perkhidmatan seperti perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar dan strategi pengurusan sumber manusia; pengurusan hal pengambilan, penempatan, peperiksaan, pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan pemberian taraf berpencen, kenaikan pangkat, pengisytiharan harta, gaji, elaun, kemudahan, suasana kerja, motivasi, insentif, dan tatatertib; pengurusan prestasi dan penilaian kompetensi Perkhidmatan Awam serta penghargaan (Anugerah Perkhidmatan Cemerlang/Anugerah Darjah Kebesaran/ Bintang/Pingat Peringkat Persekutuan/Negeri); dan memberi khidmat nasihat dan runding selia berkaitan dasar perkhidmatan. Bab Kedua pula menjelaskan aspek pembangunan organisasi yang merangkumi penyusunan semula struktur organisasi dan pengukuhan perjawatan; pengemaskinian data perjawatan; pengurusan skim-skim perkhidmatan; dan perancangan tenaga manusia. Seterusnya, aspek latihan diperbincangkan dalam Bab Ketiga manakala pengurusan gaji dan elaun dibincangkan dalam Bab Keempat. Bab Kelima pula menyentuh hal-hal berkaitan psikologi. Bab terakhir iaitu Bab Keenam menerangkan tatacara pengauditan bagi hal ehwal persaraan dan pencen.

Tatacara Panduan Materialiti dan Pensampelan (Kemas kini eWP)

Panduan ini mula disediakan pada tahun 2014. Di peringkat awal penyediaan garis panduan ini adalah lebih berfokus kepada aspek pensampelan sahaja. Namun begitu, garis panduan ini telah dikembangkan kepada aspek kaedah materialiti. Nama garis panduan ini telah ditukarkan kepada Tatacara Panduan Materialiti dan Pensampelan. *Exposure* Draf pertama Tatacara Panduan ini telah dikeluarkan pada awal bulan Oktober 2015, manakala *Exposure* Draf Kedua dikeluarkan pada bulan Disember 2015.

Pada tahun 2016, JAN telah memulakan projek pembangunan eWP dan Cawangan Penyelidikan & QAR telah terlibat dalam Pasukan *eWorking Paper* (eWP) khusus untuk aspek penilaian risiko, materialiti dan pensampelan. Keperluan eWP memerlukan tiga perkara iaitu penilaian risiko, materialiti dan pensampelan berhubung antara satu sama lain. Hasil daripada perbincangan yang telah diadakan semasa bengkel eWP yang telah diadakan pada bulan April 2016 mendapati ketiga-tiga aspek ini tidak dapat dihubungkan. Tatacara materialiti dan pensampelan ini membincangkan aspek penilaian risiko sebelum perincian berkenaan materialiti dan pensampelan. Sebelum perbincangan bab berkaitan materialiti dan pensampelan, turut diperbincangkan ialah bab mengenai risiko audit yang turut menjelaskan mengenai kaedah pengiraannya. Memandangkan tiada kesinambungan proses antara penilaian risiko dan bagaimanakah hubungannya dengan materialiti serta apakah kaitannya dengan pensampelan, Cawangan Penyelidikan & QAR telah membuat kajian mengenai hubungan antara ketiga-tiga perkara ini. Hasil daripada kajian tersebut telah memperjelaskan keperluan mengira formula risiko audit atau *'audit risk'* dan *'audit assurance'*. Keperluan pengiraan formula ini juga mempunyai kaitan dengan *'audit matrix'* dan penentuan risiko secara kualitatif. Penentuan formula ini jugalah yang akan menentukan fokus tinggi atau rendah ujian yang akan dijalankan. Ini akan menentukan sama ada fokus kepada ujian kawalan atau terus ke ujian substantif.

Selaras dengan penambahan perkara tersebut, terdapat dua bab tambahan yang telah dimasukkan dalam Tatacara Panduan iaitu Bab Risiko dan Jaminan Audit (Bab 5) serta Bab Simulasi *Excel* (Bab 11). Bab Risiko dan Jaminan Audit menjelaskan mengenai pengiraan risiko audit, jaminan audit, matrik audit dan hubungannya. Bab Simulasi *Excel* pula menjelaskan hubungan tiga perkara tersebut yang telah diterjemahkan dalam bentuk pengiraan dan proses kerja *excel*. Tatacara Panduan Materialiti dan Pensampelan ini telah menjadi rujukan utama aspek risiko, materialiti dan pensampelan dalam penggunaan eWP.

Template Penilaian Risiko, Materialiti dan Pensampelan

Template Penilaian Risiko, Materialiti dan Pensampelan pula ialah template yang disediakan hasil terjemahan proses-proses kerja yang dijelaskan dalam Tatacara Panduan Materialiti dan Pensampelan ke dalam kertas kerja *Excel* untuk digunakan atau sebahagian daripada fail dalam *eWorking Paper*. Penyediaan template *excel* ini telah menghubungkan tiga perkara utama iaitu penilaian risiko, materialiti dan pensampelan secara formula. Penambahbaikan terhadap template akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Kaedah dan penjelasan berhubung penggunaan template ini diperjelaskan dalam Bab terakhir Tatacara Panduan Materialiti dan Pensampelan iaitu Bab Simulasi *Excel*. Template ini mempunyai 4 folder iaitu Penilaian Risiko, Pengiraan Materialiti, Pengiraan Pensampelan dan Nota atau Jadual yang membentuk formula dalam lain-lain folder.

KAJIAN

Kajian Mengenai Tahap Penggunaan Sistem Pengurusan Pengauditan (eSPP) JAN

Kajian ini merupakan salah satu usaha dalam memastikan pengurusan pengauditan dilaksanakan secara sistematik dan teratur. Hasil kajian ini akan dapat membantu pihak pengurusan JAN merangka serta mengenal pasti bentuk-bentuk tindakan yang boleh diambil bagi menambah baik eSPP agar lebih mesra pengguna dan memberi manfaat yang lebih berkesan kepada penggunanya. Penambahbaikan terhadap sistem ini adalah seiring dengan pembangunan Sistem Kertas Kerja Audit Secara Elektronik (eWP) JAN. Objektif kajian ini adalah untuk:

- Menilai sejauh mana tahap penggunaan eSPP di kalangan warga Jabatan;
- Mengenal pasti kekurangan/permasalahan sistem eSPP sedia ada; dan
- Mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil untuk menambah baik eSPP dan mempertingkatkan tahap penggunaan serta keberkesanan eSPP.

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah soal selidik secara elektronik. Selain itu, pegawai kanan Jabatan turut ditemu ramah bagi mendapatkan maklumat terperinci. Soal selidik telah diemel pada 2 Februari 2016. Sehingga ke tarikh tutup 1 Mac 2016, seramai 236 responden telah mengemukakan maklum balas. Soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian A mengenai maklumat asas responden; Bahagian B merupakan pernyataan bagi menilai tahap kesedaran dan penggunaan eSPP; Bahagian C adalah pernyataan bagi mengukur tahap keberkesanan pelaksanaan eSPP dari segi pemahaman warga audit, aplikasinya dalam pengurusan data dan pengauditan, mencukupi dalam memenuhi kehendak tugasan dan keperluan penambahbaikan; dan Bahagian D adalah cadangan bagi menambah baik eSPP dan meningkatkan tahap penggunaan serta keberkesanan eSPP.

Secara keseluruhan, penggunaan eSPP adalah memuaskan. Bagaimanapun rumusan mengikut aspek yang dinilai adalah seperti berikut:

- Pengguna bersetuju bahawa mereka menyedari/mengetahui kewujudan eSPP, mudah diakses dan digunakan dalam melaksanakan tugas. Sistem eSPP membantu pengurusan maklumat kerja yang biasa dibuat secara manual tetapi sekadar pada tahap memuaskan sahaja.

- Kekerapan penggunaan eSPP boleh dipertingkatkan ke tahap maksimum sebagaimana yang dihasratkan dengan adanya arahan dan pemantauan daripada pihak atasan.

- Modul-modul di sistem eSPP perlu ditambah baik. Bagi modul yang kurang digunakan perlu dikaji keperluannya dan kenal pasti tindakan selanjutnya berkaitan modul tersebut.

- Rangkaian (networking) dan tiada maklumat/maklumat tidak kemas kini merupakan dua permasalahan utama kepada penggunaan eSPP. Permasalahan ini perlu diatasi oleh pihak Jabatan bagi menambah baik sistem.

- Sistem eSPP perlu jelas dan mudah difahami; membantu melaksanakan tugasan dengan lebih efisien; dan membantu proses pengauditan dan pelaporan.

- Data/maklumat dalam eSPP hendaklah kemas kini dan relevan serta digunakan sebagai asas sokongan penyediaan laporan atau sebagainya.

- Terdapat keperluan untuk menambah bilangan pegawai dan kakitangan di Unit Aplikasi BTM. Seorang Juruprogram adalah tidak mencukupi untuk menjaga dan memantau semua sistem dan portal Jabatan.

PENERBITAN

Jurnal Pengauditan Sektor Awam

Pada tahun 2016, JAN telah mengeluarkan 1 edisi Jurnal Pengauditan Sektor Awam. Jurnal ini merupakan platform di kalangan warga Jabatan untuk berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman di samping menggalakkan budaya berkarya. Jurnal Pengauditan Sektor Awam Keluaran Pertama 2016 memuatkan sebanyak 6 artikel iaitu:

a. *Assessment on Internal Audit Capability Level in a Public Sector Organisation: Case Study on a Local Government*
b. *The Multi Definitions of Good Governance and Its Significance*
c. Analisis Laporan Ketua Audit Negara: Isu Kelewatan Menyiapkan Projek
d. *The Malaysian Integrity System*
e. Paris *Climate Accord: Roles of Malaysia in Combating Climate Change*
f. Pengalaman: Teknik Analisis Dan Interpretasi Data Kajian Audit Prestasi

Compilation of Auditors General's Speeches and Country Papers

Buku ini merupakan kompilasi kertas pembentangan dan ucapan YBhg. Tan Sri KAN. Buku *Compilation of Auditor General's Speeches and Country Papers* ini memuatkan 19 kertas pembentangan dan ucapan YBhg. Tan Sri KAN dari tahun 2010 hingga 2016 yang meliputi aspek pengauditan sektor awam, akauntabiliti awam, audit dalaman, perolehan Kerajaan, pengurusan risiko, pengurusan institusi Islam dan etika perniagaan.



Antara Buku terbitan JAN pada tahun 2016

PEWARTAAN

Cawangan Penyelidikan & QAR juga bertanggungjawab menguruskan proses pewartaan bagi semua syarikat milik Kerajaan yang mempunyai pegangan lebih daripada 50% dan syarikat/badan/entiti yang mendapat geran/pemberian/pinjaman daripada Kerajaan/agensi Kerajaan. Kali terakhir JAN mewartakan syarikat Kerajaan adalah pada tahun 2013. Pewartaan syarikat Kerajaan seterusnya masih dalam proses mendapatkan maklum balas daripada Kementerian Kewangan dan Jemaah Menteri.

HARI AUDIT 1MALAYSIA DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM

Hari Audit 1Malaysia merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh JAN bertujuan meningkatkan kesedaran awam berhubung kepentingan peranan dan fungsi JAN dalam memperkukuhkan akauntabiliti dan integriti pengurusan serta tadbir urus wang awam. Majlis ini juga diadakan bertujuan mengiktiraf usaha dan komitmen Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat negeri yang berjaya mendapat pengiktirafan 5 Bintang bagi pengurusan kewangan tahun 2015. Tema yang dipilih untuk tahun 2016 adalah "Peranan Juruaudit Dalam Menjayakan Matlamat Pembangunan Lestari Negara" di mana ia seiring dengan peranan yang seharusnya dimainkan oleh setiap Juruaudit iaitu memantapkan profesionalisme dalam melaksanakan kerja pengauditan di persekitaran yang serba mencabar serta peningkatan jangkaan stakeholders dan orang awam.

Pada tahun 2016, Hari Audit 1Malaysia telah diadakan pada 22 Ogos dan 23 Ogos 2016 di Grand Ballroom, Melaka International Trade Convention (MITC), Melaka. Seramai 1,000 orang jemputan yang hadir semasa Hari Audit 1Malaysia terdiri daripada tetamu kehormat Kerajaan Negeri Melaka, penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan, tetamu jemputan serta warga Jabatan Audit Negara. Majlis dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka. Semasa majlis, Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015 telah disampaikan kepada sebanyak 125 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat negeri yang telah berjaya memperoleh penarafan lima (5) bintang dalam pengurusan kewangan.

Semasa Persidangan Juruaudit Sektor Awam, YBhg. Tan Sri KAN telah merasmikan pelancaran Pelan Strategik Teknologi Maklumat Jabatan Audit Negara 2016-2020; Garis Panduan Pengauditan Loji Rawatan Kumbahan; Buku Susulan Audit Menurut Perspektif Jabatan Audit Negara Malaysia; Buku Perolehan Sektor Awam: Isu-Isu Audit; dan Audit *Glossary Handbook*. Di samping itu, sebanyak 2 sesi pembentangan kertas kerja dan 3 sesi perbincangan panel juga telah disampaikan oleh penceramah/panelis jemputan yang terdiri daripada Juruaudit JAN serta penceramah jemputan.

Program Kemasyarakatan juga telah diadakan pada 23 Ogos 2016 di Rimbunan Kaseh, Serkam, Jasin, Melaka. Objektif program adalah untuk memasyarakatkan perkhidmatan awam amnya dan mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan JAN dengan penduduk setempat.

Ketibaan YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka

Ucapan Perasmian oleh YAB Datuk Seri Ir. Hj. Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka

Sesi Perbincangan Panel Keberkesanan Indeks Akauntabiliti

Program Kemasyarakatan dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri KAN

Majlis Penutup Program Kemasyarakatan disempurnakan oleh YB Datuk Zaidi bin Attan, ADUN Serkam

SEMINAR FIRMA AUDIT SWASTA

Seminar Firma Audit Swasta (FAS) yang bertemakan *"Were The Auditors Sleeping?"* telah berlangsung pada 15 Disember 2016 di Hotel Royale Bintang, Kuala Lumpur. Seramai 265 orang peserta daripada Firma Audit Swasta, Unit Audit Dalam dan warga JAN telah menyertai seminar ini. Tujuan penganjuran seminar ini adalah sebagai platform perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman serta percambahan idea dan pandangan antara Juruaudit awam dan swasta berhubung perkembangan semasa dalam bidang pengauditan, perakaunan dan bidang lain yang berkaitan. Di samping itu, ia juga dapat mengukuhkan jalinan kerjasama antara Juruaudit awam dan swasta.

Seminar kali ini membincangkan isu-isu berkaitan fraud dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan dunia pengauditan. Seminar ini dibahagikan kepada 4 sesi. Sesi pertama adalah pembentangan kertas kerja berkaitan fraud. En. Aaron Lau dari *National Council of the Association of Certified Fraud Examiners (ACFE)* – Malaysia Chapter telah membentangkan kertas bertajuk *"Fraud in Financial Statements – Recognising The Red Flags"*. En. Tan Kim Chuan dari KPMG Malaysia telah berkongsi mengenai *"Fraud Detection in Investment and Procurement"* dan terakhir Tn. Hj. Roslan bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Penyelidikan, Korporat dan Hubungan Antarabangsa dengan tajuk pembentangan *"Fraud Assessment Tool"*.

Sesi kedua pula adalah perbincangan panel dengan tajuk *"Fighting Fraud and Corruption: Roles and Expectations"*. Ahli panel terdiri daripada En. Soo Hoo Khoon Yean yang merupakan rakan kongsi Tetuan *PricewaterhouseCoopers* Malaysia, En. Mohd Khaidzir bin Shahari, Naib Presiden, Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM) dan Encik Mohd. Zaki bin Hassan dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Moderator bagi sesi berkenaan adalah YBhg. Datuk Juhari bin Haron, Pengarah Bahagian I, Sektor Audit Prestasi, JAN.

Sesi ketiga pula membincangkan perkembangan terkini dalam bidang pengauditan, standard perakaunan serta matlamat pembangunan lestari. En. Lee Tuck Heng dari Institut Akauntan Malaysia (MIA) telah berkongsi mengenai *"Communicating Key Audit Matters in The Independent Auditor's Report"*. Beliau diikuti oleh En. Raja Sunthara Kannan Dato' Raja Gopal, Timbalan Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi, JAN berkaitan Matlamat Pembangunan Lestari dan terakhir Pn. Lim Sok Kiang, Pengarah Bahagian III, Sektor Audit Kewangan dengan tajuk *"MASB Latest Development and Updates on MPSAS & MFRS"*. Sesi terakhir adalah dialog antara pengurusan JAN dan Firma Audit Swasta serta Audit Dalam dari pelbagai agensi kerajaan.

Pembentangan bertajuk *Fraud in Financial Statements – Recognising The Red Flags*
oleh En. Aaron Lau dari ACFE-Malaysia Chapter

Sesi perbincangan panel dengan tajuk *Fighting Fraud And Corruption: Roles And Expectations*
(dari kiri: En. Mohd Zaki bin Hassan, En. Soo Hoo Khoon Yean, YBhg. Datuk Juhari bin Haron, dan En. Mohd Khaidzir bin Shahari)

Sesi dialog bersama Firma Audit Swasta (dari kiri: Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan, YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang, YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman, dan En. Kamaruzaman bin Umar)

PENILAIAN JAMINAN KUALITI *QUALITY ASSURANCE REVIEW* (QAR)

Objektif utama QAR adalah untuk membantu JAN dalam memberi jaminan kualiti yang munasabah bahawa polisi dan prosedur berhubung Sistem Pengurusan Kualiti adalah relevan, mencukupi dan berfungsi dengan efektif. QAR peringkat JAN melibatkan keseluruhan fungsi dan aktiviti JAN yang memberikan input berguna dalam membangunkan dan mengemas kini pelan strategik JAN. Sehubungan itu, fungsi QAR perlu ditubuhkan bagi memastikan objektif jaminan kualiti dapat dicapai. Sebagai langkah awal, kertas konsep telah disediakan oleh unit QAR bertujuan untuk menerangkan dengan lebih lanjut fungsi unit QAR dan keperluan untuk melaksanakan QAR di peringkat JAN. Kertas konsep ini juga menerangkan peringkat pelaksanaan QAR mengikut fasa dan secara kesimpulannya, pelaksanaan QAR akan dimulakan pada tahun 2017.

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KETUA AUDIT NEGARA

Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah bertujuan untuk memantau prestasi dan pencapaian penjawat selari dengan bidang tanggungjawab dan keutamaan strategik negara dengan fokus ditumpukan kepada kesejahteraan rakyat. Selain itu, KPI juga dilaksanakan sebagai mekanisme menggantikan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang digunakan bagi tujuan-tujuan berkaitan pembangunan dan kemajuan kerjaya penjawat. Pembangunan dan penilaian KPI telah berkuat kuasa mulai tahun 2013.

Pengukuran KPI dibuat berdasarkan dua kelompok utama iaitu Tanggungjawab Seluruh Perkhidmatan Awam dan Pengukuran Agensi Secara Spesifik. Cawangan Penyelidikan & QAR bertanggungjawab sebagai urus setia bagi pengurusan elemen KPI Spesifik KAN. KPI berkenaan juga adalah aktiviti utama JAN sebagaimana senarai berikut:

- Penyata Kewangan yang disahkan dalam tempoh setahun
- Pengauditan Pematuhan (Indeks Akauntabiliti) yang dilaksanakan dalam tempoh setahun
- Pemeriksaan Mengejut (PM) yang dilaksanakan dalam tempoh setahun
- Pengauditan Prestasi yang dilaksanakan dalam tempoh setahun
- Syarikat Kerajaan/Subsidiari yang diaudit dalam tempoh setahun
- Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang dikemukakan untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri
- Program Latihan Yang Berkesan Yang dilaksanakan Dalam Tempoh Setahun

Selain itu, JAN juga bertanggungjawab terhadap KPI Tadbir Urus dan Akauntabiliti di semua Kementerian/Jabatan/Agensi. KPI ini menggunakan Indeks Akauntabiliti bagi mengukur tahap pematuhan peraturan kewangan oleh semua Kementerian/Jabatan/ Agensi yang berhubung kait dengan elemen kawalan terhadap pengurusan organisasi, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan kumpulan wang amanah/ akaun amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor, pengurusan pelaburan dan pinjaman dan penyata kewangan.

Selain daripada pengurusan KPI Spesifik, Cawangan Penyelidikan bertanggungjawab sebagai urus setia bagi pengurusan penilaian 360^0 bagi KAN. Penilaian ini dilaksanakan secara online oleh Ketua, Rakan Sejawat dan Subordinat di bawah seliaan KAN yang dipilih secara rawak. Secara umumnya, KPI KAN pada tahun 2015 telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

LAPORAN PEMANTAUAN *HANSARD* PARLIMEN

Laporan ini disediakan bagi memantau perkara-perkara berkaitan dengan KAN/LKAN/JAN yang dibincangkan semasa persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Di samping itu, perkara-perkara berbangkit yang berpotensi untuk diaudit juga dikenal pasti. Laporan disediakan secara harian mengikut sesi persidangan dan dikemukakan kepada pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan. Ia disediakan berdasarkan kepada Hansard Parlimen yang boleh diakses melalui laman sesawang Parlimen Malaysia. Sepanjang tahun 2016, sejumlah 65 laporan pemantauan hansard bagi persidangan Dewan Rakyat dan 26 laporan bagi persidangan Dewan Negara telah disediakan oleh Cawangan Penyelidikan & QAR.

REPOSITORI

Cawangan Penyelidikan & QAR juga bertanggungjawab untuk mengemaskini dan memuat naik semua Garis Panduan yang berkaitan dengan Jabatan di dalam Sistem eAudit JAN di Bahagian Repositori. Antaranya adalah mengemaskini Garis Panduan SME yang terkini untuk kegunaan warga JAN.

CAWANGAN KORPORAT

Mesyuarat Pengurusan Jabatan

Sebanyak 13 Mesyuarat Pengurusan Peringkat Ibu Pejabat telah diadakan sepanjang tahun 2016. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KAN dan dihadiri oleh 42 orang ahli mesyuarat iaitu Timbalan-Timbalan Ketua Audit Negara, Pengarah Sektor/ Bahagian/ Negeri dan Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan di Ibu Pejabat. Maklumat Mesyuarat Pengurusan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

JADUAL MESYUARAT PENGURUSAN PERINGKAT IBU PEJABAT JAN TAHUN 2016

BIL.	MESYUARAT PENGURUSAN JAN	TARIKH
1.	Bilangan 1/2016	6 Januari 2016
2.	Bilangan 2/2016	27 Januari 2016
3.	Bilangan 3/2016	10 Mac 2016
4.	Bilangan 4/2016	20 April 2016
5.	Bilangan 5/2016	18 Mei 2016
6.	Bilangan 6/2016	9 Jun 2016
7.	Bilangan 7/2016	18 Julai 2016
8.	Bilangan 8/2016	16 Ogos 2016
9.	Bilangan 9/2016	7 September 2016
10.	Bilangan 10/2016	13 Oktober 2016
11.	Bilangan 11/2016	2 November 2016
12.	Bilangan 12/2016	22 November 2016
13.	Bilangan 13/2016	21 Disember 2016

Barisan Ahli Mesyuarat Pengurusan JAN

Ceramah Eksekutif

6 sesi Ceramah Eksekutif telah diadakan sepanjang tahun 2016. Salinan rakaman juga telah dibuat dan diedarkan kepada semua Sektor/JAN Negeri/AAN untuk tujuan rujukan dan sesi latihan dalaman di pejabat masing-masing. Tajuk-tajuk Ceramah Eksekutif yang telah dianjurkan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

PROGRAM CERAMAH EKSEKUTIF

BIL.	TAJUK	PENCERAMAH	TEMPAT	TARIKH
1.	*"I'm Watching You"*	En. Nurfitri Ali bin Salleh Security Consultant Ofisgate Sdn. Bhd.	Dewan Serbaguna, JAN	29 Mac 2016
2.	*"How to talk to anyone"*	Pn. Irin Putri Azmi Producer Of Majalah 3/ TV Host/TVC	Dewan Serbaguna, JAN	29 April 2016
	"Emerald Management eJournals Collection"	Pn. Sarjit Kaur Business Manager (East Asia) Corporate and Public Sector	Dewan Serbaguna, Menara Usahawan, Putrajaya	26 Mei 2016
3.	Pengurusan Harta Intelek	En. Mohamed Ikhwan Shahdzul Bakri Penolong Pengarah Kanan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)		
4.	"*Whistle Blower Act*: Impak, perlindungan dan keberkesanan"	Pn. Shuhairoz binti Mohamed Shukeri Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	Dewan Serbaguna, JAN	12 Oktober 2016
5.	Sejuta Rahsia	En. Syamsul (Syamsul Debat)	AlHijrah Big Studio, Cyberjaya.	27 Oktober 2016
6.	*"Women's Boat to Gaza"*	YBrs. Dr. Fauziah binti Mohd Hasan Humanitarian Care Malaysia Berhad (MyCare)	Dewan Ahmad Noordin, AAN	14 November 2016

Antara Ceramah Eksekutif yang dianjurkan

Ceramah Eksekutif Bil. 6 mengenai *"Women's Boat to Gaza"* yang diadakan di AAN pada 14 November 2016.

EDARAN CD LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2015 KEPADA MEDIA

Cawangan ini juga telah dipertanggungjawabkan untuk mengedarkan cakera padat yang mengandungi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 kepada Media. Tugasan tersebut telah dilaksanakan sebanyak 2 kali pada tahun 2016 seperti di jadual berikut:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Edaran CD LKAN Siri 1/2015	18 Mei 2016	Bilik Taklimat, Bangunan Sementara, Parlimen Malaysia
2.	Edaran CD LKAN Siri 2/2015	21 November 2016	

CD LKAN Tahun 2015 yang diedarkan kepada Rakan Media di Parlimen.

Laporan Aktiviti Tahunan Jabatan Audit Negara

Cawangan ini merupakan penyelaras dan urus setia penyediaan Laporan Aktiviti Tahunan JAN. Penyediaan adalah mengikut sasaran yang telah ditetapkan sekali dalam setahun, setiap Laporan Aktiviti perlu diedarkan kepada semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan selewat-lewatnya pada bulan April tahun berikutnya. Bagi Laporan Aktiviti JAN Tahun 2015, urus setia telah berjaya mengedar dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau selewat-lewatnya pada bulan April 2016.



Terbitan Laporan Aktiviti Tahunan Jabatan Audit Negara Bagi Tahun 2015

Liputan Media Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015

Setelah Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan di Parlimen setiap tahun. YBhg. Tan Sri KAN telah mengarahkan Cawangan ini untuk menyediakan Kompilasi Liputan Media Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara bagi memudahkan rujukan oleh pegawai JAN. Pada tahun ini, Cawangan telah berjaya menyediakan dan membuat edaran cakera padat yang mengandungi Kompilasi Liputan Media Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 pada 13 Mac 2017.



Liputan Media Berkaitan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015

Program Inovasi

Cawangan Korporat juga telah dipertanggungjawabkan untuk bertindak sebagai urus setia kepada program Inovasi Jabatan melalui keputusan-keputusan yang dicapai oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN. Pada tahun 2016 terdapat pelbagai aktiviti/program yang telah dirancang untuk menyemarakkan budaya inovasi dikalangan warga JAN. Antara aktiviti/program yang berjaya dilaksanakan adalah seperti di jadual berikut:

BIL.	NAMA AKTIVITI/PROGRAM INOVASI 2016	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN Bil. 1 Tahun 2016	4 Februari 2016
	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN Bil. 2 Tahun 2016	12 April 2016
2.	Promosi/Program Kesedaran/Latihan Kursus Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Tahun 2016	6 - 9 Mac 2016
	Pra – Konvensyen KIK	10 Oktober 2016
3.	Konvensyen KIK JAN Tahun 2016 Peserta : 1. Kumpulan Hyper X dari Sektor Audit Kerajaan Persekutuan Tajuk Projek: Pengauditan Baucar Bayaran Kurang Penekanan Terhadap Kawalan Dalaman 2. Kumpulan Jomiter dari JAN Negeri Johor Tajuk Projek: Kesukaran Mendapatkan Maklumat Pergerakan Pegawai 3. Kumpulan Evo dari Bahagian Susulan Audit Tajuk Projek: Kesukaran Mengenalpasti Isu-isu Punatif Dalam LKAN 4. Kumpulan Spektrum dari Sektor Audit Khas & Penyelidikan Tajuk Projek: e-Government Directory 5. Kumpulan Ilham dari JAN Negeri Kelantan Tajuk Projek: Kesukaran Mengesan Pergerakan Fail	14 November 2016
	Pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JAN Tahun 2016 **Johan:** Kumpulan Evo dari Bahagian Susulan Audit. Tajuk projek: Kesukaran Mengenalpasti Isu-isu Punatif Dalam LKAN -Menerima RM 5,000 berserta Piala dan Sijil. **Naib Johan:** Kumpulan Hyper X dari Sektor Audit Kerajaan Persekutuan. Tajuk projek: Pengauditan Baucar Bayaran Kurang Penekanan Terhadap Kawalan Dalaman -Menerima RM 3,000 berserta Sijil. **Tempat Ketiga:** Kumpulan Jomiter dari JAN Negeri Johor. Tajuk projek: Kesukaran Mendapatkan Maklumat Pergerakan Pegawai -Menerima RM 2,000 berserta Sijil.	14 November 2016

KONVENSYEN KIK JAN TAHUN 2016

Pemenang –pemenang dan peserta Konvensyen KIK JAN Tahun 2016.

Panel Terdiri dari (kiri) Pn. Nazmiyah binti Jamaluddin, Pn. Hjh. Kartina binti Zamhari, YBhg. Dato' Kaswuri bin Keman.

Kumpulan Hyper X dari Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Kumpulan Spektrum dari Sektor Audit Khas & Penyelidikan

Kumpulan Jomiter dari JAN Negeri Johor

Kumpulan Ilham dan JAN Negeri Kelantan

Kumpulan Evo dari Bahagian Susulan Audit

NAZIRAN PENGURUSAN KEWANGAN JAN

Cawangan ini juga telah diamanahkan untuk menjalankan naziran pengurusan kewangan ke atas semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Kos (PK) di bawah JAN. Bagi tahun 2016 Cawangan ini telah merancang untuk menjalankan Naziran di empat pejabat Sektor/JAN, Negeri/Cawangan Audit. Program Naziran dilaksanakan bagi memastikan perkara-perkara berkaitan dengan organisasi, dasar, peraturan dan prosedur yang sedang berkuat kuasa dipatuhi bagi memperkukuhkan sistem kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan.

Di samping itu, Program Naziran dapat mewujudkan *awareness* di kalangan PTJ/Pejabat di bawah JAN bahawa Pasukan Naziran sentiasa memantau tahap pematuhan kepada peraturan kewangan dan mendorong kepada semua PTJ/Pejabat supaya menguruskan hal ehwal kewangan dengan teratur. Hasil penemuan Naziran yang dijalankan dikemukakan kepada YBhg. Tan Sri KAN.

BIL.	SEKTOR/JAN NEGERI/CAWANGAN	TARIKH NAZIRAN
1.	JAN Negeri Johor	18 - 21 Julai 2016.
2.	JAN Negeri Terengganu	18 - 21 Julai 2016
3.	JAN Negeri Pahang	25 - 28 Julai 2016
4.	JAN Negeri Kelantan	25 - 28 Julai 2016
5.	Cawangan Audit Pengangkutan	1-2 Ogos 2016
6.	Bahagian Susulan Audit	1-2 Ogos 2016
7.	Bahagian Teknologi Maklumat	3-4 Ogos 2016
8.	Seksyen Audit Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT)	3-4 Ogos 2016

Lain-lain Pengurusan Majlis/ Keurusetian/ Protokol

Cawangan ini juga telah diminta untuk membantu dan bertindak sebagai penyelaras/ urus setia/ urusan protokol bagi beberapa program Jabatan seperti berikut:

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
1.	Lawatan Pelajar Kolej Islam Antarabangsa Kuala Lumpur ke Ibu Pejabat JAN	18 Januari 2016	Dewan Makan Aras 2
2.	Lawatan Politeknik Melaka ke Ibu Pejabat JAN	18 Februari 2016	Dewan Makan Aras 2
3.	Penyelaras Kempen Derma Bahan Bacaan sempena Program Take A Break...Read!@Putrajaya: A Book Alive	4 April – 27 Mei 2016	Ruang Legar Aras 1, JAN
4.	Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2016	1 Mei 2016	Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.
5.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2015 dan 25 Tahun Perkhidmatan serta Majlis Makan Malam Meraikan Pesara 'Malam Jasa Mu Dikenang'	16 Mei 2016	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).
6.	Hari Audit 1Malaysia	21-23 Ogos 2016	Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC)
7.	Majlis *Sending Off* YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Hj. Anwari bin Suri, TKAN (Kewangan)	29 Ogos 2016	Aras 1, JAN

BIL.	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
8.	Perarakan sempena Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2016	31 Ogos 2016	Dataran Merdeka
9.	Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015 Bagi Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan	27 September 2016	Dewan ICU, Jabatan Perdana Menteri
10.	Majlis Sambutan Maal Hijrah 1438H/2016M Peringkat Kebangsaan	2 Oktober 2016	MAEAPS, Serdang
11.	Sesi Townhall Unit Audit Dalam	3 November 2016	Akademi Audit Negara
12.	Hari Integriti JAN 2016	24 November 2016	Dewan Serbaguna JAN
13.	Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1438H/2016M	11 Disember 2016	Masjid Putra, Putrajaya
14.	Persidangan Firma Audit Swasta 2016 "*Were the Auditors Sleeping?*"	15 Disember 2016	Hotel Royale Bintang, Kuala Lumpur

CAWANGAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Cawangan Hubungan Antarabangsa bertanggungjawab menguruskan hubungan antarabangsa JAN. Antara tugas yang dipertanggungjawabkan adalah menguruskan penglibatan JAN dalam INTOSAI, ASOSAI dan yang terbaru ASEANSAI, menguruskan lawatan pegawai JAN ke luar negara bagi menghadiri seminar, bengkel dan mesyuarat, menguruskan lawatan delegasi luar ke JAN dan menyediakan kertas pembentangan negara.

XXII INCOSAI

International Congress of Supreme Audit Institutions - INCOSAI merupakan organ tertinggi INTOSAI yang terdiri daripada semua ahli Institusi Audit Tertinggi seluruh dunia. Ia diadakan setiap tiga tahun sekali menerusi mesyuarat tetap. Pada kali ini INCOSAI Kali ke XXII telah diadakan di Abu Dhabi, United Arab Emirates. YBhg. Tan Sri KAN selaku Pengerusi ASOSAI bagi tahun 2015 hingga 2018 telah hadir bersama 2 orang pegawai kanan JAN iaitu Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan, Pengarah Sektor Audit Kewangan bersama Tn. Hj. Roslan bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Penyelidikan, Korporat dan Hubungan Antarabangsa. Delegasi ini turut dibantu oleh En. Noradzri bin Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Cawangan Korporat. Dalam kongres tersebut YBhg. Tan Sri KAN telah membentangkan kertas maklum balas mengenai *"How INTOSAI Can Contribute to the UN 2030 Agenda for Sustainable Development, Including Good Governance and Strengthening the Fight Against Corruption?"*.

Disamping itu, selaku pengerusi ASOSAI, JAN terlibat secara tidak langsung dalam menguruskan ruang pameran ASOSAI bagi maksud mempromosikan ASOSAI khususnya dan sekaligus berpeluang meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

XXII INCOSAI yang diadakan di Abu Dhabi, UAE

IDI-ASOSAI PROGRAMME ON AUDIT OF DISASTER MANAGEMENT: AUDIT PLANNING MEETING

Program kerjasama antara IDI dan ASOSAI ini telah diadakan di AAN pada 7 hingga 15 April 2016. Program ini dihadiri oleh seramai 6 orang fasilitor dari Bhutan, China, Indonesia, Pakistan dan Philippines, *Subject Matter Experts* (SME) dari Indonesia dan IDI serta 52 orang peserta dari 18 buah negara Asia. Program ini adalah platform di mana setiap pasukan audit membentangkan penemuan audit yang telah dilaksanakan dan fasilitor bersama-sama SME akan memberi ulasan dan pendapat dalam penyediaan laporan audit yang berkualiti.

Peserta Kursus Audit *Planning Meeting Program IDI – ASOSAI 3i Cooperative Audit Programme.*

PREPARATORY MEETING ON INTERNATIONAL CONGRESS OF SUPREME AUDIT INSTITUTIONS (INCOSAI) REGIONAL THEME PAPERS

JAN selaku Pengerusi ASOSAI telah mengetuai projek penyediaan INCOSAI *Regional Theme Paper I on Sustainable Delevelopment Goals (SDGs)*. Bagi tujuan ini, JAN telah menganjurkan program *Preparatory Meeting* pada 27 hingga 29 April 2016 di AAN yang dihadiri oleh 34 peserta dari 18 negara anggota ASOSAI. Selain daripada perbincangan penyediaan kertas tersebut, penceramah daripada beberapa buah agensi turut dijemput untuk memberikan taklimat lanjut berkenaan SDGs serta pelaksanaan SDGs di Malaysia.

Preparatory Meeting for INCOSAI Regional Theme Papers

ASEANSAI KNOWLEDGE SHARING COMMITTEE - FOCUS GROUP DISCUSSION ON REVENUE AUDIT

KAN merupakan pengerusi bagi ASEANSAI *Knowledge Sharing Committee (KSC)* bagi tempoh 2013 hingga 2017. ASEANSAI Focus *Group Discussion (FGD) on Revenue Audit* merupakan salah satu aktiviti perkongsian ilmu yang disusun dan dilaksanakan di bawah jawatankuasa KSC pada tahun 2016. FGD ini bertujuan untuk mengenal pasti isu, cabaran, pengajaran dalam pengauditan hasil kerajaan melalui perkongsian pengalaman dan amalan terbaik untuk memantapkan keberkesanan kaedah dan proses pengauditan. Output yang disasarkan daripada FGD ini Laporan Penyelidikan dan satu Garis Panduan Pengauditan Hasil bagi negara-negara ASEANSAI.

Secara keseluruhan, FGD yang diketuai oleh SAI Malaysia ini melibatkan 20 orang peserta dari SAI Kemboja, Indonesia, Laos, Filipina dan Thailand dan Vietnam. Mesyuarat FGD pertama telah diadakan di Vientiane, Laos pada 2 hingga 4 Mac 2016. Mesyuarat FGD kedua pula telah diadakan di Phnom Penh, Kemboja pada 18 hingga 20 Julai 2016. Draf Laporan Penyelidikan dan Garis Panduan Pengauditan Perolehan Awam yang dihasilkan dalam Mesyuarat FGD yang pertama dan kedua ini telah diperhalusi dan dimuktamadkan dalam FGD ketiga yang telah diadakan pada 24 hingga 26 Oktober 2016 di Kuala Lumpur.

ASEANSAI Focus *Group Discussion on Revenue Audit* di Phnom Penh, Kemboja

ASEANSAI LTAPII PHASE II: DESIGN MEETING FOR FACILITATION SKILL WORKSHOP

JAN selaku pengerusi ASEANSAI *Knowledge Sharing Committe* telah menganjurkan *Design Meeting for Facilitation Skill Workshop* di bawah program Long Term ASEANSAI Program on ISSAI *Implementation Phase II* dengan kerjasama World Bank. Mesyuarat yang dihadiri oleh 10 orang fasilitator dari Indonesia, Malaysia, Philippines dan Thailand ini didakan pada 14 hingga 24 November 2016 di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyediakan modul bagi bengkel Facilitation Skill yang akan diadakan pada tahun 2017.

GLOBAL AUDIT LEADERSHIP FORUM KE-3

YBhg. Tan Sri KAN bersama En. Raja Sunthara Kannan a/l Raja Gopal, Timbalan Pengarah Audit, Sektor Audit Prestasi telah menghadiri *Global Audit Leadership* Forum Ke-3 bertemakan *Audit for Sustainable Development: Preconditions for And Impact of SAIs*. Simposium tersebut diadakan di Dürnstein, Austria pada 23 hingga 24 Mei 2016 bertujuan untuk membincang berkenaan prasyarat, impak dan kesan berhubung pengauditan terhadap pembangunan mampan *(sustainable development).*

Global Audit Leadership Forum Ke-3 di Dürnstein, Austria

MESYUARAT TEKNIKAL JABATAN AUDIT NEGARA DAN BADAN PEMERIKSA KEUANGAN REPUBLIK INDONESIA

Pada tahun 2016, Mesyuarat Teknikal ke-15 antara JAN dan BPKRI telah berlangsung dari 11 hingga 12 April 2016 di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Mesyuarat ini dihadiri oleh 17 pegawai JAN yang diketuai oleh YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman, Timbalan Ketua Audit Negara (Preestasi) dan 13 pegawai BPKRI yang diketuai oleh Dr. Moermahadi Soerja Djanegara, Ahli Lembaga BPKRI. Pada mesyuarat ini, JAN dan BPKRI telah berkongsi pengalaman dan pengauditan berhubung pengurusan kuari, penyelenggaraan jalan, pendaftaran dan penginapan haji dan pelaksanaan *e-Audit.*

Mesyuarat Teknikal ke-15 antara JAN dan BPKRI di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

MAJLIS MENANDATANGANI MOU DENGAN SAI AFGHANISTAN

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara JAN yang diwakili oleh YBhg. Tan Sri KAN dan Institusi Audit Afghanistan yang diwakili Tn. Sharif Sharifi, KAN Afghanistan telah berlangsung pada 6 Disember 2016 bertempat di Abu Dhabi National Exhibition Center, Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.

Perjanjian Persefahaman ini fokus kepada kerjasama dalam bidang latihan serta pertukaran maklumat, pengetahuan dan kepakaran dalam bidang pengauditan sektor awam melalui program sangkutan, latihan dan lawatan.

Lawatan Delegasi dari Luar Negara

JAN telah menganjurkan 6 program antarabangsa sepanjang tahun 2016. Selaku Pengerusi ASOSAI, JAN telah menganjurkan program *Preparatory Meeting INCOSAI Regional Paper for Theme 1 on Sustainable Development Goals.* JAN juga telah menerima kunjungan dari 7 buah negara iaitu Korea, Japan, Nepal, Oman, Palestin, Jordan dan Vietnam. Senarai aktiviti yang dianjurkan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:-

LAWATAN DELEGASI DARI LUAR NEGARA

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH
1.	*Preliminary Bilateral Meeting for* ASOSAI Secretariat	Putrajaya	7 -8 Januari 2016
2.	Lawatan sambil belajar delegasi dari SAI Japan	Putrajaya	15 – 16 Februari 2016
3.	Lawatan delegasi daripada *Institute of Chartered Accountants of Nepal (ICAN)*	Putrajaya	1 Mac 2016
4.	Lawatan delegasi daripada *SAI Oman*	Putrajaya	2 Mac 2016
5.	*IDI-ASOSAI Programme on Audit of Disaster Management: Audit Planning Meeting*	Akademi Audit Negara	7 – 15 April 2016
6.	*15th Technical Meeting between NADM and BPKRI*	Kota Kinabalu, Sabah	11 – 13 April 2016
7.	*Preparatory Meeting on INCOSAI Regional Theme Papers*	Akademi Audit Negara	27 – 29 April 2016
8.	Lawatan sambil belajar delegasi dari *State Audit & Administrative Control Bureau, Palestine*	Putrajaya	23 – 28 Mei 2016
9.	Lawatan sambil belajar delegasi dari *SAI Jordan*	Putrajaya	17 – 21 Oktober 2016
10.	*ASEANSAI KSC Programme : 3rd Focus Group Discussion On Revenue Audit*	Kuala Lumpur	24 – 26 Oktober 2016
11.	Lawatan delegasi daripada *State Audit Office of Vietnam*	Putrajaya	9 – 11 November 2016
12.	*ASEANSAI LTAPII Phase 2 : Design Meeting For Facilitation Skill Workshop*	Kuala Lumpur	14 – 24 November 2016
13.	Lawatan delegasi daripada *Global Institute Policy Jeju Island, Korea*	Putrajaya	13 Disember 2016

Lawatan Kerja / Persidangan / Mesyuarat / Pengauditan / Seminar / Bengkel / Kursus ke Luar Negara

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 37 lawatan kerja/ persidangan/ mesyuarat/ pengauditan/ seminar/ bengkel/ kursus yang dihadiri oleh pegawai JAN dari pelbagai Sektor Audit di luar negara telah diuruskan oleh Cawangan Hubungan Antarabangsa seperti di senarai berikut:-

Lawatan Kerja/ Persidangan/ Mesyuarat/ Penguditan/ Seminar/ Bengkel/ Kursus Ke Luar Negara Tahun 2016

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH
1.	*2nd Meeting of Common Forum for the Framework of INTOSAI Professional Standards*	Pretoria, South Africa	8 – 12 Februari 2016
2.	*50th ASOSAI Governing Board Meeting*	Chiang Mai, Thailand	15 – 16 Februari 2016
3.	*Study Tour on Procurement Policy and Best Practices by Infrastructure UK for Government Officers*	London, United Kingdom	15 – 19 Februari 2016
4.	*International Symposium on National Integrity System*	Chiang Mai, Thailand	18 – 19 Februari 2016
5.	*International Seminar on Fight Against Corruption*	Szarvas, Hungary	22 – 26 Februari 2016
6.	*ASEANSAI Knowledge Sharing Committee's Programme: 1st Focus Group Meeting of Revenue Audit*	Vientiane, Lao PDR	2 – 4 Mac 2016
7.	*Evaluation and Audit Advisory Committee Meeting, ICAO*	Montreal, Canada	17 – 18 Mac 2016
8.	*1st Meeting of INTOSAI Task Force on Statutes*	Nanjing, China	21 – 22 Mac 2016
9.	*Regional Workshop on Enhancing the Roles of Supreme Audit Institutions (SAIs) in Selected ASEAN Countries*	Ho Chi Minh, Vietnam	22 – 24 Mac 2016
10.	*LTAPII Coordination Meeting*	Jakarta, Indonesia	20 – 22 April 2016
11.	*25th Meeting of Working Group on IT Audit and 8th Performance Audit Seminar on IT Auditing*	Brasilia, Brazil	26 – 29 April 2016
12.	*The 36th Session Of The Finance Control Organ (FCO), Jeddah, Arab Saudi*	Dhaka, Bangladesh & Jeddah, Saudi Arabia	24 April – 5 Mei 2016
13.	*2nd Meeting of the ASOSAI Research Project on Developing Risk-based Audit Plan*	Seoul, Korea	2 – 4 Mei 2016
14.	*3rd Global Audit Leadership Forum*	Dürnstein, Austria	23 – 24 Mei 2016
15.	*ISO/PC 295 Working Group 01 Audit Data Collection Meeting*	Nanjing, China	23 – 25 Mei 2016
16.	*Instructor Design Meeting on Procurement Audit*	Manila, Philippines	23 – 30 Mei 2016
17.	*Jakarta AAC*	Jakarta, Indonesia	31 Mei – 2 Jun 2016
18.	*LTAP II Mentor's Meeting*	Manila, Philippines	31 Mei – 3 Jun 2016
19.	*Evaluation and Audit Advisory Committee Meeting, ICAO*	Montreal, Canada	11 – 12 Julai 2016
20.	*ASEANSAI Knowledge Sharing Committee's Programme: 2nd Focus Group Meeting of Revenue Audit*	Phnom Penh, Cambodia	18 – 20 Julai 2016
21.	*Audit Review Meeting of Phase I, LTAPII,*	Bangkok, Thailand	25 – 29 Julai 2016
22.	*Knowledge Sharing Committee Project on Audit of Health Services*	Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam	3 – 4 Ogos 2016

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TARIKH
23.	*ASEANSAI Strategic Plan Committee Meeting*	Hanoi, Vietnam	16 – 17 Ogos 2016
24.	*ASOSAI Seminar on "ISSAI Implementation - Experience and Strategy"*	Paro, Bhutan	22 – 26 Ogos 2016
25.	*Workshop on Auditing Public Private Partnerships: Knowledge Sharing for ASEANSAI*	Bangkok, Thailand	30 Ogos – 1 September 2016
26.	*10th meeting of WGFACML*	Bonn, Germany	27 – 29 September 2016
27.	*3rd Meeting of FIPP*	New Delhi, India	26 – 30 September 2016
28.	*IDI-ASOSAI 3i Cooperative Audit Programme on Audit of Disaster Management: Invitation to Audit Review Meeting*	Jakarta, Indonesia	10 – 14 Oktober 2016
29.	*6th ASOSAI WGEA Seminar on Environmental Auditing*	Jaipur, India	17 – 19 Oktober 2016
30.	*XXVI OLACEFS General Ordinary Assembly*	Punta Cana, Dominican Republic	17 – 21 Oktober 2016
31.	*17th Meeting of the INTOSAI Working Group on Environmental Auditing (WGEA)*	Jakarta, Indonesia	23 – 27 Oktober 2016
32.	*Evaluation and Audit Advisory Committee Meeting, ICAO*	Montreal, Canada	24 – 30 Oktober 2016
33.	*Workshop on the Audit of Public Procurement*	Nay Pyi Taw, Myanmar	31 Oktober – 6 November 2016
34.	*ASOSAI Workshop on Performance Audit*	Nanjing, China	13 – 25 November 2016
35.	*Mesyuarat ISO/PC WG01 Audit Data Collection*	New York, USA	16 – 18 November 2016
36.	*3rd Meeting of the ASOSAI Research Project on Developing Risk-based Audit Plan*	Hanoi, Vietnam	22 – 24 November 2016
37.	*XXII INCOSAI*	Abu Dhabi, UAE	5 – 11 Disember 2016

BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT UNDANG-UNDANG
PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), JAN diwujudkan melalui Waran Perjawatan Bilangan A133 Tahun 2011 bertarikh 5 Ogos 2011. Bagi tahun 2016, Pejabat PUU terdiri daripada Penasihat Undang-Undang L48, Peguam Persekutuan L41, dan Pembantu Tadbir N17/22.

Secara amnya, skop tugas dan fungsi PUU di JAN adalah seperti berikut:

- Memberi nasihat perundangan khususnya berhubung isu-isu di bawah Perlembagaan Persekutuan, Akta Audit Negara 1957 serta Akta Tatacara Kewangan 1957 yang dirujuk;
- Menjalankan penyelidikan atau kajian mengenai perkara undang-undang yang dirujuk;
- Mentafsir mana-mana peruntukan undang-undang bertulis serta pekeliling, surat pekeliling dan yang seumpamanya yang dirujuk;
- Menyemak dokumen perundangan termasuk notis perundangan, perjanjian dan memorandum persefahaman yang mana Jabatan merupakan salah satu pihak bagi memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi;
- Menyemak serta memberi pandangan dan ulasan dalam pindaan Akta dan undang-undang subsidiari di bawahnya yang melibatkan fungsi dan bidangkuasa Jabatan;
- Memberi nasihat perundangan terhadap kajian pengauditan yang dijalankan terhadap kewangan, prestasi dan aktiviti serta projek Kementerian, Jabatan, agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri; syarikat dan anak syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri; serta badan berkanun Kerajaan Persekutuan dan Negeri;
- Memberi nasihat perundangan berhubung isu-isu tatatertib serta perkhidmatan serta menjadi ahli Lembaga Tatatertib berkaitan bagi Jabatan;
- Menghadiri mesyuarat-mesyuarat Jabatan apabila diminta bagi memberi nasihat perundangan serta memastikan apa-apa keputusan dasar yang dibuat oleh Jabatan adalah menurut undang-undang; dan
- Menyertai sesi perkongsian maklumat atau latihan yang melibatkan aspek perundangan.

Sepanjang tahun 2016, Pejabat PUU berhadapan dengan pelbagai cabaran selaras dengan tuntutan tugas dan tanggungjawab pengauditan JAN. Selaku agensi yang bertanggungjawab dalam menjalankan pengauditan kewangan dan prestasi terhadap agensi kerajaan, syarikat kerajaan serta badan berkanun Persekutuan dan Negeri, terdapat pelbagai jenis isu yang dirujuk kepada Pejabat PUU bagi mendapatkan pemahaman yang jelas berhubung isu/kajian yang diaudit.

Antara isu yang sentiasa dirujuk adalah berhubung isu pematuhan kepada prosedur kewangan, yang lazimnya dilihat daripada aspek pengurusan kewangan Kerajaan menurut Perlembagaan Persekutuan, Akta Tatacara Kewangan 1957, Statutory Bodies *(Accounts and Annual Reports)* Act 1980 serta prosedur kewangan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan. Manakala dari segi pengauditan prestasi / aktiviti, fungsi dan tanggungjawab sesuatu agensi kerajaan akan dinilai dari sudut pematuhan agensi tersebut kepada undang-undang yang terpakai dalam pelaksanaan aktivitinya seperti Kanun Tanah Negara, Akta Rahsia Rasmi 1976, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan lain-lain perundangan berkaitan.

Memandangkan tanggungjawab pengauditan menuntut JAN untuk menilai sejauh mana wang awam diuruskan dengan cekap, tanpa pembaziran atau keborosan, Pejabat PUU mendapati bahawa sesetengah isu perundangan yang dirujuk melibatkan kepentingan awam *(public interest)*. Sehubungan itu, isu-isu tersebut perlu diberi penelitian dan pertimbangan khusus memandangkan ianya bukan sahaja melibatkan implikasi perundangan, malahan ia juga boleh menimbulkan pertikaian dari pihak-pihak berkaitan terutamanya apabila pengauditan berhubung perbelanjaan wang awam dilaporkan dalam LKAN dan didedahkan kepada umum serta media melalui pembentangan di Parlimen.

Selain daripada fungsi dan tugasan di atas, Pejabat PUU juga terlibat dalam perkara-perkara berikut:

Kursus/Ceramah/Taklimat

Sepanjang tahun 2016, Pejabat PUU aktif dalam menghadiri kursus /ceramah/taklimat berkaitan yang dianjurkan sepanjang tahun 2016 bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran berhubung isu-isu yang dirujuk ke Pejabat PUU. Antara kursus-kursus yang dihadiri sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

- Kursus Pemahaman Hak Asasi Manusia dari Perspektif Sivil dan Syariah, anjuran ILKAP;
- Seminar berhubung Pengurusan Saham, anjuran ILKAP;
- Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Ceramah Eksekutif Bil. 6/2016, anjuran ILKAP;
- Kursus *"Fraud and Corruption in The Public Sector"*, anjuran ILKAP;
- Seminar Firma Audit Swasta (FAS) bertema *"Were The Auditors Sleeping"*, anjuran JAN;
- Taklimat Rang Undang-Undang Syarikat 2015, anjuran JAN;
- *"Workshop on Drafting International Instrument"*, anjuran AGC; dan
- *"Whistle Blower Act"*: Impak, Perlindungan Dan Keberkesanan, anjuran JAN.

Selain itu, Pejabat PUU juga terlibat dalam menyampaikan taklimat berhubung "Terma-Terma Asas Kontrak Kerajaan" melalui Bengkel Pengurusan Kontrak Perolehan: Pengemaskinian Dokumen Kontrak yang dianjurkan oleh JAN bagi membantu peserta-peserta bengkel yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JAN dari seluruh negara untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran berhubung pengurusan kontrak.

Taklimat sempena Bengkel Pengurusan Kontrak Perolehan: Pengemaskinian Dokumen Kontrak

BAHAGIAN INTEGRITI

Bahagian Integriti JAN telah melaksanakan program-program sepanjang tahun 2016 yang bertujuan:

- Mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman warga JAN berkenaan Pelan Integriti Nasional Jabatan Audit Negara dan peranan Bahagian Integriti seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 – Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam;
- Melaksanakan teras-teras dalam Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) Jabatan Perdana Menteri;
- Mengamalkan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Seksyen Kaunseling dan Bahagian yang berkaitan;
- Mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dan unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta meningkatkan semangat patriotisme.

PROGRAM DAN AKTIVITI BAHAGIAN INTEGRITI

Bahagian Integriti telah melaksanakan pelbagai aktiviti dalam tahun 2016 mengikut pecahan program seperti berikut:

PROGRAM PENGURUSAN INTEGRITI

Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) JAN

Bahagian Integriti telah mengadakan Mesyuarat JITU JAN sebanyak tiga (3) kali bagi tahun 2016. Selepas penstrukturan semula JAN, mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dan dihadiri 33 ahli mesyuarat yang terdiri daripada Timbalan Ketua Audit Negara, Pengarah Audit Sektor/Bahagian/Negeri, Ketua Pegawai Integriti, Pegawai Undang-Undang serta Pegawai Kaunseling. Mesyuarat ini adalah bertujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui 6 terma rujukan iaitu:

- Dasar dan perundangan
- Sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan
- Tindakan pengesanan, punitif dan pemulihan
- Pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika
- Pengurusan pelanggan
- Membina permuafakatan dengan pihak berkepentingan

Mesyuarat JITU peringkat JAN telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 10 Mac, 18 Julai dan 2 November 2016.

Pengisytiharan Harta

Bahagian Integriti menjalankan fungsi urus setia bagi pengisytiharan harta yang juga merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada KAN. Sepanjang tahun 2016, bahagian ini telah berjaya mencapai 98.79% sasaran KPI yang ditetapkan. Baki peratusan yang masih belum tercapai melibatkan pegawai-pegawai yang masih dalam tempoh sambung belajar dan Cuti Tanpa Gaji.

PERATUSAN KESELURUHAN PERISYTIHARAN HARTA JAN MENGIKUT SEKTOR SEHINGGA 31 DISEMBER 2016



PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI

AKTIVITI KESEDARAN INTEGRITI

Taklimat Kesedaran Integriti meliputi pengenalan penubuhan Bahagian Integriti, panduan mengurus pegawai tidak hadir bertugas dan tindakan tatatertib terhadap tatakelakuan dalam perkhidmatan awam serta panduan pegawai dalam mengisytiharkan harta. Program ini diadakan bagi meningkatkan tahap kesedaran pegawai akan kepentingan dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab dengan etika yang betul dan berintegriti.

Bahagian Integriti juga menjemput pegawai kaunseling dan pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk memberikan taklimat kaunseling dan taklimat pengurusan sumber manusia kepada warga JAN Negeri. Ini dapat memberi pendedahan dan peluang kepada warga JAN Negeri untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan perkhidmatan, produktiviti, kemajuan kerjaya, permasalahan perkhidmatan pegawai dan pengurusan sumber manusia secara *'one-to-one'*.

Program Kesedaran Integriti telah dijalankan di JAN Negeri seperti berikut:

PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI

BIL.	LOKASI	TARIKH
1.	JAN Negeri Pulau Pinang (Program dibuat bersama Sesi Kaunseling)	24 dan 25 Mei 2016
2.	JAN Negeri Kelantan (Program dibuat bersama Sesi Kaunseling dan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)	5 dan 6 Oktober 2016

Program Kesedaran Integriti
JAN Negeri Pulau Pinang

Sesi Kaunseling
JAN Negeri Pulau Pinang

Program Kesedaran Integriti
JAN Negeri Kelantan

Program Kesedaran Integriti
JAN Negeri Kelantan

HARI INTEGRITI PERINGKAT JAN TAHUN 2016

Bahagian Integriti telah menganjurkan buat julung kalinya Program Hari Integriti Peringkat JAN Tahun 2016 bersama-sama pihak pengurusan JAN di Dewan Serbaguna pada 24 November 2016. Program ini juga turut memuatkan dengan perasmian Pelan Strategik Jabatan Audit Negara 2016-2020.

Hari Integriti Peringkat JAN ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Hj. Ambrin bin Buang, KAN dan turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Hj. Zakaria bin Hj. Jaffar, Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pengisian program ini adalah meliputi sesi ceramah dan panel talk seperti berikut:

Ceramah	**Cabaran Aktiviti Penyelewengan Dan Rasuah Dari Perspektif Global oleh YBhg. Dato' Akhbar bin Satar, *President, Transparency International Malaysia.***	
Panel talk:	Perkongsian Pengalaman - Integriti Dan Cabaran Dalam Perkhidmatan Awam	
	Panel I	En. Harisham bin Ibrahim Ketua Penolong Pengarah, Institut Integriti Malaysia
	Panel II	En. Nik Mohamed Yusoff Affendi Jaafar Ketua Jabatan Integriti dan Tadbir Urus, KWSP
	Panel III	En. Mohd Rafee bin Md Aris Naib Presiden II, Yayasan Anti Rasuah Malaysia
	Moderator	Pn. Suraya binti Adnan Jabatan Audit Negara

Antara booth-booth pameran yang menyertai Hari Integriti ini adalah seperti berikut:

- Pemeriksaan Kesihatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia
- Perkhidmatan mengurut bagi Persatuan Orang-orang Buta
- Kelompok insurans dari CUEPACS
- Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) - SSPNi
- Celcom
- CycleLabz - Basikal
- Malayan Banking Berhad
- Tabung Haji
- Bank Rakyat

Kehadiran pegawai JAN dalam menjayakan Hari Integriti Peringkat JAN Tahun 2016 adalah amat memuaskan dengan jumlah kehadiran peserta sebanyak 225 orang. Manakala pegawai-pegawai di JAN Negeri dapat mengikuti program ini secara langsung melalui sidang video/live feed.

Perasmian Hari Integriti Peringkat JAN 2016

Kehadiran Peserta Hari Integriti Peringkat JAN 2016

Ceramah Cabaran Aktiviti Penyelewengan Dan Rasuah Dari Perspektif Global
Perkongsian Pengalaman - Integriti Dan Cabaran Dalam Perkhidmatan Awam

PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI

AKTIVITI PEMANTAUAN DAN NAZIRAN INTEGRITI

Aktiviti ini bertujuan membantu jabatan memperbaiki keberkesanan kawalan dalaman dan sistem tadbir urus jabatan agar lebih bersistematik dan berdisiplin berdasarkan kepada pematuhan pekeliling serta arahan dalaman sedia ada.

Terdapat 2 jenis aktiviti yang dilaksanakan iaitu (1) Pemantauan Integriti dan (2) Naziran Integriti.

Skop aktiviti Pemantauan Integriti meliputi semakan terhadap perkara-perkara yang berikut:

- Kad Perakam Waktu pegawai;
- Keberadaan pegawai di pejabat;
- Borang Cuti Rehat/Sakit/time off pegawai ;
- Arahan Bertugas Luar Pejabat; dan
- Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Manakala skop Naziran Integriti adalah pemantauan susulan terhadap naziran eSPKB/ Naziran Bahagian Hal Ehwal korporat JAN yang lepas serta isu-isu lain yang berbangkit.

Jumlah aktiviti Naziran Integriti yang telah dijalankan adalah 2 kali naziran di JAN Negeri dan Pemantauan Integriti sebanyak 10 kali pemantauan di JAN Sektor/Negeri/Cawangan bagi tahun 2016 seperti berikut:

NAZIRAN DAN PEMANTAUAN INTEGRITI

BIL.	AKTIVITI PEMANTAPAN	JAN NEGERI/SEKTOR/CAWANGAN	TARIKH
1.	Naziran Integriti	JAN Negeri Pulau Pinang	25 Mei 2016
2.	Pemantauan Integriti	JAN Negeri Perlis	26 Mei 2016
3.	Pemantauan Integriti	JAN Negeri Selangor	31 Mei 2016
4.	Pemantauan Integriti	Cawangan Audit KKM	20 Jun 2016
5.	Pemantauan Integriti	Cawangan Audit KPM	20 Jun 2016
6.	Pemantauan Integriti	Cawangan Audit KDN	24 Jun 2016
7.	Pemantauan Integriti	JAN Cawangan Tawau	27 Julai 2016
8.	Pemantauan Integriti	JAN Negeri Sabah	28 Julai 2016
9.	Naziran Integriti	JAN Negeri Kelantan	6 Oktober 2016
10.	Pemantauan Integriti	Cawangan Audit KWSP	12 Oktober 2016
11.	Pemantauan Integriti	Cawangan Audit Lembaga Tabung Haji	12 Oktober 2016
12.	Pemantauan Integriti	Cawangan Audit Lembaga Tabung Angkatan Tentera	12 Oktober 2016

Pemantauan Integriti JAN Negeri Perlis

Pemantauan Integriti JAN Negeri Sabah

PEMANTAUAN INTEGRITI BULAN RAMADHAN TAHUN 2016

Bahagian Integriti telah menjalankan pemantauan pada Bulan Ramadhan Tahun 2016 bagi memastikan warga JAN mematuhi Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 – Tambahan Waktu Peringkat (WP) Dalam Jadual Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) Dilaksanakan Khas Pada Bulan Ramadhan.

Pemantauan ini hanya meliputi kawasan Ibu Pejabat, Cawangan Audit sekitar Putrajaya dan Akademi Audit Negara. Senarai Sektor/ Bahagian/Cawangan yang dilawati adalah seperti berikut:

PEMANTAUAN INTEGRITI BULAN RAMADHAN TAHUN 2016

BIL.	SEKTOR/BAHAGIAN/CAWANGAN	TARIKH
1.	Sektor Pengurusan	13 Jun 2016
2.	Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	13 – 14 Jun 2016
3.	Sektor Audit Khas & Penyelidikan	15 Jun 2016
4.	Cawangan Audit Jabatan Perdana Menteri Cawangan Audit Pertanian & Industri Asas Tani Cawangan Audit Kastam Cawangan Audit Kewangan	16 Jun 2016
5.	Cawangan Audit Komunikasi & Multimedia Malaysia Cawangan Audit Pendidikan Tinggi	17 Jun 2016
6.	Cawangan Audit Kesihatan Cawangan Audit Pendidikan	20 Jun 2016
7.	Cawangan Audit Pengangkutan	21 Jun 2016
8.	Akademi Audit Negara	23 Jun 2016
9.	Cawangan Audit Kementerian Dalam Negeri	24 Jun 2016

Laporan Aktiviti

Sektor Pengurusan

LAPORAN AKTIVITI SEKTOR PENGURUSAN

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Penekanan utama dalam pengurusan sumber manusia di JAN adalah pengurusan personel yang merangkumi aspek 3K iaitu Kemahiran, Kreativiti dan Kepimpinan yang mampu memberikan sumbangan kepada pencapaian Jabatan. Sehubungan itu, Jabatan telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Sumber Manusia dengan cekap dan teratur.

Pada Julai 2016, sejajar dengan Program Transformasi Jabatan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah dipecahkan kepada Cawangan Pengurusan Sumber Manusia, Cawangan Pengurusan Prestasi dan Cawangan Dasar, Pembangunan Kerjaya & Kompetensi.

CAWANGAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kedudukan Perjawatan dan Personel

Perjawatan yang diluluskan bagi JAN sehingga hujung tahun 2016 adalah 2,041 perjawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,839 jawatan telah diisi. Perinciannya adalah seperti jadual berikut :

RINGKASAN BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN DI JABATAN AUDIT NEGARA MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
KEWANGAN					
1.	Juruaudit	Utama A	2	1	1
2.	Juruaudit	Utama B	3	3	0
3.	Juruaudit	Utama C	13	13	0
4.	Juruaudit	W54	24	23	1
5.	Juruaudit	W52	27	27	0
6.	Juruaudit (Tambah Setara)	W48	2	1	1
7.	Juruaudit	W48	48	47	1
8.	Juruaudit	W44	96	87	9
9.	Juruaudit (Jawatan Kumpulan)	W41-W54	59	43	16
10.	Juruaudit	W41	190	171	19
11.	Penolong Juruaudit	W36	107	99	8
12.	Penolong Juruaudit	W32	252	237	15
13.	Penolong Juruaudit	W29/W32	644	602	42
14.	Penolong Juruaudit (Jawatan Kumpulan)	W29-W36	18	17	1
15.	Pembantu Juruaudit	W26	13	8	5
16.	Pembantu Juruaudit	W22	9	7	2
17.	Pembantu Juruaudit (Jawatan Kumpulan)	W19-W26	2	1	1
18.	Pembantu Juruaudit	W19/W22	12	9	3
JUMLAH			**1,521**	**1,396**	**125**

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK					
1.	Pegawai Tadbir & Diplomatik	Utama C	1	1	0
2.	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M54	1	1	0
3.	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M52	1	1	0
4.	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M48	8	5	3
5.	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M44	5	3	2
6.	Pegawai Tadbir & Diplomatik	M 41	4	2	2
JUMLAH			**20**	**13**	**7**
PUSTAKAWAN/SOSIAL					
1.	Penasihat Percukaian	48	1	1	0
2.	Pegawai Psikologi	S41	1	1	0
3.	Penolong Pegawai Perpustakaan	S29/S32	1	1	0
4.	Pembantu Perpustakaan	S22	1	1	0
5.	Pembantu Perpustakaan	S19/S22	1	1	0
6.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S19/S22	1	1	0
7.	Pembantu Belia dan Sukan	S19/S22	1	1	0
JUMLAH			**7**	**7**	**0**
SISTEM MAKLUMAT					
1.	Pegawai Sistem Maklumat	F54	1	1	0
2.	Pegawai Sistem Maklumat	F48	4	3	1
3.	Pegawai Sistem Maklumat	F44	2	1	1
4.	Pegawai Sistem Maklumat	F41	6	5	1
5.	Pen. Peg. Sistem Maklumat	FA32	1	0	1
6.	Pen. Peg. Sistem Maklumat	FA29/FA32	6	3	3
7.	Juruteknik Komputer	FT19/FT22/FA29	12	11	1
8.	Juruteknik Komputer	FT19/FT22	12	10	2
JUMLAH			**44**	**34**	**10**
UNDANG-UNDANG					
1.	Pegawai Undang-Undang	L48	1	1	0
2.	Pegawai Undang-Undang	L41	1	1	0
JUMLAH			**2**	**2**	**0**
KEWANGAN					
1.	Akauntan	WA48	1	1	0
2.	Penasihat Kastam	WK 48	1	0	1
3.	Penolong Akauntan	W32	1	1	0

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
4.	Pembantu Akauntan	W22	1	1	0
5.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	2	1	1
6.	Pembantu Tadbir (Kewangan)/ Penolong Akauntan	W19/W22/ W29	10	10	0
7.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	17	14	3
JUMLAH			**33**	**28**	**5**
KEJURUTERAAN					
1.	Jurutera Awam	VU7	1	1	0
2.	Jurutera Awam	J54	1	1	0
3.	Juruukur Bahan	J52	1	1	0
4.	Jurutera Awam	J52	1	1	0
5.	Juruukur Bahan	J48	1	1	0
6.	Jurutera Awam	J48	7	3	4
7.	Arkitek	J48	1	0	1
8.	Juruukur Bahan	J44	1	0	1
9.	Jurutera Awam	J44	8	4	4
10.	Arkitek	J44	1	0	1
11.	Jurutera Awam	J41/J44	1	1	0
12.	Penolong Jurutera	JA29/30/JA36	4	3	1
JUMLAH			**28**	**16**	**12**
KESELAMATAN					
1.	Pegawai Keselamatan	KP11/KP14	2	2	0
JUMLAH			**2**	**2**	**0**
KEMAHIRAN					
1.	Pemandu Kenderaan	H14	2	2	0
2.	Pemandu Kenderaan	H11	53	47	6
JUMLAH			**55**	**49**	**6**
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN					
1.	Penolong Pegawai Tadbir	N36	4	4	0
2.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	11	8	3
3.	Penolong Pegawai Tadbir	N29/N32	18	13	5
4.	Pembantu Tadbir (P/O)	N26	2	1	1
5.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	23	18	5
6.	Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	147	138	9
7.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19/N22	2	2	0

BIL.	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	PERJAWATAN	PENGISIAN	KEKOSONGAN
8.	Pembantu Setiausaha Pejabat/SP	N19/N22/N29/30/ N32/N36/N40	52	47	5
9.	Pembantu Operasi	N11/N14	70	61	9
JUMLAH			**329**	**292**	**37**
	JUMLAH BESAR		**2,041**	**1,839**	**202**

Nota : Data adalah setakat 31 Disember 2016.

CAWANGAN PENGURUSAN PRESTASI

Antara aktiviti Cawangan Pengurusan Prestasi sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut :

BIL.	AKTIVITI / PROJEK (SENARAIKAN AKTIVITI / PROJEK)	PENCAPAIAN SEBENAR
1.	Menguruskan Kenaikan Pangkat Pegawai	
	i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Profesional (Audit)	45 pegawai
	ii. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan dan Profesional (Gunasama)	2 pegawai
	iii. Kumpulan Pelaksana (Audit)	57 pegawai
	iv. Kumpulan Pelaksana (Gunasama)	3 pegawai
	v. KUP 13 tahun Kumpulan Pelaksana / Time Based Berasaskan Kecemerlangan (Gunasama)	10 pegawai
2.	Menguruskan Pemangkuan Pegawai	
	i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Profesional (Audit)	99 pegawai
	ii. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan dan Profesional (Gunasama)	2 pegawai
	iii. Kumpulan Pelaksana (Audit)	98 pegawai
	iv. Kumpulan Pelaksana (Gunasama)	15 pegawai
3.	Mengurusetiakan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia	
	i. Pergerakan Gaji Biasa Tahun 2016	1 kali setahun
	ii. Pemilihan APC; Pingat PPC; Sijil CAI dan Sijil CFE	1 kali setahun
4.	Menguruskan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2015	
	i. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)	2,793 LNPT
	ii. LNPT Bagi Tujuan Temuduga/ Latihan/ Kursus/Permohonan Jawatan Baru	

BIL.	AKTIVITI / PROJEK (SENARAIKAN AKTIVITI / PROJEK)	PENCAPAIAN SEBENAR
5.	Menguruskan Pertukaran Pegawai	
	i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Profesional (Audit)	84 pegawai
	ii. Kumpulan Pelaksana (Audit)	53 pegawai
	iii. Kumpulan Pelaksana (Gunasama)	10 pegawai
6.	Menguruskan Perakuan Tanggung Kerja	
	i. Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Profesional	127 perakuan
	ii. Kumpulan Pelaksana (Gunasama)	240 perakuan
7.	Menguruskan Perakuan Pelantikan Pinjaman/ Pertukaran Sementara	
	i. Pelantikan Baru/ Semula/Tetap	
	ii. Pelanjutan/ Pemendekan/ Penamatan	49 pegawai
	iii. Pertukaran Tetap	
8.	Menguruskan Penganugerahan Pingat, Bintang dan Darjah Kebesaran Tahun 2017	
	i. Pingat Negeri Sembilan	i. Tiada penerima
	ii. Pingat Negeri Kedah	ii. Tiada penerima
	iii. Pingat Wilayah Persekutuan	iii. 2 penerima
	iv. Pingat Persekutuan	iv. 3 penerima
	v. Pingat Negeri Terengganu	v. Tiada penerima
	vi. Pingat Negeri Melaka	vi. Tiada penerima
	vii. Pingat Negeri Pahang	vii. Tiada penerima
	viii. Pingat Negeri Kelantan	viii. Tiada penerima
	ix. Pingat Negeri Selangor	ix. Tiada penerima

CAWANGAN DASAR, PEMBANGUNAN KERJAYA & KOMPETENSI

Antara kursus yang dikendalikan sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

KURSUS LUAR TAHUN 2016

BIL.	KURSUS/BENGKEL	TARIKH
1.	KL SIRI 1 TAHUN 2016 : Bengkel ePerolehan	27- 29 Januari 2016
2.	KL SIRI 2 TAHUN 2016 : Kursus Pemantapan Kumpulan Inovatif & Kreatif Untuk Pegawai JAN	6 - 9 Mac 2016
3.	KL SIRI 3 TAHUN 2016 : Bengkel Tatatertib & JITU Untuk Urus Setia Tatatertib JAN	7 – 10 Mac 2016
4.	KL SIRI 4 TAHUN 2016 : Mesyuarat MBJ & Taklimat HRMIS Modul MBJ bagi Ahli MBJ JAN	14 – 15 Mac 2016
5.	KL SIRI 5 TAHUN 2016 : Bengkel Pengenalan Sistem Pengurusan Aset (mySPATA) untuk Pegawai JAN	18 – 21 April 2016
6.	KL SIRI 6 TAHUN 2016 : Bengkel Pengurusan Sumber Manusia & Pengurusan Kewangan Bagi Pegawai JAN	26 – 29 April 2016
7.	KL SIRI 7 TAHUN 2016 : Kursus Pasukan Rujukan (SME) Sektor Pengurusan Bagi Pegawai JAN	18 – 20 Mei 2016
8.	KL SIRI 8 TAHUN 2016 : Bengkel *Task Force* Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Audit Bagi Pegawai-Pegawai JAN	24 - 26 Oktober 2016
9.	KL SIRI 9 TAHUN 2016 : Bengkel *Task Force* Pembangunan Program Roadmap Latihan Bagi Pegawai-Pegawai JAN	26 – 28 Oktober 2016
10.	KL SIRI 10 TAHUN 2016 : Bengkel Pemurnian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Dan Pembangunan Program *Roadmap* Siri 2 JAN	30 November – 2 Disember 2016
11.	KL SIRI 10 TAHUN 2016 : Bengkel Sumber Manusia Bagi Penetapan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM)	2 – 4 Disember 2016

IN HOUSE TRAINING (IHT) TAHUN 2016

BIL.	KURSUS/BENGKEL	TARIKH
1.	IHT SIRI 1 TAHUN 2016 : Ancaman Keselamatan Negara	18 Februari 2016
2.	IHT SIRI 2 TAHUN 2016 : Kerjasama CPMI & PUSPANITA @ Keibubapaan	17 Mac 2016
3.	IHT SIRI 3 TAHUN 2016 : Isu Kebangkrapan Penjawat Awam	12 Mei 2016

KURSUS BERSKALA BESAR (KSB)/PROGRAM NILAI-NILAI MURNI (PNNM) TAHUN 2016

BIL.	KURSUS/BENGKEL	TARIKH
1.	KSB SIRI 1 TAHUN 2016 : Keselamatan Pejabat dan Pengurusan Dokumen Terperingkat untuk Pegawai JAN	29 Februari 2016
2.	KSB/PNNM SIRI 2 TAHUN 2016 : Ceramah Sempena Bulan Ramadhan Untuk Pegawai JAN	2 Jun 2016

Daripada aspek pembangunan kerjaya, Cawangan juga bertanggungjawab menguruskan permohonan daripada pegawai JAN untuk melanjutkan pelajaran di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Sepanjang tahun 2016, sebanyak 20 permohonan telah diterima daripada pegawai JAN untuk melanjutkan pelajaran di bawah HLP. Seorang pegawai telah berjaya ditawarkan HLP di peringkat PhD dan 4 orang pegawai di peringkat Sarjana.Selain itu, antara aktiviti melibatkan pengurusan kompetensi Pegawai JAN yang dilaksanakan sepanjang tahun 2016, adalah seperti berikut:

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 Dalam Percubaan dan Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Latihan (KPSL) Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41 Tahun 2016.

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2016 telah diadakan pada 24 hingga 26 Mei 2016. Peperiksaan pada kali ini melibatkan seramai 37 calon secara keseluruhannya iaitu 16 calon Juruaudit W41 dan 21 calon Penolong Juruaudit W29 di 5 lokasi Pusat Peperiksaan seperti di jadual berikut:

SENARAI PUSAT PEPERIKSAAN DAN BILANGAN CALON MENGIKUT PUSAT PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2016

BIL.	ZON	PUSAT PEPERIKSAAN	BILANGAN CALON		
			W41	W27	JUMLAH
1.	Tengah	AAN	8	11	19
2.	Selatan	JAN Negeri Johor	0	5	5
3.	Utara	JAN Negeri Perak	4	2	6
4.	Timur	JAN Negeri Pahang	1	1	2
5.	Sarawak & Sabah	JAN Negeri Sarawak	3	2	5
JUMLAH			**16**	**21**	**37**

Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2016 dan Peperiksaan Khas KPSL Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41 Tahun 2016 telah diadakan pada 18 hingga 20 Oktober 2015. Peperiksaan ini melibatkan seramai 48 calon secara keseluruhannya iaitu 16 calon Juruaudit W41, 30 calon Penolong Juruaudit W29 dan 2 calon KPSL W41 di 2 lokasi Pusat Peperiksaan seperti Jadual berikut.

SENARAI PUSAT PEPERIKSAAN DAN BILANGAN CALON MENGIKUT PUSAT PEPERIKSAAN SIRI 2 TAHUN 2016

	ZON	PUSAT PEPERIKSAAN	BILANGAN CALON			
			W41	W27	KPSL	JUMLAH
1.	Semenanjung Malaysia	AAN	14	21	2	37
2.	Sabah	JAN Negeri Sabah	0	3	0	3
3.	Sarawak	JAN Negeri Sarawak	2	6	0	8
JUMLAH			**16**	**30**	**2**	**48**

Pengawas Peperiksaan menjalankan tugas semasa peperiksaan berlangsung.

Calon-calon sedang menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Siri 2 pada 18 – 20 Oktober 2016.

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

CAWANGAN KEWANGAN

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2016, peruntukan perbelanjaan mengurus JAN berjumlah RM161,408,000.00. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 95.42% telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2016

AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	BAKI (RM)
Pengurusan	40,304,530.00	38,630,383.43	95.85	1,674,146.57
Akademi Audit Negara	5,965,900.00	5,690,600.52	95.39	275,299.48
Pengauditan Khas & Penyelidikan	6,141,340.00	5,625,627.39	91.60	515,712.61
Pengauditan Akaun Kerajaan Persekutuan	24,508,880.00	22,943,508.74	93.61	1,565,371.26
Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan	10,840,200.00	10,215,840.48	94.24	624,359.52
Pengauditan Akaun Kerajaan Negeri	68,717,150.00	66,514,346.04	96.79	2,202,803.96
Emolumen Kakitangan Kontrak	200,000.00	139,601.52	69.80	60,398.48
Bertugas Ke Luar Negara	600,000.00	587,311.04	97.89	12,688.96
Pembaikan/Ubahsuai Ruang Pejabat & Kemudahan	630,000.00	506,670.41	80.42	123,329.59
Sistem Pengurusan ICT	3,500,000.00	3,161,531.21	90.33	338,468.79
JUMLAH	**161,408,000.00**	**154,015,420.78**	**95.42**	**7,392,579.22**

Nota :

a. Sekatan peruntukan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM2,400,000.00 dibawah Objek Am 20000 bagi keseluruhan Jabatan.

b. Prestasi Perbelanjaan adalah berdasarkan Laporan A499 sehingga Disember pada 31 Disember 2016.

PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2015 DAN 2016

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	BAKI (RM)
2015	157,307,742.00	154,335,517.55	98.11	2,972,224.45
2016	161,408,000.00	154,015,420.78	95.42	7,392,579.22

PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2015 DAN 2016 MENGIKUT PECAHAN



Nota :

a. Pada tahun 2015, Kementerian Kewangan telah membuat sekatan peruntukan berjumlah RM2,362,258.00 bagi Objek Am 20000 dan RM5,000,000.00 bagi Objek Am 10000.

b. Sekatan peruntukan bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM2,400,000.00 dibawah Objek Am 20000 bagi keseluruhan Jabatan.

c. Prestasi Perbelanjaan adalah berdasarkan Laporan A499 sehingga bulan 13, iaitu pada 31 Disember 2015 dan Disember pada 31 Disember 2016.

CAWANGAN PEROLEHAN & PEMBANGUNAN

Perolehan

Sebanyak 16 aktiviti yang melibatkan pelbagai kaedah perolehan telah dijalankan sepanjang tahun 2016 dengan jumlah keseluruhan perolehan Jabatan adalah bernilai RM7,419,369.96. Perincian adalah seperti berikut:

PECAHAN PEROLEHAN MENGIKUT KAEDAH BAGI TAHUN 2016

KAEDAH	JUMLAH	NILAI (RM)
eBidding	2	1,578,432.00
Sebut Harga	5	1,239,511.31
Sebut Harga B	6	226,650.90
Pelanjutan	2	718,080.00
Rundingan Terus	1	3,656,695.75
JUMLAH	**16**	**7,419,369.96**

Jabatan secara keseluruhannya telah mencatatkan sebanyak 88% penggunaan ePerolehan secara atas talian. Jumlah ini adalah amat memberangsangkan kerana Kementerian Kewangan hanya menetapkan 75% penggunaan ePerolehan secara atas talian bagi setiap Kementerian/Jabatan/Agensi.

Pelantikan Firma Audit Swasta

Bagi tahun 2016, keseluruhan aktiviti berkaitan pelantikan dan pelanjutan kontrak bagi FAS adalah bagi sebanyak 144 akaun/agensi. Ia terdiri daripada 117 FAS yang dilanjutkan kontrak dan baki 27 pelantikan baharu. Nilai kontrak bagi 114 akaun/agensi tersebut adalah berjumlah RM4,744,116.53 .

Pembangunan Jabatan

Antara aktiviti pembangunan JAN yang diuruskan Bahagian ini sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

a. Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Terengganu – Projek Sambungan;
b. Projek Pembinaan Pejabat JAN Negeri Sabah – Projek Sambungan; dan
c. Perolehan dan Kerja-Kerja Ubahsuai Bangunan Kompleks Pusat Budi Penyayang Di Bertam Untuk Dijadikan Bangunan Pejabat Baru JAN Negeri Pulau Pinang.

Berikut merupakan Laporan Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (DE) JAN bagi tahun 2016:

LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (DE) JAN TAHUN 2016

NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DIKEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
Pembinaan Pejabat JAN Negeri Terengganu	14,900,000.00	6,870,568.78	6,734,954.68	98.01
Pembinaan Pejabat JAN Negeri Sabah	9,002,100.00	1,995,213.00	1,230,538.16	61.67
Perolehan dan Kerja-Kerja Ubahsuai Bangunan Kompleks Pusat Budi Penyayang Di Bertam Untuk Dijadikan Bangunan Pejabat Baru JAN Negeri Pulau Pinang	26,000,000.00	19,830,000.00	18,824,465.48	94.92
JUMLAH	**49,902,100.00**	**28,695,781.80**	**26,789,958.30**	**93.36**

Lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Wisma Audit Negeri Terengganu pada 1 November 2016

Lokasi Tapak Projek Pembinaan

Mesyuarat Tapak Projek Pembinaan Wisma Audit Negeri Terengganu.

Majlis Penyerahan Bangunan Yayasan Budi Penyayang untuk Dijadikan Bangunan Wisma Audit Negeri Pulau Pinang pada 11 November 2016

YBhg. Dato' Mustafa bin Hj. Saman, TKAN (Prestasi), YBhg. Datin Siti Zaleha binti Bakar, Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang dan En. Ariff Farhan, Pengurus Besar Yayasan Budi Penyayang semasa Majlis Penyerahan Bangunan.

Lawatan Kerja YBhg. Tan Sri KAN di Tapak Pembangunan Bagi Projek Pembinaan Wisma JAN Negeri Sabah pada 2 dan 3 Jun 2016

CAWANGAN PENTADBIRAN

Pengemaskinian Maklumat mySPATA

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) Bil.1/2009 pada 19 Februari 2009 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah memutuskan bahawa Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) perlu membangunkan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (SPATA) untuk digunapakai oleh semua Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

Sehubungan itu, Cawangan ini dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia JAN telah menganjurkan "Bengkel Pemantapan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) Bagi Pegawai Jabatan Audit Negara" pada 18 hingga 21 April 2016 bertempat di Akademi Audit Negara. Penceramah untuk bengkel tersebut adalah Tn. Hj. Ab Rahman bin Majid dan En. Zamzuri bin Mohammad dari Jabatan Kerja Raya (JKR). Seramai 22 orang peserta telah menghadiri bengkel ini.

Objektif Program

- Memberi pendedahan mengenai pengurusan bangunan sendiri mengikut pekeliling dan juga panduan yang telah dikeluarkan;
- Memberi pendedahan kepada peserta tentang penggunaan Sistem mySPATA;
- Mewujudkan pangkalan data yang mempunyai maklumat aset tak alih yang lengkap, tepat, selamat, berintegriti dan mudah dicapai;
- Untuk mewujudkan pengurusan maklumat aset tak alih yang efektif dan efisyen bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan;
- Untuk memastikan pengurusan aset tak alih dilaksanakan secara sistematik, holistik dan lestari untuk mencapai faedah aset yang optimum; dan
- Untuk memastikan pelaksanaan penilaian dan pemantauan aset tak alih yang lebih mudah.

Bengkel Pemantapan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) pada 18 hingga 21 April 2016 di AAN.

En. Muhammad Bazli bin Che Ismail dari Cawangan Pentadbiran, Bahagian Kewangan & Pentadbiran memberi taklimat kepada peserta bengkel.

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) diwujudkan di JAN adalah bagi objektif dibawah:

- menguruskan sumber teknologi maklumat serta memberikan khidmat teknikal ICT; dan
- memastikan program pengkomputeran JAN dirancang dan dilaksanakan selaras dengan visi dan misi JAN.

Bagi melaksanakan objektif ini, BTM mempunyai persekitaran ICT yang perlu dirancang dan dilaksanakan selaras dengan misi JAN iaitu melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan laporan seimbang kepada Parlimen dan badan Perundangan Negeri kearah meningkatkan tadbirurus sektor awam.

Tiga aspek utama di dalam melaksanakan objektif BTM adalah meliputi:

- khidmat teknikal ICT, operasi dan rangkaian;
- pembangunan aplikasi; dan
- perolehan-perolehan ICT

Antara perolehan-perolehan ICT yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual berikut:

BIL.	KETERANGAN PROJEK
1.	Perkhidmatan membangun, menguji, melatih dan mentauliah Sistem Kertas Kerja Audit Elektronik *(eWorking Paper)* termasuk membekal, menghantar, memasang, menguji, melatih dan mentauliah perkakasan dan perisian serta kelengkapannya di JAN
2.	Perolehan Pencetak Secara Sewaan bagi tempoh tiga (3) tahun untuk JAN sekitar Lembah Kelang.
3.	Perolehan 83 unit *Notebook*, 30 unit Komputer Peribadi dan 20 unit perisian *converter* untuk JAN
4.	Perolehan sewa beli 5 unit *workstation*
5.	Penyambungan Perkhidmatan Penapis Kandungan *(Content Filtering)* untuk JAN selama 3 tahun
6.	Perolehan Peralatan komputer *(Thumbdrive, external HD)*
7.	Penyambungan Perkhidmatan Bagi Menyenggara Sistem Emel Microsoft Exchange 2010, Active Directory, Sistem *Centre Configuration Manager* (SCCM) dan Zmanda Archive serta memberi khidmat sokongan bagi tempoh dua (2) tahun di JAN
8.	Perolehan Perkhidmatan *Big File Share* (BFS)
9.	Perkhidmatan Penyelenggaraan Portal Rasmi JAN
10.	Sewaan webhosting *www.intosaiitaudit.org*
11.	Pembaharuan Lesen MySQL Enterprise bagi server portal

Bagi keperluan operasi serta khidmat teknikal, pencapaian yang diterima adalah apabila segala permasalahan telah dapat diambil tindakan sewajarnya serta program penambahbaikan keselamatan dan rangkaian tetap dipertingkatkan dan dikawalselia, serta sistem dan emel dapat dicapai oleh pengguna tanpa sebarang masalah.

KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PENGURUSAN SISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT *(INFORMATION SECURITY MANAGEMENT SYSTEM, ISMS)*

JAN secara rasminya telah memperolehi pengiktirafan di bawah piawaian MS ISO/IEC 27001:2005 & ISO/IEC 27001:2007 – ISMS pada 20 Disember 2013. Pada 17 September 2014, Audit Pemantauan ISMS SIRIM bagi stage 1 telah dijalankan. Pada 22 dan 23 September 2015 telah diadakan pengauditan ISMS oleh pihak SIRIM mengikut standard piawaian baru iaitu ISO/IEC 2701:2013.

Hasil pengauditan tersebut, JAN telah memperolehi 8 peluang penambahbaikan (OFI) dan tiada ketakakuran (NCR). JAN memperolehi sijil ISMS yang baru mengikut standard piawaian ISO/IEC 27001:2013 pada 5 November 2015. Pensijilan ini akan berakhir pada 19 Disember 2016. Seterusnya, JAN telah meneruskan pensijilan semula ISMS dengan melaksanakan audit dalam pada 24 – 26 Oktober 2016 dan audit SIRIM pada 10 dan 11 November 2016. Hasil pengauditan tersebut telah menemui 1 ketidakakuran (NC) dan 9 peluang penambahbaikan (OFI). Seterusnya pensijilan ISMS oleh SIRIM diberikan setelah tindakan pembetulan diambil.

KHIDMAT PENYENGGARAAN DAN SOKONGAN TEKNIKAL SECARA BERTERUSAN

Penyenggaraan Tidak Berjadual

Perkhidmatan penyenggaraan secara berterusan sama ada secara berjadual atau tidak berjadual merupakan salah satu teras perkhidmatan BTM. Pada tahun 2016, statistik penyenggaraan secara tidak berjadual yang melibatkan pelbagai peralatan ICT mencatat penurunan sebanyak 17% berbanding tahun 2015. Pecahan penyenggaraan secara tidak berjadual untuk setiap bulan adalah seperti carta di bawah.



Khidmat Sokongan Teknikal

Sistem Persidangan Video (VC) merupakan salah satu sistem komunikasi yang utama di JAN dan digunakan dengan amat meluas terutama dalam pengurusan mesyuarat. Pada tahun 2016, penggunaan VC telah mencatat penurunan sebanyak 11% yang mana bilangan keseluruhan penggunaan adalah sebanyak 30 kali. Berikut adalah statistik penggunaan VC bagi tahun 2016.



Pelupusan ICT

Sepanjang tahun 2016, BTM telah melaksanakan 3 siri pelupusan peralatan ICT Ibu Pejabat JAN. Senarai peralatan yang dilupuskan adalah seperti di dibawah.

JABATAN / BAHAGIAN	BIL.	JENIS	KUANTITI
Ibu Pejabat JAN	1.	Komputer Riba/Laptop	56
	2.	Komputer Peribadi	29
	3.	Pencetak	16
	4.	LCD Projektor	6
	5.	Pelayan Server	2
		JUMLAH	**109**

SISTEM-SISTEM UTAMA DI JABATAN AUDIT NEGARA

Antara sistem utama di JAN adalah seperti berikut:

Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara *(Ag's Dashboard)*

Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara atau *Auditor General's Dashboard (AG's Dashboard)* memaparkan status tindakan terkini bagi penemuan yang dibangkitkan di dalam LKAN. Portal ini dibangunkan selaras dengan Program Transformasi Kerajaan Kedua (GTP 2.0) di bawah inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Anti-Rasuah. Ia adalah platform bagi memaparkan maklum balas terkini kepada orang awam agar dapat menggalakkan ketelusan dan mempercepatkan penyelesaian isu di peringkat agensi/ jabatan.

Melalui portal *AG's Dashboard*, orang awam dapat melihat statistik tindakan susulan ke atas penemuan LKAN mengikut bilangan penemuan yang telah selesai, dalam tindakan dan tidak diambil tindakan.

Selain daripada itu, orang awam juga boleh mengemukakan komentar mengenai sesuatu penemuan dalam LKAN.

Paparan Portal *AG's Dashboard*

Portal Jabatan

Portal Rasmi JAN merupakan gerbang utama bagi orang awam mendapatkan informasi mengenai JAN. Oleh yang demikian, portal jabatan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Ruangan paling banyak dikunjungi oleh orang awam adalah Laporan Ketua Audit Negara. Ciri-ciri keselamatan yang tinggi dilaksanakan bagi memastikan maklumat dalam portal sentiasa dilindungi.

Paparan Portal JAN

Sistem eAUDIT

Selaras dengan perlaksanaan Pelan Trasnformasi JAN, inisiatif eAUDIT adalah salah satu program transformasi dalam kerja-kerja pengauditan iaitu melalui Kertas Kerja Audit Elektronik. Terdapat enam komponen dalam sistem ini iaitu komponen *Mobile Apps,* Aplikasi *Desktop, Excell, Web Services* dan Analitis Data.

Pembangunan Sistem eAUDIT diharapkan agar dapat meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan pengauditan melalui kertas kerja audit secara elektronik serta menggantikan Sistem Pengurusan Pengauditan(eSPP) mulai Disember 2016





Antara paparan Sistem eWP yang dibangunkan JAN

Sistem eARAS

Sistem eARAS digunakan oleh juruaudit dalam pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti. Kertas kerja online dan pengiraan markah pengurusan kewangan terdapat di dalam sistem ini. Dengan adanya kertas kerja online ini, maklumat kertas kerja boleh diisi oleh pasukan audit pada bila-bila masa dan ianya boleh dicapai di mana-mana lokasi yang ada akses internet.

Sistem eAras

Pasukan Rujukan
JABATAN NEGARA

PASUKAN RUJUKAN (SME) JAN

Tahun 2016 merupakan tahun keempat penubuhan Pasukan Rujukan (*Subject Matter Expert* – SME) JAN yang merupakan *'Point of Reference'* di kalangan Pegawai JAN terutamanya untuk berkongsi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran Juruaudit dalam bidang pengauditan. Selaras dengan penstrukturan semula Jabatan berasaskan kepada pengkhususan Audit, penyusunan semula SME telah dibuat. Sebanyak 12 Pasukan Rujukan telah dikenal pasti dan perlu dikekalkan. Pelantikan Ketua Pasukan yang baharu telah diluluskan oleh YBhg. Tan Sri KAN pada 20 Oktober 2016.

BIL.	PASUKAN RUJUKAN	NAMA KETUA PASUKAN RUJUKAN
1.	SME Pasukan Rujukan Teknologi Maklumat	Tn. Hj. Abdul Rashid bin Yaakub
2.	SME Pengauditan Pengkhususan I - Pengauditan Cukai Pendapatan, Pengauditan Tanah dan Pengauditan Perkastaman	Cik Lim Sok Kiang
3.	SME Pengauditan Pengkhususan II – Perolehan	En. Zaaba bin Zainuddin
4.	SME Pengauditan Pengkhususan II – Jaminan Kualiti	Pn. Yusnani binti Zakaria
5.	SME Pengauditan Pengkhususan II - *Fraud & Forensic*	Tn. Hj. Roslan bin Abu Bakar
6.	SME Pengauditan Pengkhususan III - Pengauditan Berkaitan Air dan Alam Sekitar	Ir. Md Wahid bin Mohd Nor
7.	SME Pengauditan Prestasi	YBhg. Datuk Juhari bin Haron
8.	SME Pengauditan Kewangan	Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan
9.	SME Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan	YBhg. Dato' Hj. Che Isa bin Hj. Che Kob
10.	SME Matlamat Pembangunan Kelestarian	Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan
11.	SME Pengurusan & Kewangan	En. Kamaruzaman bin Umar
12.	SME Perundangan, Peraturan & Standard	En. Zulkipli bin Abdullah

Setiap Pasukan Rujukan perlu mengemukakan Laporan Aktiviti kepada urus setia SME pada setiap enam bulan. Ini merupakan tanggungjawab Ketua Pasukan selaras dengan terma surat lantikan. Laporan Aktiviti yang telah dikumpulkan akan di analisa dan setiap aktiviti akan disusun mengikut jenis aktiviti yang dilaksanakan. Analisa aktiviti Pasukan Rujukan bagi Januari hingga Disember 2016 adalah seperti berikut:

ANALISA AKTIVITI PASUKAN RUJUKAN DARI JANUARI HINGGA DISEMBER 2016

BIL	JENIS AKTIVITI	BILANGAN PASUKAN YANG MELAKSANAKAN
1.	Latihan/Ceramah/Eksekutif/ Kursus/Bengkel/Taklimat	7
2.	Garis Panduan/Manual/*Handbook*/ Draf Akta	2
3.	Buletin/Brosur	5
4.	Maklumat Bagi Draf Pendedahan/Garis Panduan ASEANSAI/Konsultasi	2
5.	Soalan Lazim	5
6.	Mesyuarat Yang Diadakan	7

Sumber: Laporan Aktiviti Pasukan Januari-Disember 2016

Hasil daripada pelaksanaan aktiviti ini, setiap Pasukan Rujukan dapat meningkatkan keupayaan dan kecekapan sedia ada melalui pertukaran dan perkongsian maklumat, pengetahuan, pengalaman dan amalan terbaik pengauditan sektor awam.

Artikel

Memperkukuhkan Akauntabiliti Sektor Awam: Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

YBHG. Datuk Juhari bin Haron

LATAR BELAKANG

Pengurusan kewangan yang mantap adalah penting bagi memastikan sesebuah organisasi dapat melaksanakan aktiviti yang dirancang berjalan dengan baik. Ia juga dapat memastikan penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar, meningkatkan tahap kepuasan pelanggan dan kecekapan serta *value for money*. Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara (JAN) sebagai sebuah institusi yang mempunyai peranan yang besar dalam memastikan kecemerlangan pengurusan kewangan dan tadbir urus sektor awam sentiasa memperkasakan peranan dan fungsinya untuk meningkatkan akauntabiliti sektor awam. Di samping itu, JAN komited menjadi penggerak dan agen perubahan bagi pengurusan kewangan sektor awam.Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 5 Akta Audit 1957 memberi mandat kepada Ketua Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan penyata kewangan, pengauditan pengurusan kewangan dan pengauditan prestasi. Walau bagaimanapun dalam penulisan saya kali ini saya hanya akan memfokuskan kepada pengauditan pengurusan kewangan. Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan oleh JAN bertujuan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di bawah kawalan Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Jika disoroti, pada tahun 2005 Kerajaan telah menyarankan supaya satu sistem pengukuran pengurusan kewangan berasaskan *"star rating"* diwujudkan bagi menilai prestasi Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Menerusi sistem ini, Agensi Kerajaan boleh menggunakannya sebagai tanda aras *(benchmarking)* semasa menilai kemajuan usaha-usaha penambahbaikan dalam pengurusan kewangan mereka dari semasa ke semasa.

Pada tahun 2007, secara rasminya JAN telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti terhadap Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Komited memastikan penilaian pengurusan kewangan yang dijalankan kekal relevan dengan



YBHG. Datuk Juhari bin Haron
Pengarah Audit Bahagian I,
Sektor Audit Prestasi

perubahan semasa, sekali lagi pada tahun 2016 JAN telah menambah baik terhadap sistem penilaian sedia ada. Hasilnya, Pekeliling Ketua Audit Negara Bil. 1 Tahun 2016 telah dikeluarkan pada 2 Februari 2016 dan semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri adalah tertakluk kepada perubahan penilaian ini.

KAEDAH PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

Indeks Akauntabiliti dilaksanakan untuk memperkemas penilaian pengurusan kewangan agar lebih objektif dan bersistematik serta berupaya mengukur prestasi pencapaian pengurusan kewangan sektor awam. Ia merupakan satu sistem penarafan berasaskan markah bagi setiap elemen pengurusan kewangan yang diaudit dengan nilai wajaran yang ditetapkan. Indeks ini disemak dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan dengan perkembangan terbaru di arena antarabangsa seperti kehendak *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan aspek penilaian risiko. JAN telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan seperti berikut :-

- Secara Tahunan

  Melibatkan 25 Kementerian dan empat jabatan pemungut hasil Kerajaan yang besar; 13 Bendahari Negeri/Kementerian Sabah dan Sarawak; Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Majlis Agama Islam negeri.

- Secara Pusingan Setiap 3 Tahun

  Melibatkan Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri; Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Negeri; dan Pihak Berkuasa Tempatan.

- Secara *Across The Board*

  Dua Kementerian akan dipilih secara tahunan dan diaudit manakala pengauditan akan dijalankan di peringkat Ibu Pejabat dan semua 13 Pejabat Negeri.

Pengauditan pengurusan kewangan tidak hanya bertujuan bagi memastikan aktiviti pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa tetapi yang lebih penting adalah untuk aspek akauntabiliti (kebertanggungjawaban). Ini kerana kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, penyalahgunaan kuasa dan lain-lain aktiviti yang menyalahi undang-undang.

PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Selepas hampir 8 tahun pelaksanaannya, pada tahun 2015 JAN telah menambah baik penarafan Indeks Akauntabiliti sedia ada. Perubahan ini dibuat bagi memenuhi keperluan semasa sektor awam di samping memberi penilaian yang setara dengan agensi-agensi lain. Tambahan pula, pihak MAMPU turut mengambil kira markah Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti JAN dalam penilaian mereka terhadap Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang dinilai. Selain MAMPU, selaras dengan dasar Kerajaan iaitu Pengurusan Prestasi Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Perkhidmatan Awam, markah Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti JAN juga turut digunakan sebagai pengukur bagi aspek tadbir urus dan akauntabiliti untuk tujuan penilaian prestasi tahunan Penjawat Awam Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1 dan Tier 2.

Perubahan utama yang dibuat ialah JAN telah menambah elemen pengurusan kewangan yang dinilai daripada 6 kepada 8 elemen dengan memasukkan elemen Perolehan dan Kenderaan setelah mengambil kira aspek penilaian risiko dan potensi fraud . Ini adalah bertujuan bagi memantapkan lagi kawalan terhadap pengurusan kewangan oleh Pegawai Pengawal. Selain itu, JAN juga menambah baik kaedah *"star rating"* daripada 4 Bintang (Sangat Baik) kepada 5 Bintang (Cemerlang). Manakala markah bagi penarafan 1 Bintang (Tidak Memuaskan) dinaikkan daripada 49.9% ke bawah kepada 59.9% ke bawah selaras dengan Dasar Pemisah *(Exit Policy)* Kerajaan yang menetapkan penjawat awam yang berprestasi rendah ialah seseorang yang memperoleh markah kurang daripada 60% Laporan Penilaian Prestasi Tahunannya. Perubahan kepada kaedah penarafan daripada 4 Bintang kepada 5 Bintang adalah ditunjukkan seperti jadual berikut:

JADUAL 1 : PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

PERATUSAN MARKAH PENILAIAN (%)	TAHAP	PENARAFAN BINTANG
90 – 100	Cemerlang	★★★★★
80 – 89.9	Baik	★★★★
70 – 79.9	Memuaskan	★★★
60 – 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

ANALISIS DAN IMPAK

Perubahan kaedah penarafan mula berkuat kuasa pada tahun 2016 melibatkan prestasi pengurusan kewangan tahun 2015 manakala tahun 2017 merupakan tahun kedua pelaksanaannya. Pada tahun 2015, JAN telah melaksanakan pengauditan di 25 Kementerian dan 40 Jabatan Persekutuan. Berdasarkan pengauditan tersebut, pada keseluruhannya berlaku penurunan prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun 2015 berbanding 2 tahun sebelumnya. Pada tahun 2015, sebanyak 16 (64%) daripada 25 Kementerian mencapai Cemerlang berbanding 20 (83.3%) dan 23 (95.8%) daripada 24 Kementerian pada tahun 2014 dan 2013.

Namun, secara keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan bagi tahun 2015 adalah lebih baik dengan 180 Kementerian, Jabatan dan Agensi mendapat penarafan cemerlang 5 Bintang berbanding 174 pada 2014. Jika diimbas kembali semasa peringkat awal pelaksanaannya pada tahun 2007 daripada 212 agensi yang diberi penilaian, hanya 5% (10) telah mendapat Sangat Baik, 67% (141) di tahap Baik dan 28% (61) mendapat tahap Memuaskan. Pencapaian ketara sehingga kini menunjukkan pelaksanaan Indeks Akauntabiliti sesungguhnya telah memberi dorongan kepada Pegawai Pengawal untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan secara berterusan.

JADUAL 2 : TREND KECEMERLANGAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN SEKTOR AWAM

TAHUN KEWANGAN	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Bilangan Agensi Diaudit	212	274	384	340	341	326	371	340	311
Bilangan Agensi Cemerlang	10	20	48	77	111	131	194	174	180
Peratus Agensi Cemerlang (%)	5	7.3	12.5	22.6	32.6	40.2	52.3	51.2	57.9

*Nota : Prestasi keseluruhan melibatkan Kementerian/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri

CABARAN DAN STRATEGI PELAKSANAAN

Saban tahun, rakyat Malaysia dikejutkan dengan insiden kes-kes penyelewengan dan salah laku melibatkan penjawat awam. Sesungguhnya, perkembangan ini memberi imej negatif kepada sektor awam Malaysia. Antara faktor-faktor yang mendorong berlakunya kes-kes ini adalah disebabkan kelemahan seperti berikut :

- Tiada pengasingan tugas yang menyebabkan tiada *check and balance;*
- Tiada pusingan tugas terhadap perjawatan kritikal/penting yang memberi ruang kepada pegawai memanipulasikan kelemahan yang ada dan berkomplot dengan pegawai lain untuk kepentingan diri;
- Kelemahan terhadap pengurusan dana/geran seperti permohonan bagi program/aktiviti tidak dibuat berserta justifikasi dan justifikasi/rancangan agihan penyaluran peruntukan tidak dinyatakan secara terperinci ;
- Ketidakpatuhan kepada prosedur pembayaran seperti pembayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap dan sempurna serta amalan dana *parking*;

Justeru, bagi meningkatkan akauntabiliti sektor awam JAN akan memberi fokus kepada perkara berikut :

- Memasukkan faktor *risk-based auditing* dalam elemen-elemen utama yang mempunyai risiko fraud / penyelewengan yang tinggi;
- Mengenal pasti dan menetapkan kriteria-kriteria audit yang boleh dijadikan sebagai *fundamental criteria*. Sekiranya auditi gagal mematuhi *fundamental criteria* maka ia perlu dikeluarkan daripada penilaian PKAI;
- Menambah baik kaedah **pemarkahan** dan **wajaran**. Ini kerana, kaedah penilaian sedia ada tidak memberi kesan kepada markah keseluruhan penilaian walaupun auditi tidak mematuhi aspek-aspek utama elemen pengurusan kewangan;
- Meningkatkan **komunikasi dan penyelarasan** supaya **penilaian risiko** dapat dibuat sewajarnya;
- Menambah baik aspek **pensampelan** meliputi kaedah pemilihan sampel, prosedur audit untuk mendapatkan sampel dan bilangan sampel; dan
- Menambah baik cara **penulisan laporan pengurusan kewangan** dengan melaporkan secara terperinci bagi ketidakpatuhan yang ditemui melibatkan *fundamental criteria.*

Sesungguhnya, JAN sentiasa berusaha menambah baik pelaksanaan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti supaya akauntabiliti dalam sektor perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan dan amalan pengurusan kewangan yang baik dapat dibudayakan di kalangan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.

Tn. Hj. Khalid Khan
Bin Abdullah Khan
Pengarah Audit Bahagian I,
Sektor Audit Kewangan

KOMITMEN MALAYSIA DAN SUMBANGAN JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA TERHADAP MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDGs)

Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan

Pengalaman dan pencapaian Malaysia sepanjang tempoh 15 tahun dalam pelaksanaan Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) yang telah dilancarkan pada tahun 2000 telah meletakkan platform yang bersesuaian bagi negara untuk melaksanakan SDGs bagi tempoh 15 tahun akan datang yang bakal bermula pada tahun 2016. Agenda pembangunan negara dalam tempoh 5 tahun adalah polisi utama pelan pembangunan negara bagi jangka panjang dan dirangka berteraskan orientasi manusia dan semenjak tahun 2010 hingga 2015, polisi ini bergerak seiring dengan aspirasi MDG dan kemudiannya pada tahun 2016 hingga 2020 selari dengan aspirasi SDGs. Malaysia juga telah mencatatkan pembangunan ekonomi yang kukuh, pembangunan infrastruktur yang berkembang pesat dan penambahbaikan yang signifikan terhadap taraf sosial masyarakat dalam tempoh 15 tahun di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara.

PENCAPAIAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MILENIUM (MDG)

Menurut Laporan Matlamat Pembangunan Milenium Malaysia 2015 yang disahkan oleh *UN Country Team in Malaysia* telah mencapai impak pembangunan manusia yang baik secara sistematik, terarah dan usaha yang berterusan oleh kesemua *stakeholders*. Melalui rangka kerja yang digariskan dalam MDG, kemiskinan tegar dan masalah kebuluran telah berjaya dihapuskan di Malaysia (kadar kemiskinan adalah 8.5% pada tahun 2000 dan menurun kepada 0.6% pada tahun 2014); pendidikan peringkat sejagat awal bagi murid lelaki dan perempuan telah berjaya dicapai; kadar kematian kanak-kanak adalah sangat rendah dan setanding dengan tahap negara-negara pendapatan tinggi; kematian semasa kelahiran telah menurun melebihi separuh ganda (kadar purata kematian semasa kelahiran bertambah baik sebanyak

2.7% sepanjang tempoh 15 tahun), manakala kelahiran yang selamat dan penjagaan selepas kelahiran adalah tinggi, penyebaran wabak berjangkit seperti HIV/AIDS dan malaria telah berjaya dikurangkan, inisiatif pemuliharaan alam sekitar telah diserapkan ke dalam pelan dan polisi utama; sumber bekalan air bersih dan penjagaan sanitasi asas hampir berjaya diperluaskan di semua kawasan dan kawasan perumahan setinggan telah berjaya dikurangkan. Selari dengan polisi MDG dalam kesaksamaan jantina dalam pekerjaan, kepimpinan dan peranan sebagai pembuat keputusan, kadar penyertaan tenaga pekerja wanita telah meningkat kepada 53.6% pada tahun 2014 manakala dari segi kepimpinan dan peranan membuat keputusan, terdapat lebih ramai wanita dalam perkhidmatan awam dan mereka memegang 32.6% daripada pengurusan tertinggi. Pada tahun 2014, 29.5% daripada lembaga pengarah dalam semua syarikat yang berdaftar adalah wanita. Pencapaian pembangunan manusia ini telah berjaya direalisasikan di samping mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang sihat dan keamanan serta kestabilan sosial sebagai sebuah masyarakat majmuk, dan tanpa mengorbankan sumber alam sekitar semula jadi negara. Di samping itu, komitmen Malaysia untuk memastikan kelestarian alam sekitar telah berjaya dilaksanakan melalui undang-undang dan dasar-dasar alam sekitar dan pengurusan sumber asas, tenaga hijau, perancangan fizikal dan perubahan iklim. Antara instrumen polisi yang telah diwujudkan adalah Polisi Perubahan Iklim Negara (NCCP), Polisi Teknologi Hijau Negara (NGTP) dan Polisi Biodiversiti Negara untuk mengetengahkan isu-isu berkaitan perubahan iklim dan kelestarian sumber semula jadi. Inisiatif-inisiatif yang sedang diambil merangkumi promosi tenaga yang boleh diperbaharui; inisiatif-inisiatif penjimatan tenaga; pembangunan bangunan lestari dan perkakas elektrik jimat tenaga; serta pemeliharaan hutan dan usaha-usaha pemuliharaan. Berhubung dengan kerjasama untuk pembangunan global, Malaysia telah berubah daripada penerima bantuan pembangunan rasmi kepada rakan pembangunan dan semakin meningkatkan penglibatannya dalam kongsi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial dengan negara lain.

Sumber: *United Nations Sustainable Development*

KOMITMEN MALAYSIA KEPADA SDGs

Walaupun kejayaan global telah banyak dicapai untuk sasaran MDG, masih terdapat jurang-jurang yang harus ditangani kerana masih terdapat berjuta-juta manusia serata dunia yang ketinggalan, terutamanya dalam kalangan warga miskin dan mudah terjejas. Untuk menangani jurang ini, Agenda Pembangunan Lestari 2030 telah diperkenalkan oleh PBB pada akhir tempoh MDG dengan aspirasi untuk terus mengubah kehidupan berjuta-juta manusia yang kurang bernasib baik, ekonomi dan alam sekitar dengan menetapkan sasaran-sasaran global. Berbeza dengan Matlamat Pembangunan Milenium PBB 2000 - 2015 yang bertujuan untuk negara-negara membangun, SDGs merupakan agenda yang berani dan sejagat dengan sasaran yang lebih luas dan bebas. Kesemua 17 Sasaran SDGs yang telah diklasifikasikan daripada kemiskinan, kebuluran, kesihatan, pendidikan, kesaksamaan jantina, air dan sanitasi asas, tenaga, pertumbuhan ekonomi, infrastruktur, ketidaksamaan, bandar dan komuniti lestari, penggunaan, perubahan iklim, kehidupan di bawah air, kehidupan di atas tanah, keamanan dan keadilan serta kerjasama global.

Malaysia komited untuk menyokong, melaksana dan berada di landasan yang betul ke arah mencapai Agenda Pembangunan Lestari 2030 berdasarkan pencapaian-pencapaian memberangsangkan di bawah MDG. Dalam ucaptama bertajuk *"Malaysia's Commitment To The Sustainable Development Goals And A People-Centred ASEAN"* yang disampaikan oleh YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa simposium antarabangsa *"SDG Symposium: Operationalising The 2030 Agenda For Sustainable Development"* yang diadakan pada 23 Februari 2016 di Pusat Persidangan Antarabangsa Putrajaya, beliau telah menekankan 4 soalan utama yang perlu diketengahkan dalam masa Malaysia memasuki fasa pembangunan yang seterusnya. Pertama, sama ada negara ini sudah bersedia untuk mengambil cabaran dalam mencapai matlamat dan cita-cita? Kedua, apakah matlamat-matlamat yang dianggap penting kepada Malaysia sebagai sebuah negara? Ketiga, siapakah yang memainkan peranan yang penting dalam memastikan kejayaan Agenda 2030 bagi negara ini? Dan akhir sekali, bagaimana pencapaian negara diukur secara menyeluruh apabila ia berkaitan dengan matlamat pembangunan lestari? Mungkin beberapa jawapan kepada soalan-soalan ini pada dasarnya menunjukkan kebimbangan stakeholders terhadap kesediaan negara, keupayaan dan kapasiti serta struktur tadbir urus Kerajaan dalam pelaksanaan SDGs kerana ini melibatkan pembiayaan awam dan sumber lain Kerajaan yang besar. Tidak dapat dinafikan, peranan *Supreme Audit Institution (SAI)* dalam memantau, menilai dan melaporkan pelaksanaan SDGs amatlah penting. Adalah perlu untuk Jabatan Audit Negara (JAN)

memainkan peranan pengauditan SDGs dengan berkesan dan oleh itu ia perlu membuktikan keupayaannya sebagai institusi yang boleh dipercayai sebagaimana yang ditetapkan oleh Sasaran ke-16 SDGs untuk melaksanakan tugas ini secara efektif.

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), 2016-2020 dengan tema "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat" berfungsi sebagai polisi penting dan panduan bagi pembangunan lestari di Malaysia dan merangkumi 6 teras strategik di mana aspek-aspeknya menerapkan 17 Sasaran SDGs yang bertujuan untuk memacu ekonomi ke hadapan, menangani cabaran dan merebut peluang dalam landskap dunia yang sedang mengalami perubahan yang pesat. Matlamat pembangunan lestari global adalah disepadukan ke dalam rangka kerja perancangan sebagai sebahagian daripada *outcome* bagi teras strategik. Penekanannya adalah terhadap ekonomi rakyat, mengukuhkan komitmen Kerajaan untuk membangunkan rakyat dengan memperkayakan kualiti hidup mereka, memberikan maruah dan meningkatkan potensi mereka untuk mengambil bahagian dalam ekonomi. Rancangan Malaysia Ke-11 bertujuan untuk memastikan bahawa semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada kemakmuran ekonomi negara dalam usaha untuk mewujudkan ekonomi yang maju dan negara bersepadu menjelang tahun 2020. Ia menggariskan langkah-langkah konkrit untuk memastikan peluang yang saksama untuk semua lapisan masyarakat di mana kesejahteraan semua lapisan masyarakat akan dinaiktarafkan dengan menyediakan peluang yang sama rata terhadap penjagaan kesihatan yang berkualiti, perumahan mampu milik dan kawasan-kawasan perumahan dan tempat-tempat awam yang lebih selamat. Kawasan-kawasan pendalaman akan ditambah baik dengan meningkatkan perhubungan dan pergerakan serta mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif. RMKe-11 juga meletakkan penekanan yang lebih kepada meningkatkan kecekapan dan kemahiran modal insan negara serta kekuatan nilai dengan meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan mengukuhkan kemahiran rakyat melalui penambahbaikan pembinaan teknikal dan vokasional. Berhubung dengan isu-isu alam sekitar dan kelestarian jangka panjang, Malaysia mengguna pakai strategi pertumbuhan hijau untuk pembangunan yang menitikberatkan kepentingan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

SUMBANGAN JABATAN AUDIT NEGARA KEPADA SDGs

JAN berkongsi aspirasi yang sama dengan negara-negara lain dan komited dalam memainkan peranan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Rancangan Pembangunan Negara yang mengasimilasikan 17 Sasaran SDGs yang telah dipersetujui oleh 193 buah negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pada asasnya, peranan ini diperuntukkan di bawah mandat Audit untuk memastikan penggunaan dana awam yang cekap, berkesan, telus dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan program/projek Kerajaan secara keseluruhan dan akan termasuk juga perkara-perkara yang berkaitan dengan SDGs. PBB mengiktiraf peranan penting SAI dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Agenda SDGs PBB 2030 dan ini dapat dilihat daripada penggunaan resolusi PBB menggesa negara-negara anggota untuk mengukuhkan SAI dengan memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada kebebasan dan pembangunan kapasiti. JAN mengambil inisiatif secara dalaman dan luaran dalam mencapai matlamat untuk menjadi institusi yang berkesan, bertanggungjawab, dan menyeluruh di semua peringkat.

JAN secara aktif dan seiring dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk meningkatkan kedudukan sebagai sebuah institusi bebas terutamanya yang berkaitan dengan kemerdekaan dari segi pentadbiran dan belanjawan supaya ia dapat melaksanakan peranan dengan lebih berkesan dan secara bebas. Walau bagaimanapun di bawah mandat audit semasa, JAN mampu untuk menjalankan pengauditan prestasi untuk mengesan kemajuan dan memantau pelaksanaan polisi-polisi program dan projek Kerajaan serta laporan mengenai varians dan batasan dalam mencapai objektif program/projek. JAN percaya bahawa pengauditan prestasi merupakan alat penting yang akan memberikan penilaian objektif ekonomi, kecekapan dan keberkesanan hasil daripada program-program dan aktiviti-aktiviti dan akan mengukuhkan pemantauan dan penilaian program-program dan aktiviti Kerajaan.

Dalam konteks ini, peranan JAN dianggap penting untuk memastikan pelaksanaan SDGs dalam bidang kuasa rancangan pembangunan lima tahun dilakukan dalam pendekatan yang selaras dan kerjasama serta memastikan sumber dan dana secara berhemah digunakan dan dioptimumkan. JAN menggunakan pendekatan audit yang pro-aktif terutamanya bagi projek-projek jangka panjang atau projek-projek mega di mana pelaksanaan audit ke atas program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan tersebut dibuat bermula di peringkat pra, semasa dan selepas projek dijalankan. Dalam mereka bentuk dan mengutamakan rancangan audit bagi pelaksanaan SDGs, beberapa faktor perlu dipertimbangkan, seperti keutamaan negara dalam pelaksanaan SDGs dan pencapaian di bawah MDG; kapasiti dan keupayaan SAI, jenis kepakaran yang diperlukan, sumber kewangan yang ada, sistem dan data ketersediaan dan kesediaan.

JAN juga menyokong aktiviti perkongsian pengetahuan di kalangan SAI lain yang terlibat dalam program dan aktiviti pengauditan MDG sebelum ini kerana percaya kekayaan dan pengalaman yang luas dan pengetahuan yang diperoleh

daripada pengauditan MDG itu boleh dikongsi dan dirujuk dalam perancangan untuk pengauditan SDGs. Dalam hal ini, JAN sebagai Pengerusi ASOSAI telah mengeluarkan soal selidik pada Mac 2016 untuk mendapatkan maklum balas daripada ahli-ahli ASOSAI mengenai Pengauditan SDGs dan juga pengalaman audit mereka sebelum ini di bawah MDG. Selepas itu, JAN menganjurkan Bengkel 3 hari di Malaysia pada Mei 2016 untuk menilai status pelaksanaan SDGs dari segi penerimaan, pelaksanaan, laporan dan mekanisme pemantauan di kalangan ahli ASOSAI. Perbincangan bengkel termasuk menilai kesediaan sistem negara untuk melaporkan program ke arah pencapaian SDGs dan seterusnya untuk mengaudit operasi dan kebolehpercayaan data yang dihasilkan oleh mereka. Secara umumnya, kesimpulan bengkel ini adalah seperti berikut: kepakaran dalam bidang-bidang tertentu wujud di rantau ini dan SAI bersedia untuk berkongsi dari segi keupayaan pembinaan, garis panduan audit dan laporan audit. Walau bagaimanapun terdapat kebimbangan tentang bidang baru di bawah SDGs di mana kepakaran diperlukan dan SAI kekurangan kompetensi untuk menjalankan pengauditan yang efektif. Dari segi keutamaan pelaksanaan pengauditan SDGs, adalah paling sesuai untuk membuat penyelarasan audit dengan strategi negara serta mengenal pasti sasaran khusus di samping disokong dengan petunjuk berkaitan serta ketersediaan dan kesediaan data. SAI juga perlu memanfaatkan teknologi untuk mengumpul dan menganalisis maklumat dan data dalam pengauditan SDGs melibatkan agensi bersilang di mana data boleh didapati di platform yang berbeza, dalam format yang tidak berstruktur dan di lokasi geografi yang berbeza.

Secara dalaman, JAN telah memperkenalkan beberapa pendekatan untuk meningkatkan dirinya sebagai sebuah institusi model dari segi ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan seperti mempunyai semakan yang dijalankan oleh SAI luar, melaksanakan iCATS, menetapkan Petunjuk Prestasi Utama SAI dan menghasilkan Laporan Prestasi SAI. Bagi melaksanakan Sasaran ke-6 SDGs berkaitan institusi yang telus, cekap dan bertanggungjawab, JAN telah memperkenalkan beberapa pendekatan baru sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP). Sebelum ini, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) akan dibentangkan setiap tahun di Parlimen dan proses audit berakhir dengan perbincangan dan kemudian cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) kepada Kementerian/Agensi masing-masing untuk penambahbaikan. Cadangan JAN agar LKAN dibentangkan 2 kali setiap tahun di Parlimen telah diterima di bawah GTP untuk menjadikan proses audit menjadi lebih berkesan, cepat dan cekap serta membolehkan tindakan penambahbaikan diambil segera. Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara *(AG's Dashboard)* memantau tindakan yang diambil oleh auditi bagi semua isu audit yang dibangkitkan dalam LKAN untuk menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam sektor awam serta pihak berkuasa yang berkaitan boleh bertindak terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh audit walaupun ianya belum dibincangkan oleh PAC. *AG's Dashboard* merupakan satu pendekatan inovatif yang diperkenalkan oleh JAN dengan menyediakan saluran interaktif dalam talian kepada orang awam dan auditi untuk mengakses LKAN serta untuk mengesan tindakan terkini yang diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan terhadap isu-isu audit yang dilaporkan. Ia menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti kepada semua pihak yang dipertanggungjawabkan dalam menguruskan dana awam dan sumber, membolehkan auditi untuk mengemas kini maklum balas dalam talian, memuat naik dokumen-dokumen sokongan dan menyediakan pemberitahuan dalam talian bagi isu-isu yang tertunggak.

Untuk isu-isu audit yang memerlukan tindakan punitif, kes tersebut akan didengari oleh satu jawatan kuasa peringkat tertinggi dalam Sektor Awam Malaysia dikenali sebagai Jawatankuasa Tindakan ke atas LKAN yang dipengerusikan oleh Ketua Audit Negara dengan ahli-ahli terdiri daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan. Selepas perbicaraan dan berdasarkan tahap keberatan kes, Jawatankuasa ini akan mencadangkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan seperti JPA atau Polis atau SPRM untuk menyiasat lebih lanjut dan melaksanakan tindakan ke atas pesalah bagi kes-kes yang terdiri daripada: pecah amanah, salah guna kuasa, rasuah, penipuan, salah urus dana atau kecuaian. Kes-kes yang tidak dapat diselesaikan dan rumit akan dibawa ke *Putrajaya Inquisition* yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk tindakan segera.

Selain daripada mekanisme susulan interaktif atas talian yang disediakan oleh *AG's Dashboard*, JAN juga telah melaksanakan inovasi dengan memperkenalkan pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) untuk mempromosikan prestasi pengurusan kewangan cemerlang dalam sektor awam. Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) adalah penilaian objektif secara automatik berteraskan elemen kawalan dalaman untuk menilai dan mengklasifikasikan Kementerian/Agensi. Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) telah membantu Kementerian/Agensi dan Agensi pusat untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan mereka dalam pengurusan kewangan secara berkesan dan secara tidak langsung membenarkan mereka untuk memperkenalkan proses-proses kerja, peraturan dan syarat-syarat yang lebih efektif.

Mekanisme lain untuk mempromosikan ketelusan dan akauntabiliti dalam sektor awam Malaysia ialah dengan

menganjurkan sesi bersama media dan semua Ketua Kementerian/Agensi yang akan diadakan sebaik sahaja LKAN dibentangkan di Parlimen. Sesi ini dikendalikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Tujuan sesi ini adalah untuk memberi media peluang mendapatkan penjelasan terus dari Kementerian/ Agensi-Agensi berkenaan mengenai isu-isu audit yang dilaporkan dan perkembangan terkini mengenainya serta status tindakan yang diambil terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam mana-mana penyelewengan yang dilaporkan. Statistik mengenai tindakan punitif yang berkaitan dengan isu-isu yang dilaporkan dalam LKAN akan dibentangkan semasa sesi ini. Adalah diharapkan dengan publisiti yang meluas yang diberikan oleh media, pegawai-pegawai Kerajaan akan terhalang daripada terlibat dengan penyelewengan dalam pengurusan kewangan dan akan meningkatkan usaha yang sewajarnya di kalangan pegawai Kerajaan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

KESIMPULAN

JAN percaya bahawa untuk mencapai matlamat pembangunan lestari sebelum tahun 2030 akan memerlukan kolaborasi usaha perkongsian yang menyeluruh termasuk pemindahan sumber, inovasi, perkongsian pengetahuan serta perkongsian aktif antara Kerajaan, sektor swasta, badan bukan Kerajaan, masyarakat awam, universiti dan institusi penyelidikan, organisasi serantau serta peranan SAI dalam penilaian bebas dan laporan adalah sangat penting.

RUJUKAN

1. Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2015). Laporan Matlamat Pembangunan Milenium Malaysia 2015.

2. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2015). Rancangan Malaysia Kesebelas 2016 – 2020 (RMKe-11)

3. Laman Web UN Sustainable Development : http://www.un.org/sustainabledevelopment/

Tn. Hj. Roslan bin Abu Bakar CFE
Pengarah Bahagian Penyelidikan, Korporat dan Hubungan Antarabangsa, Pejabat Ketua Audit Negara

PENCARIAN *FRAUD*

Tn. Hj. Roslan Abu Bakar CFE

PENDAHULUAN

Juruaudit adalah bertanggungjawab untuk menjalankan pengauditan bagi tujuan tertentu sama ada bagi pengesahan Penyata Kewangan, pemeriksaan pematuhan atau penilaian prestasi (Jabatan Audit Negara, 2009). Pengauditan secara umumnya tidak dirancang untuk menemui *fraud* kerana sememangnya pengauditan telah ditetapkan untuk memeriksa bagi tujuan selain *fraud* .

Juruaudit mempunyai kewajipan memastikan pihak pengurusan (sama ada kepada pihak entiti secara individu atau melalui laporan kepada badan perundangan) berwaspada terhadap sebarang kelemahan yang mungkin wujud dalam rancangan atau pelaksanaan perakaunan dan sistem kawalan dalaman. (Jabatan Audit Negara, 2007)

Pengauditan yang dibuat berlandaskan tujuan selain *fraud* akan menghasilkan penemuan yang tidak menjurus kepada mengenal pasti *fraud* atau menghindari *fraud* . Oleh itu, untuk kita menemui *fraud* , pengauditan perlulah dirancang untuk mencari *fraud* kerana setiap penemuan audit yang dihasilkan bergantung sejauh mana Juruaudit memberikan fokus di dalam merancang untuk mencari *fraud* dan seterusnya meneruskan usaha untuk mencari *fraud*. Ia bermakna, Juruaudit telah bersedia dari awal bahawa *fraud* adalah perkara utama yang dicari dan tidak akan terperanjat jika terjumpa apa-apa *fraud* . Dasar 3 "P" iaitu Penyelewengan, Pembaziran dan Pemborosan yang diperkenalkan oleh YBhg. Ketua Audit Negara di samping 3 "E" iaitu *Economy, Eficiency* dan *Effectiveness* yang merupakan asas dalam Pengauditan Prestasi hendaklah dihayati dan dijadikan sebagai fokus semasa menjalankan pengauditan terutama dalam keadaan ekonomi sekarang yang kian mencabar (Jabatan Audit Negara, 2013) (INTOSAI). Oleh itu, seseorang Juruaudit hendaklah mempunyai perancangan yang teliti sebelum menjalankan pengauditan bagi mengenal pasti 3P dan 3E tersebut. [1] Artikel ini akan memberikan penekanan bagaimana Juruaudit merancang dan seterusnya menjalankan pengauditan bagi menjejaki *fraud* dalam pengauditan seharian yang dijalankan.

PERSEDIAAN MENCARI *FRAUD*

Fraud boleh berlaku di mana-mana peringkat pengurusan kewangan. Oleh itu seseorang Juruaudit hendaklah bersedia untuk menyiapkan dirinya sebelum berjuang mencari *fraud* . Perkara utama untuk persediaan mencari *fraud* terbahagi kepada dua iaitu perancangan penyiasatan *fraud* dan mengaplikasikan kaedah atau alat yang boleh membantu menjalankan penyiasatan *fraud* . Persoalan utama dalam melaksanakan misi mencari *fraud* adalah merancang untuk mencari *fraud* . Kita perlu menyediakan Rancangan Audit yang menjurus kepada mencari *fraud*. Sebagai contohnya, pernyataan objektif dan skop pengauditan *fraud* hendaklah seperti berikut: adalah untuk menentukan bahawa kejadian fraud di dalam syarikat ABC dalam proses perolehan yang dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan bagi tempoh Januari - Jun 2016. Jika objektif telah ditetapkan untuk mencari *fraud* , maka prosedur seterusnya adalah untuk menyediakan program audit bagi menjalankan pemeriksaan dan pengauditan untuk mencapai objektif berkenaan. Perjalanan perancangan seterusnya menjadi lebih mudah kerana seseorang Juruaudit perlu menyediakan strategi untuk tujuan mendapatkan fakta atau bukti yang sepatutnya bagi menyokong andaian yang ditetapkan. Aspek kedua yang penting untuk persediaan menjalankan penyiasatan *fraud* adalah kaedah atau alat yang boleh digunakan di dalam mengenal pasti *fraud* . Bagi membantu mengesan *fraud* , satu alat telah direka untuk menjalankan pemeriksaan bagi mengenal pasti *fraud* . Alat tersebut dikenali sebagai *"Fraud Risk Assesment tool". (Association of CFE, 2016)* Secara ringkasnya ia mengandungi 15 modul yang mencakupi pelbagai aspek untuk seseorang Juruaudit *fraud* menilai dan menganalisa sesuatu keadaan dengan menggunakan soal selidik yang berkaitan dengan *fraud* . Modul berkenaan adalah seperti berikut:

Modul 1 – Penilaian Pekerja
Modul 2 – Penilaian Pihak Pengurusan dan Pegawai Penting organisasi
Modul 3 – Kawalan fizikal untuk mengelakkan pekerja melakukan pencurian dan *fraud*
Modul 4 – Skim mencuri tunai sebelum diakaunkan *(skimming)*
Modul 5 – Skim mencuri tunai selepas diakaunkan *(larceny)*
Modul 6 – Skim pengubahan dan penyelewengan berkaitan cek
Modul 7 – Skim daftar tunai
Modul 8 – Skim Perolehan dan pengebilan
Modul 9 – Skim bayaran gaji
Modul 10 – Skim perbelanjaan
Modul 11 – Pencurian inventori dan peralatan
Modul 12 – Pencurian maklumat hak reka cipta
Modul 13 – Skim penyelewengan atau korupsi
Modul 14 – Konflik kepentingan
Modul 15 – Penipuan dalam Penyata Kewangan[2]

1. Konsep 3E adalah dari ISSAI 3000 manakala konsep 3P adalah idea dari Tan Sri Ambrin yang sering beliau tekankan
2. Modul asal dalam bahasa Inggeris diterjemahkan dalam bahasa melayu mungkin menyatakan makna yang kurang tepat

Setiap satu modul mempunyai set soalan yang tertentu untuk ditanyakan dan hasil pertanyaan berkenaan digunakan untuk menjalankan analisa mengenai *fraud* .

Setelah selesai semua soalan yang ditetapkan, Juruaudit *fraud* perlu mengkaji semula hasil penilaian dengan pihak pengurusan/ pelanggan/majikan untuk:

1. Menilai kemungkinan berlakunya *fraud* dikenal pasti.
2. Menilai mana orang dan jabatan-jabatan yang paling mungkin untuk melakukan *fraud* dan mengenal pasti kaedah yang mungkin mereka digunakan.
3. Mengenal pasti cara-cara pencegahan dan kawalan pengesanan untuk risiko *fraud* berkaitan.
4. Menilai sama ada kawalan dalaman yang ada dikenal pasti beroperasi dengan berkesan dan cekap.
5. Mengenal pasti dan menilai risiko sisa *fraud* yang terhasil daripada kawalan tidak berkesan atau tidak wujud.
6. Memberi respon kepada risiko *fraud* yang tersisa itu.

(Association of CFE, 2016)

STRATEGI MENCARI *FRAUD*

Strategi mencari *fraud* adalah sangat penting kerana jika tidak, adalah sukar untuk kita membuktikan sesuatu kes *fraud* yang disiasat. Jadi, strategi *fraud* yang berkesan adalah seperti berikut [3]:

1. Mengenal latar belakang individu yang berkenaan sama ada daripada pihak Pengurusan/Sokongan.
2. Memahami proses kerja daripada permulaan hingga akhir dan kawalan dalamannya.
3. Meneliti semua Prosedur Polisi dari tatacara & perundangan yang ada kena mengena dengan skop yang diperiksa/ disiasat.
4. Mengenal pasti sumber-sumber bukti yang akan dituju bagi mengumpul bukti yang diperlukan.
5. Mengumpulkan bahan-bahan bukti yang mencukupi dan memastikan tidak dirosakkan.
6. Menyediakan soalan *fraud* yang akan ditanyakan kepada individu-individu yang disyaki.
7. Menjalankan Pemeriksaan Dokumen dengan teliti sambil memikirkan secara skeptis.
8. Mengadakan Temu bual/Temu duga & Siasatan secara sistematik dan terancang sambil menanyakan soalan-soalan yang kritikal.
9. Memastikan penyimpanan dan keselamatan Bahan Bukti terpelihara untuk tujuan pembuktian dan pendakwaan.
10. Mengadakan Tempoh Siasatan yang mencukupi untuk memastikan tiada ruang yang tertinggal.
11. Melantik Pegawai Penyiasat yang berkaliber yang telah terlatih untuk membuat siasatan yang berkesan.
12. Menyediakan Laporan Siasatan yang tepat dan disokong dengan fakta yang tepat dan meyakinkan.
13. Menjaga aspek kerahsiaan dalam menjalankan penyiasatan sama ada semasa menjalankan siasatan atau selepas.
14. Mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan jika perlu untuk kes-kes yang tidak melibatkan pengurusan.
15. Menyediakan Pelaporan untuk tujuan Audit, Polis atau SPRM.
16. Memastikan kes diselesaikan mengikut skop perancangan yang ditentukan dan membuat pengecualian.

(Andrew Durant, 2004) (ACFE) (Jabatan Audit Negara, 2007)

3. Sebahagian rujukan diambil dari ACFE dan sebahagiannya dari artikel tulisan jurnal di dalam penerbitan ACFE. Juga berdasarkan pengalaman penulis sendiri

PETANDA *FRAUD*

Bendera merah atau *the red flags* untuk menunjukkan *fraud* adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian oleh Juruaudit di dalam tugas mengaudit. Terdapat pelbagai petanda yang dapat dilihat jika Juruaudit memberikan perhatian dalam senarai semak yang disediakan. Oleh itu, adalah penting untuk Juruaudit menyediakan senarai semak yang mengandungi petanda atau petunjuk *fraud*. Semasa menjalankan pengauditan, Juruaudit mungkin terjumpa secara tidak sengaja petanda *fraud* namun jika dia tidak merancang untuk mengenal pasti petanda tersebut, Juruaudit akan terlepas pandang. (ACFE) dalam pengauditan Penyata Kewangan contohnya, antara bendera merah yang boleh dinyatakan sebagai *fraud* sebahagiannya adalah:

1. Jumlah pendapatan dinaikkan tanpa bukti untuk meningkatkan pegangan aset menjadikan aset terlebih dinyatakan.

2. Jumlah perbelanjaan ditambah atau dikurangkan untuk tujuan mengurangkan atau meningkatkan keuntungan, justeru memberikan peluang untuk mengurangkan bayaran cukai pendapatan atau tujuan mengelak daripada membayar dividen. Untuk menyimpan beberapa pendapatan tambahan, mereka boleh memutuskan untuk mengubah kenyataan mereka untuk mencerminkan pendapatan yang rendah supaya cukai dikurangkan.

3. Pelaburan dibuat pada satu syarikat/Bank dengan jumlah yang banyak berbanding bank yang lain kerana ada kepentingan peribadi atau mendapat komisen dari bank-bank tertentu.

4. Terdapat Jurnal entri yang terlalu banyak tanpa proses kelulusan yang sah semata-mata untuk menutup perbelanjaan yang tidak dibenarkan atau tidak sah.

5. Terdapat perbelanjaan yang luar biasa berbanding tahun-tahun sebelumnya mungkin untuk tujuan mengaut keuntungan sebelum syarikat ditutup atau muflis.

6. Terdapat pencairan simpanan tetap dengan jumlah yang banyak berbanding bulan yang sebelumnya kerana tunai hasil daripada operasi tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang tidak dirancang.

7. Terdapat perbelanjaan mengurus yang dikapitalkan walaupun perbelanjaan berkenaan hanyalah perbelanjaan mengurus yang biasa yang tidak sepatutnya kapitalkan bagi tujuan menaikkan jumlah aset secara yang tidak betul.

8. Terdapat kesalahan perakaunan yang melampau seperti kurang atau terlebih nyata dan

9. Terdapat *"Write off"* yang mendadak terhadap hutang lapuk yang sebenarnya adalah pinjaman dalaman pegawai.

10. Peningkatan dalam *accounts receivables* yang sengaja dicatatkan sebagai akaun belum terima walau pun pada hakikatnya tunai telah dikutip.

Kesemua petanda yang dinyatakan di atas sebenarnya mungkin tidak semestinya *fraud* . Namun sekiranya Juruaudit berhati-hati dan peka dengan petanda fraud tersebut, maka mudah baginya meneruskan siasatan untuk mencari *fraud* . Terdapat banyak petanda *fraud* atau *"red flags"* namun kecekapan dan kesediaan Juruaudit dalam menghadapi kemunculan *fraud* boleh membantunya menangani *fraud* dengan lebih berkesan.

"Juruaudit perlu memastikan penemuan berkenaan *fraud* adalah tepat, objektif, jelas dan *timely*. Apabila Juruaudit mempunyai bukti kukuh yang menunjukkan *fraud* berlaku, beliau hendaklah memaklumkan perkara ini kepada pihak pengurusan atau jawatankuasa audit." (Jabatan Audit Negara, 2007)

BUKTI *FRAUD*

Fraud adalah sebarang perlakuan yang dilakukan sama ada dengan niat atau secara sengaja bertujuan untuk memperdaya satu pihak yang lain bagi mendapatkan harta atau wang yang dilakukan secara tipu muslihat atau tidak jujur[4]. Fraud adalah perbuatan yang dilakukan dengan sengaja oleh seseorang atau lebih di peringkat pengurusan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus tadbir atau pekerja atau pihak ketiga yang melibatkan penggunaan unsur-unsur penipuan untuk mendapat manfaat kewangan yang tidak sah daripada segi undang-undang. Fraud adalah satu perbuatan yang salah di sisi undang-undang, melibatkan perbuatan penipuan, tipu daya, penyembunyian atau pecah amanah yang bertujuan untuk mendapatkan keuntungan, melibatkan perhubungan yang tidak sah dari segi undang-undang di antara dua entiti di mana sebelah pihak mempunyai niat untuk memperdaya pihak yang lain dengan memberi gambaran yang salah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan yang tidak sah dari segi undang-undang (Jabatan Audit Negara, 2007). Berdasarkan definisi di atas, bukti yang diperlukan untuk sesuatu fraud adalah sesuatu perlakuan atau perbuatan termasuk contohnya memalsukan dokumen atau tandatangan atau mengubahsuai sesuatu dokumen. Ketinggalan merujuk kepada dengan pengetahuannya atau sengaja gagal untuk memaklumkan atau menyatakan sesuatu fakta yang penting. Selain itu, kesalahan representasi merujuk kepada kenyataan palsu sesuatu fakta yang bukan berbentuk pendapat. Pembuktian hendaklah dibuat melalui dua peringkat iaitu peringkat dokumen atau saksi dan keduanya melalui dokumen kedua atau saksi yang tahu bahawa secara peribadi mengenai kesahihannya. Dengan sengaja atau dengan pengetahuan merujuk kepada berlaku dengan ilmu pengetahuan sebenar bahawa kenyataan yang dibuat adalah palsu dan akan memesongkan pemahaman penerima. Kenyataan untuk mendapatkan faedah merujuk kepada mendapatkan habuan atau keuntungan atau untuk mendapatkan faedah justeru perbuatan tersebut menipu satu pihak yang lain. Mengelakkan daripada melaksanakan tanggungjawab pula adalah merujuk kepada mengelakkan dari melakukan obligasi yang sepatutnya dilaksanakan mengikut perjanjian atau kontrak. Secara ringkasnya pembuktian fraud harus menepati kriteria yang disebutkan di atas meliputi:

1. Perbuatan salah menipu.
2. Untuk tujuan mendapatkan faedah.
3. Secara sengaja atau tidak sengaja.
4. Meninggalkan sesuatu tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan.

Jika dilihat dalam situasi fraud penyata kewangan, sekiranya seorang Akauntan secara sengaja menyatakan sesuatu kenyataan yang palsu dalam penyata kewangan yang disediakan dengan sengaja atau tidak sengaja bagi mengaburi pengguna penyata berkenaan boleh dituduh melakukan fraud . Oleh itu, bagi membuktikan perkara ini, Juruaudit hendaklah mendapatkan dokumen yang perlu seperti lejar, jurnal, buku tunai dan sebagainya bagi membuktikan kesalahan perbuatan tersebut. Selanjutnya dia perlu mendapatkan saksi bagi menyatakan bahawa perbuatan tersebut adalah menyeleweng daripada cara yang sebenarnya patut dilaporkan. *(International Financial Institutions, 2006)*

4. Definisi mengikut Garis Panduan Pengauditan Fraud Jabatan Audit Negara yang diambil dari sumber-sumber yang berbeza-beza.

RUJUKAN

1. *ACFE. (n.d.). Fraud Manual.*
2. *Andrew Durant, C. F. (2004, July). Fraud Prevention: The latest techniques . Fraud Magazine.*
3. *Association of CFE. (2016). Fraud Assesment Tool. Texas: ACFE*.
4. Jabatan Audit Negara . (2007). Garis Panduan Pengauditan *Fraud* . Putrajaya: Jabatan Audit Negara.
5. *International Financial Institutions*. (2006, September). *International Financial Institution Anti Corruption Task Force. Anti Corruption Task Force Guidelines.*
6. *INTOSAI. (n.d.). ISSAI 3000.*
7. Jabatan Audit Negara . (2010). Manual Pengauditan Jabatan Audit Negara.
8. Jabatan Audit Negara. (2008). Garis Panduan Pengauditan Prestasi. Putrajaya: Jabatan Audit Negara.

TRANSFORMASI PENGAUDITAN KEPADA KERTAS KERJA AUDIT ELEKTRONIK

Tn. Hj. Y. Hamdan bin Mohd Dom

KERTAS KERJA....jangan salah faham kepada seorang usahawan, menganggapnya ialah suatu cadangan atau proposal untuk penilaian projeknya. Sebaliknya, kertas kerja dalam pengauditan, merupakan dokumen catatan mengenai kerja audit yang dilakukan sebagai bahan bukti kepada pengauditan yang telah dijalankannya.

Juga jangan keliru dengan terma elektronik, kerana bukanlah bermaksud dengan menekan klik tetikus, maka semua kerja pengauditan selesai dibuat untuk juruaudit. Sebaliknya, bermaksud dengan bantuan komputer, beberapa kerja audit dipermudahkan secara automasi.

Penggunaan kertas kerja audit elektronik adalah selaras dengan amalan yang dipraktikkan oleh firma audit swasta yang bersaiz besar dan sederhana seperti Tetuan PricewaterhouseCoopers (PwC), KPMG, Ernst & Young (EY) dan Deloitte Touche Tohmatsu (Deloitte), yang kini telah pun menggunakannya bagi pengauditan terhadap akaun pelanggan mereka. Firma berkenaan telah membangunkan sistem kertas kerja audit elektronik secara dalaman kerana mempunyai kemampuan sumber serta memiliki rangkaian pejabat yang luas. Selain itu, terdapat perisian berkaitan kertas kerja audit elektronik di pasaran seperti *Team Mate* dan *Audit Xpress.*

Tn. Hj. Y Hamdan bin Mohd Dom
Timbalan Pengarah Audit
Bahagian Pengauditan ICT,
Sektor Audit Prestasi

LATAR BELAKANG

Akta Audit 1957 menyatakan keperluan Jabatan Audit Negara (JAN) melaksanakan Pengauditan Penyata Kewangan iaitu akaun Kerajaan Persekutuan, akaun Kerajaan Negeri, akaun Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, akaun Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam yang masing-masing mempunyai perundangan khusus seperti Akta Badan Berkanun 1980 (Akta 240), Akta Kerajaan Tempatan 1976, *Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedures) (Amendment) Ordinance 2004 Sarawak, The Local Authorities Financial Regulations 1997,* Sabah, Akta/Ordinan/Enakmen Tubuh agensi dan Peraturan/Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan. Pada penghujung sesuatu pengauditan, Ketua Audit Negara akan memberikan pendapat audit melalui laporan audit terhadap akaun yang diaudit.

Pada tahun 90-an, format kertas kerja audit JAN adalah berpandukan Buku Arahan Tetap sebagai rujukan untuk pasukan audit dalam menjalankan pengauditan penyata kewangan dan juga pengauditan lain. Seterusnya, diperkenalkan pula standard MS ISO 9001:2008 dalam pengauditan yang mengandungi borang-borang yang perlu dilengkapi oleh juruaudit sebagai suatu keperluan dalam mematuhi Prosedur Kualiti dan Arahan Kerja. Dokumen standard berkenaan merupakan pendekatan kepada kawalan dan kualiti kerja di sepanjang kerja pengauditan.

Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan (GPPK) dilancarkan semasa Hari Audit 1Malaysia pada tahun 2014, mengandungi format dan templat kertas kerja audit yang lebih komprehensif. GPPK berkenaan mengambil kira pematuhan kepada International *Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*, iaitu standard yang dikeluarkan oleh *International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)* sebagai amalan terbaik untuk Institusi Audit Utama (Supreme Audit Institutions - SAI). Kandungan dalam GPPK berkenaan meliputi peringkat-peringkat audit iaitu perancangan, interim, muktamad dan prosedur am yang masing-masingnya mempunyai kertas kerja. Kertas kerja berkenaan kini telah berubah kepada medium elektronik.

Proses kerja pengauditan bagi Penyata Kewangan secara elektronik ini memberi impak kepada lebih kurang 503 pegawai audit JAN di seluruh negara.

KERTAS KERJA AUDIT ELEKTRONIK

Sistem perakaunan sektor awam masa kini diuruskan berasaskan akruan dan tunai. Oleh yang demikian format khusus bagi kertas kerja audit elektronik berasaskan akruan bagi akaun Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam, berasaskan tunai bagi akaun Kerajaan Persekutuan dan akaun Kerajaan Negeri. Bagi kertas kerja audit elektronik berasas akruan, terdapat templat yang mengandungi sebanyak 746 senarai semak bagi pengauditan muktamad berkaitan bajet, hartanah, loji dan peralatan, pelaburan, pinjaman diberi, penghutang, penyata aliran tunai, pendapatan dan perbelanjaan. Senarai semak bagi pengauditan interim pula, adalah sebanyak 507 di mana ianya berkaitan dengan penyata penyesuaian bank, sistem penerimaan dan juga sistem pembayaran. Senarai Kertas Kerja Audit Elektronik adalah seperti di Gambar 1.



Gambar 1: Senarai Kertas Kerja Audit Elektronik

Item utama akaun iaitu *Leadsheet*, mengandungi elemen perancangan audit dan pelaksanaan audit. Mempunyai petunjuk angka, indikator penggunaan warna, nilai perbandingan serta mengandungi analisis prestasi kedudukan kewangan. Bagi akaun yang

mempunyai data penyata kewangan yang diperoleh dari auditi, data berkenaan dimuat naik ke leadsheet atau jika data penyata kewangan tersebut tidak diperolehi, juruaudit perlu menyalin semula maklumat penyata kewangan pada *leadsheet*. Lihat Gambar 2 Paparan *Leadsheet*.



Gambar 2: Paparan *Leadsheet*

Item yang melibatkan pengiraan menggunakan formula telah dirangkum dalam *Excel*. Formula berkenaan telah dikunci ia tidak boleh dipinda oleh pengguna lain supaya kekal konsisten sebagaimana ditetapkan oleh *Subject Matter Expert (SME)*. Oleh yang demikian pengguna tidak lagi perlu menjana formula setiap kali menghadapi item yang melibatkan pengiraan.

Penyediaan rujuk silang merupakan suatu keperluan dalam pengauditan sebagai pengesahan yang dirujuk kepada sumber transaksi. Namun adalah agak rumit sekiranya dilakukan secara manual. Hal sedemikian melibatkan banyak helaian kertas yang perlu diselak dan pada masa yang sama membuat catatan rujuk silang berkenaan. Lihat Gambar 3 Rujukan Silang Secara Manual. Bagi tujuan tersebut, sistem telah menyediakan, pendekatan rujuk silang antara item dan *sheet* secara *hyperlink* bagi menghubungkan antara *cell* dan *sheet*.

Gambar 3: Rujukan Silang Secara Manual

